MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

2019

HARI SELASA : 10 DISEMBER 2019

NO SOALAN: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah pemantauan halal secara berkala yang telah dijalankan oleh Kementerian mengenai ikan dan hasilan ikan bagi mengesan kehadiran asid deoksiri bonukleik (DNA) porsin (Porcine ID) atau makanan ikan berasaskan babi ke atas produk perikanan seluruh negara, termasuk ikan, makanan ikan dan tepung ikan.

NO SOALAN: 1

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2011, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bersama Jabatan Kimia Malaysia telah membangunkan kaedah analisis bagi pengesanan kehadiran asid *deoksiribonukleik* (DNA) *porcine* di Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur dan Pusat Biosekuriti Perikanan Bintawa, Sarawak. Makmal DNA *Porcine ID* ini juga telah mendapat akreditasi ISO/IEC 17025:2005 bermula pada tahun 2016.

2. Pemantauan secara berkala dan berterusan telah dilaksanakan ke atas sampel ikan, moluska, makanan ikan, tepung ikan dan produk berasaskan surimi. Persampelan juga dibuat sekiranya terdapat aduan daripada pihak tertentu mengenai keraguan kehadiran DNA *porcine* kepada ikan atau hasilan ikan. Sehingga tahun 2018, sebanyak 3,110 sampel telah diambil bagi tujuan analisis yang mana 341 (11%) sampel dikesan positif DNA *porcine* manakala sebanyak 2,769 (89%) sampel lagi adalah bebas daripada DNA *porcine*.

NO SOALAN: 1

3. Bagi sampel yang dianalisis positif kehadiran DNA *porcine*, DOF akan mengambil tindakan seperti berikut:

   - memaklumkan kepada pembekal makanan ternakan mengenai keputusan analisis dan menasihatkan supaya menukar bahan mentah baru yang bebas kontaminan DNA *porcine* untuk pengeluaran berikutnya;

   - membuat pensampelan semula bagi sampel makanan ternakan yang menggunakan bahan mentah yang baru; dan

   - memaklumkan kepada penternak ikan untuk menukar kepada makanan yang bebas kontaminan DNA *porcine*.

4. Sehingga kini, hanya sampel ikan dan makanan ikan *(pallet)* sahaja yang dikesan mengandungi DNA *porcine*. Manakala bagi sampel moluska, tepung ikan dan produk berasaskan surimi, kehadiran DNA *porcine* tidak lagi dikesan sejak tahun 2014.

5. Tiada sebarang kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bagi makanan ternakan yang mengandungi DNA *porcine* kecuali bagi isu *false labelling,* di mana kandungan ramuan makanan ternakan tidak dinyatakan secara tepat. Bagi kesalahan ini, tindakan akan diambil di bawah peraturan pelabelan Akta Makanan Ternakan 2011. Manakala bagi makanan manusia, kesalahan kandungan dan status halal makanan adalah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

NO SOALAN: 1

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah persiapan dan perancangan Kerajaan dalam berhadapan dengan situasi beberapa bandar di Malaysia bakal ditenggelami air sebagaimana kajian yang dibuat oleh 'Nature Communication', dengan menggunakan 'Digital Elevation Models' (Coastal DEMs).

NO SOALAN: 2

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) berasaskan dapatan kajian perubahan iklim dan kenaikan aras laut telah membantu agensi perancang dan agensi pelaksana dalam merancang pembangunan fizikal dan menyediakan pelan mitigasi untuk menangani isu bencana air termasuk potensi banjir di kawasan persisir pantai akibat kenaikan paras air laut. Tindakan yang telah diambil merangkumi:

i) menjalankan kajian kenaikan aras laut bermula pada tahun 2010 dan kemudiannya mengemaskini nilai unjuran kenaikan aras laut di seluruh Malaysia berdasarkan senario terkini pada tahun 2017;

ii) menjalankan penilaian dan cadangan langkah adaptasi kesan kenaikan aras laut di lokasi-lokasi terpilih bagi persisir pantai negara seperti di Kedah, Terengganu, Sabah, Lembangan Sungai Sarawak, Selangor, Perak, Kelantan, Melaka Negeri Sembilan dan Johor melalui penghasilan Peta Inundasi Kenaikan Aras Laut;

iii) dapatan kajian ini juga telah membantu agensi-agensi kerajaan dalam mempertingkatkan kesiapsiagaan dan persiapan bencana, perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal sebagai contohnya melalui:

- **National Disaster Management Agency (NADMA)**: membantu agensi dalam kesiapsiagaan dalam pengurusan bencana akibat kesan kenaikan aras laut;
- **PLAN Malaysia (Jabatan Perancang Bandar dan Desa)**: membantu dalam perancangan pembangunan di dalam Pelan Rancangan Tempatan (RT), Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Fizikal Negara dan Rancangan Fizikal Zon Pantai Negara (RFZPN). Sebagai contoh deraf Rancangan Struktur Negeri Terengganu (2050) – Kajian Semula yang telah memasukkan elemen perubahan iklim dan kenaikan aras laut.
- **Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)**: Membantu dalam penyediaan pelan adaptasi dan perlindungan dalam menangani impak kenaikan aras laut dan banjir pantai melalui Integrated Shoreline Management Plan (ISMP). JPS juga telah melaksanakan pembinaan ban pantai dan struktur pemecah ombak bagi menangani isu ini;
- **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)**: program penanaman semula bakau di kawasan pesisir pantai yg terkesan dari hakisan pantai dan melaksanakan pengurusan hutan yang lestari dan mampan.

iv) kajian dari aspek potensi banjir tahun 2030 dan 2050 di 15 lembangan sungai juga telah dilaksanakan yang menjurus kepada peningkatan kawasan liputan banjir. Keadaan ini memerlukan langkah perancangan perbandaran yang lebih teliti seperti

penyediaan Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Fizikal Negara (RFN).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

a) jumlah aduan yang dianggarkan oleh Kerajaan selepas Akta Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) berkuat kuasa nanti berbanding jumlah aduan yang diterima sehingga kini di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS); dan

b) apakah Kerajaan menyediakan satu saluran atau sistem aduan baharu bagi menggantikan Sistem Pengurusan Aduan Awam Polis Diraja Malaysia (SPAAA).

NO SOALAN: 3

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Buat masa ini, Kerajaan tidak membuat sebarang anggaran kerana ia bersifat spekulatif. Bagaimana pun, Kerajaan memberi jaminan IPCMC bukan hanya bertujuan untuk menerima aduan sahaja tetapi ditubuhkan untuk menjaga kebajikan anggota PDRM.

(b) Biro Pengaduan Awam (BPA), JPM memperkenalkan sistem i-SPAAA (Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu) sejak tahun 2007 dan mula diguna pakai oleh Agensi Kerajaan sejak tahun 2009 termasuk PDRM. Sistem ini kemudiannya dinaik taraf kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, PDRM tidak dapat menggunakan sistem ini sepenuhnya atas beberapa faktor iaitu bagi mengawal kerahsiaan aduan dan data PDRM memandangkan *server* sistem adalah dibawah kawalan BPA serta spesifikasi dan skop tugas PDRM berbeza dengan lain-lain agensi. Sehubungan dengan itu, JIPS telah membangunkan *e*-SPA PDRM (Sistem Pengurusan Aduan PDRM) yang dijangka akan mula diguna pakai oleh semua formasi PDRM pada awal tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**
TARIKH	**:**	**9 DISEMBER 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan pengecualian 'stamp duty' untuk membantu rakyat mengurangkan bebanan kali pertama untuk membeli rumah.

NO SOALAN: 4

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah menyediakan insentif dalam bentuk pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama oleh rakyat Malaysia. Pengecualian duti setem yang diberikan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan bebanan rakyat Malaysia dalam menanggung kos pemilikan rumah kediaman.

Pengecualian duti setem yang diberikan adalah seperti berikut:

a. Pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga sehingga RM300,000. Pengecualian ini berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020;

b. Pengecualian duti setem 100% terhad ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 dan RM1 juta daripada mana-mana pemaju perumahan bagi tempoh 6 bulan sahaja. Pengecualian ini berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019; dan

c. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 dan RM500,000. Pengecualian duti setem 100% diberikan terhad kepada RM300,000 pertama harga rumah tersebut. Baki selebihnya daripada harga rumah tersebut adalah tertakluk kepada kadar duti setem semasa. Pengecualian ini berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2020.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengumumkan Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign*, atau HOC) yang diadakan mulai 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019 bagi menggalakkan pemilikan rumah kediaman. Kerajaan seterusnya telah melanjutkan tempoh kempen ini kepada 31 Disember 2019 berikutan sambutan yang baik daripada rakyat Malaysia. Kempen ini merupakan kerjasama Kerajaan bersama dengan syarikat-syarikat pemaju di mana pihak pemaju akan memberikan diskaun sekurang-kurangnya 10% ke atas rumah yang sedia dibina, dan pihak Kerajaan pula menawarkan pengecualian duti setem. Pengecualian duti setem diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian perumahan bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**
TARIKH	**:**	**9 DISEMBER 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan cara-cara Kementerian untuk membantu meningkatkan perniagaan secara elektronik (e-commerce) dan e-dagang khususnya untuk membangunkan perniagaan kecil dan sederhana (SMEs) di kawasan bandar mahupun luar bandar.

NO SOALAN: 5

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Peranan untuk membantu pengusaha tempatan termasuk sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini tidak hanya terletak kepada KPDNHEP sahaja, malah ianya merupakan tanggungjawab bersama pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan bagi menggembleng tenaga membantu perusahaan tempatan di negara ini. Kementerian tidak boleh bergerak sendirian tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang turut mempunyai agenda membangunkan usahawan tempatan.

2. Sehubungan itu, Kementerian sering bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), MARA, SME Corp., SIRIM, *Malaysia Design Development Centre* (DDEC) dan pelbagai agensi lagi di mana matlamat akhirnya adalah bertujuan sama iaitu untuk membangunkan usahawan tempatan bagi mencapai standard yang telah ditetapkan di pasaran.

NO SOALAN: 5

3. Agensi seperti MDEC dan Martrade juga ada menyediakan platform kolaborasi dgn pemain pemain e dagang yang terkemuka seperti Alibaba.com bagi membantu SMEs memasarkan produk mereka ke pasaran antarabangsa.

4. Selain itu, ledakan ekonomi digital menyebabkan lebih ramai pengguna di negara ini memilih untuk membeli barangan secara atas talian terutamanya bagi generasi muda. Justeru, Kementerian mengambil langkah progresif dengan **menjalinkan kerjasama strategik bersama platform e-dagang** seperti Shopee, Lazada, Presto Mall dan lain-lain lagi untuk mengetengahkan produk tempatan melalui pelbagai strategi promosi dan jualan.

5. Kerjasama pihak Kementerian dengan Shopee contohnya, bagi kempen jualan produk-produk tempatan sempena jualan khas 11 November (disebut sebagai 11.11) pada tahun ini, telah mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 114% berbanding jualan khas 10 Oktober (disebut sebagai 10.10), manakala jumlah tempahan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 152% berbanding jualan khas 10 Oktober bagi barangan buatan Malaysia yang terdapat lebih kurang 3500 produk usahawan tempatan.

NO SOALAN: 5

6. Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia (KBBM) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mencapai kejayaan luar biasa apabila kerjasamanya dengan platform e-dagang Shopee telah memperolehi jualan sejumlah RM 3,106,918 sejak dilancarkan dua bulan lepas. Dalam tempoh 66 hari (data setakat 30 November 2019), pihak Shopee telah mempamerkan 3,500 produk buatan Malaysia daripada pelbagai kategori melalui halaman koleksi Barangan Buatan Malaysia. Purata pesanan harian bagi barang-barang buatan tempatan yang dijual melalui halaman koleksi ini meningkat 280 peratus kepada RM47,074.52 sehari berbanding RM12,381sehari sebelum kami melancarkan KBBM pada platform e-dagang tersebut.

Pada 11 November lalu ketika berlangsungnya Shopee 11.11 Big Sale sahaja, urus niaga yang melibatkan produk buatan Malaysia telah mencatat jualan berjumlah kira-kira RM 500,000 dalam sehari. Keberhasilan ini dicapai kerana kami sangat jelas mengenai strategi kami untuk memanfaatkan kerancakan urus niaga e-dagang menjelang tempoh akhir tahun.

7. Kementerian juga telah **bekerjasama dengan pihak Air Asia Berhad** di mana pihak Air Asia telah memperuntukkan sebilangan produk-produk tempatan di dalam *in-flight menu* mereka (10 produk buat permulaan) dan juga memberikan pengecualian *listing fees* yang berjumlah RM5,000.00 kepada 550 usahawan tempatan ke dalam senarai katalog *marketplace* mereka iaitu Rokki.com dan OURSHOP.

NO SOALAN: 5

8. Dalam masa yang sama, Kementerian turut berperanan untuk memastikan bahawa produk-produk yang dijual di atas talian ini adalah memenuhi spesifikasi sebagaimana yang telah diiklankan dan pengguna pula seharusnya menggunakan kuasa mereka untuk mengelakkan daripada berlakunya penipuan. Kementerian ini juga adalah merupakan Kementerian yang mengawalselia aktiviti e-dagang di Malaysia. Sekiranya terdapat aduan daripada para pengguna, Kementerian akan bertindak mengikut perundangan yang telah ditetapkan.

9. Sebagai inisiatif untuk membantu peniaga atas talian, Kementerian turut menerbitkan **Panduan Menjalankan Perniagaan eDagang Kepada Peniaga** yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam memulakan perniagaan secara elektronik selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

10. Sebagai langkah yang lebih menyeluruh, Kementerian juga telah **melaksanakan advokasi secara digital** melalui penghasilan **infografik digital** yang dimuat naik melalui media sosial Kementerian berkaitan garis panduan yang perlu diketahui oleh peniaga dan pengguna dalam menjalankan transaksi dalam talian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang telah dicapai melalui beberapa perbincangan yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengumumkannya secara terbuka memandangkan perkara ini dinanti-nantikan oleh penduduk Sabah dan Sarawak.

NO SOALAN: 6

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind bertarikh 10 Disember 2019 ini, bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose juga bertarikh 10 Disember 2019, soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing bertarikh 10 Disember 2019 dan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong bertarikh 17 Disember 2019 memandangkan persoalan-persoalan yang dibangkitkan adalah mengenai perkara yang sama, iaitu mengenai Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini,

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia yang terakhir iaitu kali yang keempat telah diadakan pada 18 November 2019 yang lalu. Mesyuarat ini telah dipengerusikan YAB Perdana Menteri dan telah dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Persekutuan, Sarawak dan Sabah.

NO SOALAN: 6

Jawatankuasa Khas Kabinet ini adalah dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja serta diurus setiakan oleh pasukan petugas khas. Jawatankuasa ini telah membincangkan serta meneliti isu-isu yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sebanyak 21 perkara telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah di mana perkara-perkara tersebut telah dikaji, disemak dan dibincangkan di bawah Jawatankuasa Khas ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 perkara telah mendapat persetujuan bersama iaitu:

(i) Tuntutan Duti Eksport Balak Dan Hasil Hutan Di Negeri Sabah;
(ii) Pengedaran Gas Dan Kuasa Kawal Selia Elektrik Dan Gas Di Negeri Sarawak Dan Sabah;
(iii) Pelaksanaan Kerja Raya Persekutuan Di Negeri Sarawak Dan Sabah;
(iv) Tenaga Buruh Di Negeri Sarawak Dan Sabah;
(v) Kuasa Negeri Ke Atas Isu Kesihatan Di Negeri Sarawak Dan Sabah;
(vi) Pentadbiran Pulau Sipadan Dan Ligitan Di Negeri Sabah;
(vii) Isu Pertanian Dan Perhutanan;
(viii) Obligasi Kewangan Persekutuan Di Bawah Senarai Bersama;
(ix) Semakan Semula Pemberian Khas;
(x) Penangkapan Ikan, Perikanan Laut dan Muara;
(xi) Tanah Diberi Hakmilik Kepada Persekutuan di Negeri;
(xii) Kuasa Baki Perundangan Mengenai Alam Sekitar dan Pelancongan;
(xiii) Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan (Pertambahan Perjawatan);

(xiv) Penurunan Kuasa Kepada Mahkamah Sabah dan Sarawak;

(xv) Bidang kuasa Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Autonomi Pentadbiran Mahkamah Sabah dan Sarawak, dan Pengalaman Kehakiman Borneo di Mahkamah Rayuan Bagi Mendengar Kes Difailkan di Borneo;

(xvi) Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman; dan

(xvii) Duti Setem Yang Dikenakan Ke Atas Instrumen Pemindahan, Caj, Menyewakan Tanah Di Bawah Ordinan Tanah Sarawak Dan Sabah.

Manakala, baki 4 lagi perkara masih dibincangkan secara 3 penjuru di antara YAB Perdana Menteri bersama YAB Ketua Menteri Sarawak dan YAB Ketua Menteri Sabah iaitu:

(i) Royalti Minyak Dan Pembayaran Tunai Petroleum;

(ii) Mineral Minyak Dan Medan Minyak;

(iii) Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]; dan

(iv) Hak Negeri Ke Atas Pelantar Benua.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini,

Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet ini akan dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat, seterusnya akan disusuli dengan pengumuman khas oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**
TARIKH	**:**	**9 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan ke manakah hala tuju Kerajaan dalam mengawal penggunaan plastik dalam kehidupan hari ini kerana ia menyebabkan punca pencemaran alam terutama hidupan laut.

NO SOALAN: 7

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan amat memandang serius akan isu pencemaran alam sekitar yang bukan sahaja menjejaskan manusia, tetapi juga hidupan laut.

2. Menyedari keperluan untuk menyeragamkan tindakan dan usaha menangani isu pencemaran di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri, MESTECC bersama rakan strategik dari kalangan kementerian, agensi, kerajaan negeri, industri dan badan bukan kerajaan telah membangunkan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna, 2018 – 2030.

3. Pelan ini dilaksanakan dalam tiga fasa, di mana antara pelan tindakan yang diperkenalkan adalah amalan tiada beg plastik percuma dan pemberian straw atas permintaan sahaja serta penyelidikan dan pembangunan produk alternatif kepada plastik yang memerlukan tindakan di peringkat kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta industri.

4. YB Senator boleh mendapat maklumat yang lebih lanjut di laman web MESTECC: bit.ly/zerosup2030

NO SOALAN: 7

5. Selain itu, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan serta agensi kerajaan yang lain akan terus mengadakan aktiviti *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) untuk mendidik masyarakat supaya menghindari plastik sekali guna.

6. Pelbagai aktiviti kesedaran mengenai pentingnya menghindari plastik sekali guna kepada pelajar sekolah telah dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian ini iaitu Yayasan Hijau (Yahijau). Ianya termasuk *Green Guardian*, Karnival Inovasi Teknologi Hijau, Program *Green Technology Themed Science Camps,* Program Pelaksanaan Audit Hijau di Sekolah, Karnival Hijau dan Program Pembangunan dan Pelaksanaan Modul Teknologi Hijau.

7. Sehingga kini, pada tahun 2019, aktiviti kesedaran oleh agensi YaHijau telah melibatkan lebih 25 ribu pelajar melalui program *Green Guardian*, 2 ribu pelajar melalui Karnival Inovasi Teknologi Hijau, lebih daripada 100 ribu melalui program-program sempena Hari Alam Sekitar Negara, dan lebih daripada 160 ribu melalui program *ESTECC Education in Schools.*

Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

8. Pada 10 September 2019 yang lalu, MESTECC telah bekerjasama dengan *British High Commissioner* (BHC) dalam menganjurkan tayangan filem episode terakhir dokumentari bertajuk ‘Blue Planet II’

yang terkenal di dunia mengenai kesan pencemaran terutamanya plastik ke atas alam sekitar.

9. Siri dokumentari ini juga telah ditayangkan di RTM untuk tontonan secara percuma oleh rakyat Malaysia pada September dan Oktober tahun ini. Kementerian juga dalam rancangan untuk tayangan semula pada awal tahun 2020.

10. Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2019, MESTECC melaksanakan kempen “Hindari Plastik Sekali Guna” selama sebulan bermula 16 September sehingga 20 Oktober 2019. Seramai 30,000 peserta telah menghadiri aktiviti ini pada tahun ini.

11. Di samping langkah-langkah ini yang bertujuan mengurangkan penggunaan plastik sekali gunai, MESTECC juga giat memastikan penyeludupan sisa plastik dari luar negara dihentikan dan sisa ini dihantar balik ke negara asal. Sisa-sisa plastik yang kotor ini juga menyumbang kepada pencemaran negara sama ada pencemaran udara disebabkan proses pembakaran atau pencemaran air apabila sisa-sisa plastik tidak diproses dengan baik.

12. Antara tindakan yang telah diambil bagi mengatasi isu tersebut adalah seperti berikut:

    a. Yang pertama, meningkatkan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi – agensi penguatkuasaan yang berkaitan ke atas kilang kitar semula plastik samada yang beroperasi secara haram

atau berlesen tetapi tidak mematuhi undang-undang. **Sehingga 30 November 2019, sebanyak 175 kilang kitar semula plastik yang tidak mematuhi AKAS 1974 telah dikenakan tindakan tahan operasi kilang kitar semula plastik**;

b. Yang kedua, menjalankan operasi bersepadu di pelabuhan-pelabuhan utama negara supaya kita menyekat kemasukan sisa plastik haram ke Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat,

13. Isu *marin litter* ini juga sedang dipandang serius di peringkat ASEAN dan negara-negara serantau juga sedang berusaha menangani isu ini disebabkan impaknya kepada lautan marin.

14. Pada tahun depan, MESTECC juga akan membangunkan polisi *Marine Litter/Marine Debris* yang memberi fokus kepada pencemaran sisa plastik di lautan marin dan pesisiran pantai yang berpunca daripada pengurusan sisa plastik yang tidak berkesan (*Land-Source and Sea Source*). Polisi ini akan membantu mengawal isu ini dengan lebih menyeluruh di samping tindakan tegas yang sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar. Langkah ini adalah selaras dengan *Bangkok Declaration on Combating Marine Debris in ASEAN Region* dan *ASEAN Framework of Action on Marine Debris* yang telah diumumkan pada 22 Jun 2019 semasa sidang kemuncak ASEAN di Bangkok, Thailand. MESTECC adalah *focal point* untuk ASEAN *Declaration on Combating Marine Debris in ASEAN Region.*

NO SOALAN: 7

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil untuk memastikan pengguna Internet tidak menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik hingga menjejaskan keharmonian negara.

NO SOALAN: 8

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan berpendapat bahawa kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan tetapi ianya harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjejaskan keselamatan negara.

2. Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara yang menjurus kepada polemik perkauman, agama dan Institusi Beraja.

3. Tindakan boleh diambil oleh SKMM di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah berasaskan aduan daripada masyarakat awam serta pihak yang

terkesan, tanpa mengira perbezaan pihak mahupun latar belakang politik, dalam melindungi hak pengguna dan kepentingan masyarakat.

4. Undang-undang relevan di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan yang lain seperti PDRM juga akan terpakai mengikut fakta kes yang disiasat. Keputusan untuk menjalankan tindakan pendakwaan lanjut adalah berdasarkan kepada pertimbangan Jabatan Peguam Negara (AGC).

5. Dalam hal ini, satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC telah ditubuhkan untuk memerangi ancaman jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun terutamanya apabila ianya melibatkan isu-isu sensitif seperti 3R (*race, religion, royalty* dengan izin).

6. Tindakan penyekatan akses juga diambil terhadap laman web terlibat berdasarkan pelanggaran undang-undang bertulis Malaysia, selaras peruntukan Seksyen 263, AKM 1998 bagi mencegah perlakuan atau cubaan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau selainnya dalam menguatkuasakan undang-undang Malaysia.

7. Selain itu, pelbagai program pendidikan dan kesedaran giat dijalankan dalam usaha memupuk budaya penggunaan apa juga aplikasi dan perkhidmatan media baharu, secara bijaksana dan berhemah. Program Klik Dengan Bijak (KDB) yang diperkenalkan pada 2012 memberi penekanan kepada pembudayaan penggunaan Internet

secara berhemah menerusi 3 teras utama iaitu Keselamatan, Kewaspadaan dan Tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia kendiri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan fokus yang lebih jelas dalam menangani jurang pendapatan kasar Kumpulan B40 dan M40 agar layanan pemberian subsidi dan insentif percukaian benar-benar memanfaatkan kedua kumpulan ini.

NO SOALAN: 9

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019. Ia adalah hala tuju baharu pembangunan negara yang lebih holistik bermula daripada tahun 2021 hingga 2030.

2. Kerangka WKB telah menetapkan 3 objektif utama seperti berikut:
   a. Pertama, Pembangunan untuk Semua
   b. Kedua, Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan; dan
   c. Ketiga, menjadikan Malaysia sebuah Negara yang Bersatu, Makmur dan Bermaruah.

3. Objektif pertama WKB adalah untuk menumpukan kepada ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Dalam konteks ini, Kerajaan akan menumpukan kepada ekonomi bernilai tinggi yang mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat seterusnya meningkatkan kuasa beli rakyat. Tumpuan akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk

berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Penstrukturan semula ekonomi ini akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat termasuk isi rumah B40 dan M40.

4. Objektif kedua WKB menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, wilayah, rantaian bekalan dan etnik. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, Kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan.

5. Teras Strategik 5 WKB iaitu Kesejahteraan Sosial memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial, menggalakkan program kesedaran kewangan dan mengintegrasi pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasar.

6. Sementara itu, dalam menangani jurang pendapatan antara kumpulan pendapatan B40 dan M40 secara khusus, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM24.2 bilion (8.1%) untuk subsidi dan bantuan sosial bagi perbelanjaan Kerajaan pada tahun 2020. Jumlah ini adalah meningkat daripada tahun 2019 iaitu RM22.3 bilion (7.1%) yang melibatkan kumpulan isi rumah miskin, berpendapatan rendah, isi rumah B40 dan M40. Peruntukan ini adalah merangkumi bantuan

kebajikan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), subsidi bil elektrik, bantuan kebajikan dan subsidi yang berkaitan dengan pertanian, bahan api dan kadar faedah di bawah Kementerian yang berkaitan.

7. Selain itu, Kerajaan juga turut meneruskan program-program bantuan sedia ada di mana golongan M40 turut menerima manfaatnya seperti bantuan pembelian buku teks, kemudahan rawatan dan perubatan percuma di hospital Kerajaan termasuk inisiatif baharu Belanjawan 2020 iaitu vaksin Pneumococcal yang diberikan secara percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira pendapatan. Antara langkah lain Belanjawan 2020 yang memanfaatkan golongan M40 termasuk perluasan skim perlindungan kesihatan takaful percuma MySalam yang sebelum ini hanya menumpukan kepada golongan B40 dan langkah stimulus digital e-dompet.

8. Segala usaha Kerajaan ini adalah seiring dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama dalam memastikan Malaysia dapat menjadi sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia. Ini adalah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia mengecapi taraf hidup wajar atau dengan izin, “decent standard of living” menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK PAUL IGAI**
TARIKH	**:**	**9 DISEMBER 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah sedang diambil Kementerian bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan yang ramai dari golongan keluarga b40, bilangan penganggur adalah lebih 3% atau 620,000 orang.

NO SOALAN: 10

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) tahun 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di Malaysia ialah 3.3 peratus iaitu seramai 500,000 orang manakala setakat suku tahun ketiga 2019, bilangan pengangguran hanyalah sebanyak 512,100 orang. Oleh yang demikian, adalah tidak benar bilangan penganggur menjangkau 620,000 orang. Sementara itu, kadar pengangguran di peringkat tertiari pada tahun 2018 ialah 4.0 peratus dengan jumlah penganggur sebanyak 178,400 orang. Siswazah atau graduan merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas Tingkatan 5.

2. Menurut Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) tahun 2018 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah siswazah yang belum bekerja adalah seramai 57,411 orang. Data ini adalah indikator pengangguran dalam tempoh 6 bulan selepas graduan menamatkan pengajian.

3. Berdasarkan Laporan Tinjauan Ekonomi 2020 oleh Kementerian Kewangan, punca pengangguran adalah disebabkan faktor ketakpadanan antara permintaan dan penawaran buruh, pengangguran berterusan dalam kalangan belia dan graduan yang baru menamatkan pengajian serta guna tenaga tidak penuh di kalangan tenaga kerja mahir.

NO SOALAN: 10

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi membantu golongan siswazah yang menganggur mendapatkan pekerjaan, Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan usaha-usaha berikut:-

(i) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pemadanan kerja. Bagi memenuhi keperluan semasa dan menambahbaikkan kecekapan pasaran buruh, Portal *JobsMalaysia* telah dirombak serta dinaikkan taraf dan dikenali sebagi Portal JM2.0 yang telah dilancarkan pada September 2018;

(ii) Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, penempatan melalui *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement for Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS, Program Penempatan Golongan Khas serta Program Penyesuaian Kerjaya (2PK). Program-program ini telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari-Jun 2019, seramai 22,563 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan;

(iii) Melaksanakan program *Graduates Enhancement Programme for Employability* (GENERATE 2.0) bertujuan membantu golongan muda di kalangan graduan menganggur untuk mengikuti latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri dan seterusnya diberikan jaminan penempatan pekerjaan di syarikat yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Semenjak diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga tahun 2018, seramai 4,030 graduan telah dilatih dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM76.95 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,991 pelatih telah berjaya mendapat pekerjaan di mana gaji permulaan bagi pemegang diploma ialah minimum RM 2,000 sebulan manakala bagi pemegang ijazah RM 3,000 sebulan;

(iv) Mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri. Program SLDN menawarkan latihan berasaskan industri dengan 70% latihan praktikal di syarikat dan 30% teori di institusi latihan;

(v) Melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui Talent Corp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di bawah SIP, graduan akan mendapat pendedahan awal kepada dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian supaya mereka lebih berdaya saing dan

memiliki kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Seramai 76,000 belia di kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat di bawah program ini;

(vi) Memperluas akses kepada warga negara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 567 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri; dan

(vii) Menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan kendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan *(future jobs)* serta persekitaran yang semakin kompetitif dan dinamik.

5. Kerajaan yakin semua langkah yang telah dan akan dilaksanakan dijangka dapat membantu siswazah mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan lagi kadar pengangguran negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berdasarkan Belanjawan Tahun 2020 yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Kerajaan akan melancarkan beberapa inisiatif bertujuan membantu belia dan siswazah mendapatkan pekerjaan seperti berikut :

NO SOALAN: 10

(i) Memperkenalkan inisiatif #GraduanKerja (*Graduates@Works)* untuk pengambilan graduan yang menganggur melebihi 12 bulan. Graduan yang menerima tawaran kerja akan menerima insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM500 sebulan sebagai tambahan kepada gaji yang diterima. Manakala majikan pula akan menerima insentif pengambilan pekerja sebanyak RM300 sebulan juga bagi tempoh yang sama. Inisiatif ini akan disediakan oleh Kerajaan dan diuruskan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di mana insentif gaji tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun KWSP;

(ii) Melaksanakan insentif PerantisKerja (*Apprentice@Work*) iaitu Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bentuk elaun tambahan sebanyak RM100 sebulan untuk pelajar semasa menjalani latihan industri dalam kursus TVET bertujuan menggalakkan lebih ramai belia menyertai kursus TVET;

(iii) Kerajaan akan memperluaskan laluan kerjaya graduan TVET untuk melanjutkan pengajian dan mendapatkan pekerjaan. Justeru, Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) akan mula menawarkan kursus ijazah sarjana muda untuk pelatih yang telah menamatkan pengajian dari Kolej Vokasional pada tahun hadapan; dan

(iv) Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan bekerjasama dengan industri untuk menyediakan latihan TVET yang dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan menyediakan RM30 juta untuk melatih lebih tiga ribu belia daripada keluarga berpendapatan rendah.

7. Kerajaan yakin semua langkah yang telah dan akan dilaksanakan dijangka dapat membantu golongan belia mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan lagi kadar pengangguran negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Masyarakat Orang Asli yang tidak mendaftar perkahwinan mereka di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan tidak memiliki Sijil Perkahwinan masih layak menerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan tunai Kerajaan yang bermatlamat untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah (B40) di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

Kerajaan juga turut menjalankan kerjasama strategik dengan agensi yang berkaitan dengan Orang Asli iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memastikan proses pendaftaran dan pengemaskinian BSH termasuk nama, nombor kad pengenalan dan status perkahwinan berjalan dengan lancar dan seterusnya mengelakkan isu keciciran bagi golongan Orang Asli.

Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40. Kerajaan juga kekal komited dalam memastikan bahawa golongan yang benar-benar layak dan memerlukan sahaja mendapat manfaat daripada program BSH.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan setakat ini untuk membendung masalah perkauman yang semakin melarat sejak kebelakangan ini.

NO SOALAN: 12

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara secara berterusan dalam kalangan masyarkat majmuk di negara ini. Justeru, pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (engage and educate) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

(i) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

(ii) Melaksanakan pelbagai program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).

(iii) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.

(iv) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

(v) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang sehingga kini telah melibatkan seramai 5,728 orang pelajar dalam tempoh 2015 hingga 2019.

(vi) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi supaya mereka lebih memahami dan menghayatinya suasana perpaduan masyarakat dan keharmonian negara ini.

(vii) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA dan

NGO agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu dalam mengurus dan menangani isu setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat.

(viii) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

(ix) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

(x) Melaksanakan perancangan strategi dan inisiatif yang dicadangkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

(xi) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu,

negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.

(xii) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mendepani cabaran-cabaran perpaduan dengan baik dan secara berkesan demi mewujudkan suasana keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelbagai kumpulan sasar yang terlibat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program perpaduan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, naratif baru perpaduan dapat disuntik sehingga semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertolak-ansur dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula silibus subjek Sejarah Malaysia di sekolah-sekolah dengan memasukkan fakta dan perjalanan sebenar Perjanjian Malaysia 1963.

NO SOALAN: 13

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta berkaitan Perjanjian Malaysia (MA63) sememangnya telah dimasukkan dalam kurikulum Sejarah di peringkat sekolah rendah dan menengah. Fakta-fakta yang dimasukkan semuanya telah disahkan, dan penambahbaikan kepada tajuk ini juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui kajian semula Mata Pelajaran Sejarah pada tahun 2012 oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah. Penambahbaikan ini dimasukkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Sejarah Tahun 6 yang telah dilaksanakan bermula tahun 2016, manakala Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Sejarah Tingkatan 5 akan dilaksanakan bermula tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan memaklumkan tahap dan sejauh mana Kerajaan menangani kebebasan bersuara rakyat dalam media sosial yang menimbulkan masalah perpecahan kaum dan bangsa serta menghina Kerajaan dan penjawat awam seperti PDRM.

NO SOALAN: 14

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan berpendapat bahawa kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan tetapi ianya harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjejaskan keselamatan negara.

2. Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara yang menjurus kepada polemik perkauman, agama dan Institusi Beraja.

3. Tindakan boleh diambil oleh SKMM di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah berasaskan aduan daripada masyarakat awam serta pihak yang

terkesan, tanpa mengira perbezaan pihak mahupun latar belakang politik, dalam melindungi hak pengguna dan kepentingan masyarakat.

4. Undang-undang relevan di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan yang lain seperti PDRM juga akan terpakai mengikut fakta kes yang disiasat. Keputusan untuk menjalankan tindakan pendakwaan lanjut adalah berdasarkan kepada pertimbangan Jabatan Peguam Negara (AGC).

5. Dalam hal ini, satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC telah ditubuhkan untuk memerangi ancaman jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun terutamanya apabila ianya melibatkan isu-isu sensitif seperti 3R (*race, religion, royalty* dengan izin).

6. Tindakan penyekatan akses juga diambil terhadap laman web terlibat berdasarkan pelanggaran undang-undang bertulis Malaysia, selaras peruntukan Seksyen 263, AKM 1998 bagi mencegah perlakuan atau cubaan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau selainnya dalam menguatkuasakan undang-undang Malaysia.

7. Selain itu, pelbagai program pendidikan dan kesedaran giat dijalankan dalam usaha memupuk budaya penggunaan apa juga aplikasi dan perkhidmatan media baharu, secara bijaksana dan berhemah. Program Klik Dengan Bijak (KDB) yang diperkenalkan pada 2012 memberi penekanan kepada pembudayaan penggunaan Internet

secara berhemah menerusi 3 teras utama iaitu Keselamatan, Kewaspadaan dan Tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia kendiri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan selepas insiden pencemaran Sungai Kim Kim, apakah langkah kawalan (precaution measurement) yang diambil oleh Kementerian terutamanya dari segi undang-undang agar perkara seperti ini tidak berulang.

NO SOALAN: 15

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memastikan isu pencemaran di Pasir Gudang dan Sungai Kim Kim tidak berulang, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil beberapa langkah proaktif iaitu :

   i. penubuhan Unit Pasir Gudang, Jabatan Alam Sekitar yang telah mula beroperasi pada 29 Ogos 2019;

   ii. mewujudkan stesen pemantauan kualiti udara di 25 lokasi di Pasir Gudang yang telah disiapkan pada 30 November 2019;

   iii. mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada setiap industri di Pasir Gudang untuk mengemukakan maklumat-maklumat bahan-bahan kimia yang digunakan dan jenis buangan terjadual yang dihasilkan;

   iv. menjalankan Kajian *Loading Analysis* dan *Carrying Capacity* di Pasir Gudang untuk mengenalpasti permasalahan dan cadangan penyelesaian bagi pencemaran di Pasir Gudang. Kajian ini telah bermula pada 15 Julai 2019 dan berakhir pada 25 Ogos 2019. Dapatan kajian ini telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri

Johor pada 19 November 2019 untuk tindakan selanjutnya oleh Kerajaan Negeri;

v. Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan Operasi Bersepadu sebanyak 2 kali sejak kejadian kes Sg. Kim-Kim di Pasir Gudang dalam memastikan industri yang beroperasi di Pasir Gudang mematuhi kehendak perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya; dan

vi. menjalankan pemantauan kualiti udara berterusan di sekolah-sekolah secara berterusan sepanjang tempoh peperiksaan PMR dan SPM pada tahun 2019.

2. Sehingga kini sebanyak 157 kompaun telah dikeluarkan dan sebanyak 4 kertas siasatan telah dibuka dan difailkan ke mahkamah melibatkan 60 pertuduhan bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

3. Kementerian sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam kawalan pencemaran alam sekitar, secara am, merangkumi pelbagai aspek iaitu:

(i) Daripada sudut tadbir urus, Kementerian sedang membuat semakan semula kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya; semakan semula Prosedur Tetap Operasi Penyiasatan Pelupusan Haram Buangan Terjadual 2013 dan penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengurusan sesuatu bencana di peringkat Jabatan/ Agensi;

polluter-pay principle, dengan izin, pada kadar minimum hingga maksimum; dan penubuhan Jawatankuasa Sub-Committee Scientific/ Modelling yang diketuai oleh Jabatan Kimia Malaysia.

(ii) Dari sudut penguatkuasaan, Kementerian menjalinkan kerjasama bersepadu antara agensi-agensi penguatkuasaan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengenal pasti dan membanteras kilang-kilang yang beroperasi secara haram; dan memastikan pematuhan dan pelaksanaan pengezonan industri/ zon penampan bagi kawasan industri.

(iii) Pengurusan dan perkongsian maklumat/ data dilaksanakan melalui sistem Environmental Quality Management Program (EQMP); dan perkongsian maklumat data dan status kualiti air sungai, udara dan penjanaan buangan terjadual industri dilaksanakan melalui Electronic Scheduled Waste Information System (ESWIS) kepada semua Kerajaan Negeri.

(iv) Bagi pemantauan titik panas atau *hotspots*, dengan izin, perkongsian maklumat dilaksanakan melalui imej satelit dan koordinat lokasi *hotspots* dengan Kerajaan Negeri. MESTECC juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam aktiviti pelaksanaan dan pemantauan termasuk pemantauan bersama atau *collaborative enforcement*, dengan izin.

(v) Berhubung dengan memupuk kesedaran dalam kalangan rakyat, MESTECC melaksanakan *Communication, Education and Public Awareness*, dengan izin, atau CEPA serta melaksanakan kerjasama strategik melibatkan NADMA, PBT dan agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status mengundi dalam pilihan raya merupakan suatu kewajipan rakyat dalam hidup bernegara atau adakah ia suatu amalan sukarela sahaja. Jika ia suatu kewajipan, apakah tindakan undang-undang terhadap orang-orang yang tidak keluar mengundi. Adakah mereka dibiarkan begitu sahaja.

NO SOALAN: 16

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkara 119(1) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa mana-mana warganegara yang telah **mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan** dan **telah didaftarkan sebagai pemilih oleh Suruhanjaya Pilihan Raya** adalah berhak untuk mengundi. Namun, **tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan pengundi berdaftar untuk keluar mengundi** dan **tiada juga peruntukan undang-undang yang membolehkan tindakan dikenakan ke atas mana-mana pengundi yang gagal mengundi pada hari mengundi**.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan 'Standard Operating Procedure' dalam permohonan kewarganegaraan Malaysia oleh warga asing dan adakah 'Standard Operating Procedure' ini terkandung dalam undang-undang tertentu.

NO SOALAN: 17

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dua (2) kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu warga asing, iaitu melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain.

Selain daripada itu, sukacita diingatkan agar pemohon hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum mengemukakan permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pemohon dalam mengemukakan permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran atau penaturalisasian antaranya ialah, perkahwinan didaftarkan di Malaysia, memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR), berkelakuan baik, mempunyai dokumen sah berkaitan pengangkatan/perintah Mahkamah, memiliki Sijil Kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan, dan mempunyai pengetahuan asas/memadai dalam Bahasa Melayu.

NO SOALAN: 17

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

MAKLUMAT TAMBAHAN

Syarat-Syarat Permohonan Kewarganegaraan Mengikut Perkara Perlembagaan Persekutuan

Kewarganegaraan melalui **pendaftaran:**

1. Di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan bagi **isteri kepada warganegara Malaysia** dengan syarat-syarat berikut:-
   a. Perkahwinan yang didaftarkan mengikut perundangan bertulis di Malaysia;
   b. Suami kepada wanita warga asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
   c. Perkahwinan masih wujud dan berterusan;
   d. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi dua (2) tahun, yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat; dan
   e. Berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

2. Di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi **individu berumur bawah 21 tahun** dengan syarat-syarat berikut:-
   a. Sekurang-kurangnya salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara Malaysia;
   b. Terdapat bukti keberadaan subjek di Persekutuan; dan
   c. Penjaga yang ingin memohon perlu mengemukakan surat hak penjagaan daripada Mahkamah.

NO SOALAN: 17

3. Di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi **individu berumur bawah 21 tahun** dengan syarat-syarat berikut:-

   Permohonan daripada Ibu / Bapa

   a. Bapanya adalah warganegara Malaysia;
   b. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan;

   Permohonan daripada Penjaga / Penganjur

   a. Penjaga subjek dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

   Permohonan untuk Anak Angkat

   a. Pengangkatan yang sah;
   b. Ibu atau bapa angkat adalah warganegara Malaysia;
   c. Perkahwinan ibu bapa angkat teratur;
   d. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan;

4. Di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan bagi **individu berumur 18 tahun dan ke atas yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka** dengan syarat-syarat berikut:-

   a. Memiliki Sijil Kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan;
   b. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi tujuh (7) tahun, yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
   c. Berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM; dan
   d. Mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu.

NO SOALAN: 17

Kewarganegaraan melalui **penaturalisasian** di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dengan syarat-syarat berikut:-

a. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi 12 tahun, yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
b. Berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM; dan
c. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.

NO SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kerja-kerja infrastruktur yang telah dan sedang dilaksanakan dari Jun 2018 hingga sekarang.

NO SOALAN: 18

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah kerja-kerja infrastruktur yang telah dan sedang dilaksanakan oleh JKR dari Jun 2018 hingga sekarang adalah seperti berikut:

PERINGKAT	**BIL. PROJEK**
Pra-Pembinaan	464
Pembinaan	370
Siap	624
JUMLAH	**1,458**

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah penjawat awam dengan konsep penswastaan dan kerjasama antara awam dan swasta.

NO SOALAN: 19

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan YB Senator Datuk Ir. Yong Wui Chang pada 12 Disember 2019. Ini kerana soalan ini adalah mengenai isu yang sama iaitu berkenaan dengan usaha Kerajaan dalam pengawalan dan pengoptimuman saiz perkhidmatan awam.

2. Jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam sehingga suku ketiga 2019 adalah sebanyak 1.7 juta dengan peratus pengisian sebanyak 91.26% bersamaan dengan 1.57 juta orang merangkumi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

3. Daripada jumlah keseluruhan perjawatan sebanyak 1.7 juta tersebut, 62% merupakan perjawatan di sektor kesihatan, pendidikan, tentera dan polis dan 38% lagi dari lain-lain sektor seperti pentadbiran, perkhidmatan sosial, kejuruteraan, kewangan dan ekonomi, sains, pengangkutan, bakat dan seni, kemahiran, perundangan/kehakiman dan sebagainya.

NO SOALAN: 19

4. Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (DKSPA) yang sedang dilaksanakan adalah berdasarkan dengan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi terkini melalui pelbagai kaedah antaranya termasuk kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

5. Kerajaan berpendirian bahawa sektor awam sewajarnya memfokuskan kepada penyediaan dasar utama, menentukan arah dan penyediaan perkhidmatan serta tidak terbabit secara aktif dalam aktiviti ekonomi perdagangan di Malaysia. Melalui Dasar Penswastaan pada tahun 1983, Kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, malah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sumber secara cekap.

6. Fungsi-fungsi tertentu yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi kerajaan yang boleh menjana hasil secara konsisten dan berdaya maju adalah berpotensi untuk diswastakan. Menerusi penswastaan, keupayaan dan kemampuan untuk menjana pendapatan sendiri dapat dipertingkatkan serta mengurangkan pembiayaan kerajaan terhadap perbelanjaan operasi jabatan/agensi berkenaan. Kerajaan juga berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di sektor swasta dengan gaji yang lebih lumayan bagi mengurangkan pergantungan rakyat terhadap pekerjaan di sektor awam.

NO SOALAN: 19

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan bagi memperkasakan pembangunan belia dalam sektor sosial memandangkan masalah sosial dalam kalangan belia semakin meruncing pada hari ini.

NO SOALAN: 20

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam menentukan hala tuju anak muda, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melancarkan Dasar Belia Malaysia yang bersifat holistik dan berpandukan perlembagaan persekutuan serta rukun negara melalui penekanan kepada sembilan (9) Bidang Keutamaan Belia iaitu:
    - Pendidikan dan Latihan Kemahiran,
    - Kenegaraan dan Jati Diri,
    - Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera,
    - Kepemimpinan,
    - Kesukarelawanan dan Masyarakat Sivil,
    - Keusahawanan,
    - Penyelidikan dan Inovasi,
    - Profesionalisme Kerja Belia, dan
    - Pengiktirafan.

2. Dalam usaha melahirkan generasi anak muda yang bebas dari gejala sosial, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melaksanakan pelbagai program bagi memantapkan sahsiah dan jati diri belia agar mereka mempunyai ketahanan diri dan mampu mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.

NO SOALAN: 20

3. Program Jati Diri Belia Berisiko dilaksanakan bagi memberi pendedahan, pemahaman dan kesedaran kepada golongan belia berisiko mengenai bahaya masalah sosial dan membangunkan potensi generasi muda menerusi penerapan aktiviti kerohanian dan kemahiran jati diri. Bagi tahun 2019, KBS melaksanakan lima program di peringkat negeri (kawasan gelandangan dan kawasan Felda) terpilih dengan penyertaan seramai 325 orang peserta. Selain daripada itu, Program Fit Masjid yang merupakan program kerohanian dengan aktiviti riadah santai bagi mendekatkan golongan belia dengan institusi masjid juga telah dilaksanakan di seluruh negara. Sebanyak tiga siri telah dilaksanakan di setiap negeri dengan jumlah penyertaan seramai 7,585 peserta (sehingga Jun 2019).

4. Masalah sosial di kalangan belia dapat dikurangkan sekiranya belia-belia ini dapat memenuhi waktu pengisian mereka dengan program-program yang bersesuaian dengan jiwa dan minat mereka. Dengan itu, inisiatif Youth Power Club (YPC) dilihat akan mendukung konsep dari belia untuk belia kerana YPC itu sendiri akan dianggotai oleh belia-belia di peringkat lokaliti bagi menggerakkan program-program kesesuaian bagi anak-anak muda di kawasan setempat. Apabila mereka berminat untuk menyertai YPC sehingga tiada masa terluang untuk melakukan perkara tidak berfaedah, maka pastinya inisiatif ini dapat mengurangkan serta membendung gejala masalah sosial. Sehingga 26 November 2019, sebanyak 121 YPC telah lulus berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan pastinya mampu menjadi pelengkap kepada gerakan pertubuhan belia untuk menawarkan pelbagai peluang aktiviti kepada belia-belia setempat.

NO SOALAN: 20

5. Selain daripada itu, program Keusahawanan Belia Bestari atau B-Best juga dilaksana dengan mengutamakan belia minoriti (berisiko) bertujuan mencetuskan kesedaran, keinsafan dan membangunkan jati diri para belia serta membuka peluang kepada mereka untuk membina kerjaya hidup yang cemerlang. Program dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengenal pasti belia berisiko yang terdiri daripada mereka dari Sekolah Tunas Bakti serta agensi-agensi di bawah JKM. Program dimulakan dengan projek rintis pada tahun 2018 dengan seramai 12 orang peserta. Pada tahun 2019 seramai 75 orang peserta terlibat mewakili 3 zon.

6. Program MyCorps merupakan Program Kepimpinan Kesukarelawanan Belia Antarabangsa yang bertujuan untuk membentuk kendiri dan jati diri Belia Malaysia melalui khidmat, sumbangan serta pengalaman dalam kerja-kerja kesukarelawanan khasnya dengan menyasarkan untuk melahirkan sukarelawan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing di peringkat global. Dari tahun 2015 sehingga Jun 2019, seramai 348 belia telah menyertai lapan misi di negara Kemboja, Timur Tengah, Asia Selatan, Malaysia dan ASEAN.

7. Program Inspirasi Anak Muda merupakan sebuah program intervensi kepada belia awal berumur 15 – 17 tahun yang bertujuan untuk membimbing anak muda agar terhindar daripada terlibat daripada masalah sosial yang lebih serius. Ia juga menjadi satu platform kepada peserta untuk mengenal pasti bakat dan minat dalam pelbagai bidang. Peserta juga berpeluang untuk mengembangkan bakat melalui program dan aktiviti sedia ada di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Program

ini mengguna pakai modul Super Skill for Life (SSL-A) yang telah diaplikasikan di beberapa buah negara luar. Projek rintis bagi tahun 2019 telah dilaksanakan di tujuh (7) buah negeri iaitu Melaka, KL, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dengan penyertaan seramai 735 orang.

8. Program Rakan Muda Ramadhan merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Program ini menyasarkan penyertaan anak muda di peringkat akar umbi melalui aktiviti bertadarus, solat berjemaah, program khatam al-Quran dan gotong royong yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2019, seramai 15,178 peserta telah mengikuti program tadarus dan khatam Al-Quran Rakan Muda Ramadhan.

9. Program Malaysia Future Leaders School (MFLS) adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu: kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ianya merupakan sebuah program baharu yang dibentuk untuk melahirkan pemimpin belia yang boleh menyumbang sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platfom khusus bagi mempersiapkan *future-ready leader* yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan. Seramai 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program ini dan sehingga kini jumlah

peserta yang menyertai program ini adalah seramai 24,403 orang yang bermula sejak 1 April 2019. MFLS dilaksanakan dalam bentuk 3 Tier.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sistem pemantauan yang dilakukan terhadap imam, sami, mubaligh atau agamawan daripada luar negara yang bertugas di Malaysia.

NO SOALAN: 21

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kemudahan Pas Lawatan (Ikhtisas) dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 8(1) Peraturan–Peraturan Imigresen 1963 yang memberi hak kepada seseorang untuk memasuki dan berada secara sementara di dalam Persekutuan atau Sabah atau Sarawak. Pas Lawatan tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu :

(i) Kategori Pakar – dikeluarkan kepada warganegara asing di bawah kategori pakar dan teknikal untuk menjalankan kerja-kerja khusus dalam tempoh yang singkat; dan

(ii) Kategori Mubaligh – dikeluarkan kepada warganegara asing bertaraf mubaligh keagamaan dan terbahagi kepada dua kategori iaitu Mubaligh Agama Islam dan Mubaligh Agama selain Islam (Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain).

Tempoh maksimum pas berkenaan adalah 12 bulan bagi setiap pengeluaran dan boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum 36 bulan. Sebagai elemen kawalan, antara syarat utama untuk memohon Pas Lawatan (Ikhtisas) bagi Mubaligh Agama Islam dan Mubaligh lain-lain agama ialah perlulah mendapatkan surat sokongan daripada badan-badan yang dikenalpasti. Pelantikan badan pengesah/penyokong berkenaan adalah

bagi memastikan pengamal agama asing yang dibawa masuk menjalankan aktiviti yang sah di Malaysia selaras dengan syarat Pas Lawatan (Ikhtisas).

Badan pengesah/penyokong yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(i) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam negeri bagi Mubaligh Agama Islam; dan

(ii) Malaysia Hindu Sangam, Malaysia Buddhist Society, Malaysia Youth Buddhist Society, Majlis Gurdwara Malaysia dan National Evangelical Christian Fellowship untuk Mubaligh selain Islam.

Bagi Mubaligh lain-lain agama semua permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pas Lawatan (Ikhtisas) Kategori Mubaligh Lain-lain Agama yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Imigresen. Mesyuarat ini dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan JIM.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pas Lawatan (Ikhtisas) Kategori Mubaligh Lain-lain Agama tersebut, pertimbangan akan diberikan terhadap permohonan yang memenuhi syarat seperti had umur, melepasi tapisan JIM dan tapisan keselamatan oleh PDRM serta mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap seperti berikut:

i) surat permohonan daripada penaja;
ii) surat sokongan daripada Malaysia Buddhist Society, Malaysia Hindu Sangham, Majlis Gurdwara Malaysia dan National Evangelical Christian Fellowship;
iii) salinan pelan tanah;
iv) salinan geran tanah;
v) salinan pelan lokasi bangunan / kuil / tokong / gereja;
vi) senarai nama pekerja tempatan dan asing yang sedang berkhidmat di kuil / tokong / gereja;
vii) salinan sijil daftar pertubuhan kuil / tokong / gereja yang disahkan;
viii) salinan laporan kewangan tahunan mesyuarat jawatankuasa kuil / tokong / gereja;
ix) keratan iklan jawatan di akhbar tempatan; dan
x) dokumen sokongan pemohon (pasport, gambar dan lain-lain dokumen berkaitan).

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ZAIEDI SUHAILI**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah graduan Perubatan yang telah tamat pengajian dengan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sejak ianya ditubuhkan bermula dari tahun 1995 dan perancangan Kementerian Pendidikan dan UNIMAS ke atas pembangunan pelajar dan juga fakulti ini.

NO SOALAN: 22

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Seramai 1,714 graduan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah tamat pengajian bermula tahun 2000 sehingga 2019. Jumlah tersebut adalah graduan prasiswazah program perubatan, graduan Sarjana Kesihatan Awam dan Doktor Kesihatan Awam.

Berhubung dengan perancangan Kementerian Pendidikan Pendidikan dan UNIMAS ke atas pembangunan pelajar dan juga fakulti ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pembinaan Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan Prima UNIMAS pada sesi pembentangan Kajian Separuh Penggal RMK ke 11 pada 18 Oktober 2018. Pembinaan Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan Prima UNIMAS berkapasiti 300 katil ini sudah tentunya bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar, graduan dan tenaga pengajar program perubatan UNIMAS tetapi turut memberi manfaat kepada warga Kota Samarahan serta kawasan sekitar khususnya, untuk mendapat perkhidmatan perubatan terbaik.

Dengan terbinanya Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan Prima UNIMAS ini nanti, sudah tentunya memberi manfaat kepada pelajar program perubatan dan kejururawatan menjalani latihan klinikal, penyelidikan serta latihan kepakaran perubatan. Projek ini turut memberi kelebihan kepada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dalam memperkasakan penyelidikan

dalam bidang penyakit topika seperti denggi, malaria, rabies dan secara tidak langsung akan menyumbang kepada penghasilan tenaga pakar yang diperlukan oleh negeri dan juga negara. Pembinaan hospital pengajar ini juga bakal memberi peluang pekerjaan kepada hampir 2,000 tenaga kerja apabila siap dibina nanti.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan dan Agensi Kementerian Kewangan seperti BSKL, Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia dalam memulihkan semula prestasi kurang memberangsang Pasaran Modal dan Ekuiti di Malaysia sejak 2018.

NO SOALAN: 23

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 29 November 2019, FBMKLCI mencatat penurunan sebanyak 7.6% berbanding bursa saham serantau. Prestasi pasaran ekuiti ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, pertumbuhan sektor pembuatan yang lemah, penurunan dalam keuntungan korporat pada suku kedua 2019 serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan 4 tahun (2017- 2020) yang memberi tumpuan kepada peningkatan kerancakan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.

NO SOALAN: 23

Dalam jangka masa panjang, prestasi bursa saham secara keseluruhannya akan didorong oleh asas ekonomi negara yang kukuh. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan 'Mediator Community' dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan apakah bentuk imbuhan yang diberikan.

NO SOALAN: 24

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Mediator Komuniti (MK) adalah salah satu program *flagship* Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) bertujuan untuk mewujudkan perdamaian dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

MK adalah pihak ketiga atau orang tengah yang berusaha mendapatkan persetujuan/penyelesaian antara pihak-pihak yang terlibat di dalam sesuatu konflik untuk mencapai pendamaian dan seterusnya meningkatkan perhubungan yang lebih positif di antara pihak-pihak yang berkonflik tersebut.

MK berperanan memberikan perkhidmatan mediasi secara sukarela kepada pihak-pihak yang memerlukan dengan cara mententeramkan ketegangan antara pihak-pihak yang bertelagah serta memulihkan perhubungan di antara mereka, membantu mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak yang bertelagah bagi memelihara keharmonian masyarakat, menjalankan mediasi secara profesional, adil dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang imbuhan/balasan. Barisan mediator ini juga sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran mediasi melalui latihan dan perkongsian pengalaman secara berterusan.

NO SOALAN: 24

Sejak PERPADUAN memulakan program MK pada tahun 2008 dan sehingga 30 November 2019, PERPADUAN telah berjaya melahirkan seramai 1,027 orang MK bertauliah yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga, Ketua-Ketua Masyarakat dan termasuk pegawai PERPADUAN.

Statistik mulai tahun 2014 sehingga 2018 menunjukkan bahawa sebanyak 1,281 kes berjaya diselesaikan oleh barisan MK di seluruh negara. Antara kes-kes yang berjaya diselesaikan secara menang-menang (*win-win*) meliputi kes-kes kejiranan yang menimbulkan perasaan tidak puas hati seperti isu pembuangan sampah, isu bunyi bising, isu pertembungan gaya hidup, isu kontrak, isu persempadanan, isu hal ehwal keluarga, isu pergaduhan jiran dan sebagainya.

Demi menyokong peranan MK, beberapa insentif yang telah disediakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

a) Perlindungan skim insurans berkelompok 24 jam;

b) Tawaran mengikuti Persijilan dan Pentauliahan Mediasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan

c) Latihan Tahunan seperti Program Sidang Mediator Komuniti dan *Case Conferencing* bertujuan meningkatkan kemahiran Mediator Komuniti melalui perkongsian idea dan pengalaman.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 24

NO SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LEE TIAN SING**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan dalam mengiktiraf keputusan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) sementara membenarkan Institut Pengajian Tinggi Awam untuk mengenakan pra syarat untuk diterima ke Universiti awam.

NO SOALAN: 25

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kerajaan belum lagi membuat sebarang keputusan sama ada untuk mengiktiraf sijil *Unified Examination Certificate* sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau tidak. Bagi membolehkan satu keputusan yang tuntas dibuat, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) untuk melaksanakan proses libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai aspek.

PPDUEC ini telah menjalankan libat urus dengan pelbagai pihak termasuk 17 orang tokoh individu (bidang pendidikan, politik dan sosial), 27 buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), lima (5) buah parti politik, dua belas (12) buah agensi kerajaan serta empat belas (14) institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memastikan maklum balas berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersifat menyeluruh.

Selain itu, sebanyak dua (2) siri *townhall* juga dengan pelibatan kumpulan anak muda dan belia bagi mendapatkan suara golongan muda mengenai isu ini. Ahli-ahli parlimen juga dijemput memberikan pandangan mereka berhubung isu pengiktirafan sijil UEC dalam satu program libat urus yang

diadakan pada bulan Oktober lepas. Jumlah keseluruhan tokoh dan individu yang telah terlibat dalam memberikan pandangan dan sumbang saran ialah **406 orang**.

PPDUEC kini dalam proses akhir memurnikan laporan kajian mengenai isu pengiktirafan Sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Laporan akan disusun bersama-sama lampiran termasuk transkrip setiap temu bual yang telah dilakukan. Sehingga hari ini, PPDUEC telah berjaya menyiapkan transkripsi 41 sesi daripada 48 sesi rakaman yang ada. Transkrip setiap temubual adalah satu elemen penting dalam laporan tersebut demi berlaku adil kepada semua pihak yang telah mengemukakan pandangan. Oleh sebab itu, proses menyediakan transkrip ini dilakukan secara cermat dan berhati-hati agar transkrip yang dibuat adalah tepat.

Pihak KPM optimis laporan lengkap PPDUEC ini akan berjaya diserahkan kepada pihak Kementerian pada tahun ini juga untuk diteliti sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri untuk sebarang keputusan muktamad.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

(a) adakah warisan budaya seperti Dondang Sayang, persembahan Mak Yong dan sebagainya yang disenaraikan di bawah perlindungan UNESCO masih tertakluk budi bicara patuh syariah Persekutuan serta negeri; dan

(b) adakah dengan mengenakan syarat patuh syariah ke atas budaya klasik dan tradisional ini akan menyebabkan budaya kehilangan taraf perlindungan UNESCO.

NO SOALAN: 26

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a)

Harus difahami bahawa tidak menjadi satu masalah mempertemukan adat dan kebudayaan dengan agama Islam itu sendiri. Adat dan budaya dibenarkan asalkan tidak melanggar hukum dan syariah Islam.

Bagi warisan kebudayaan di Malaysia, secara prinsipnya terdapat warisan yang hanya didokumenkan untuk tujuan rekod serta rujukan pada masa akan datang. Dalam masa yang sama, terdapat juga warisan yang bukan sahaja didokumen dan direkodkan, bahkan ianya dikembangkan melalui pelbagai program dan aktiviti. Ini bergantung kepada kesesuaian elemen warisan itu sendiri termasuk pematuhan di bawah perundangan yang berkaitan.

Mengenai Dondang Sayang dan Makyong yang disenaraikan di bawah UNESCO, ianya masih tertakluk di bawah Undang-undang Syariah Malaysia dari segi pengamalannya (sekiranya ada) supaya ianya tidak keterlaluan. Untuk itu, sebarang persembahan yang dibuat perlu mematuhi prinsip perundangan berkaitan.

NO SOALAN: 26

(b)

Mengenai taraf perlindungan atau pengiktirafan UNESCO, secara dasarnya boleh difahami bahawa ianya tidak terjejas selagi usaha perlindungan dijalankan berdasarkan kepada *Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage* 2003 iaitu pada Artikel 2, Para 3, yang menyatakan:

> *"Safeguarding" means measures aimed at ensuring the viability of the intangible cultural heritage, including the identification, documentation, research, preservation, protection, promotion, enhancement, transmission, particularly through formal and non-formal education, as well as the revitalization of the various aspects of such heritage".*

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah polisi Kerajaan sedia ada meliputi penjagaan pesara 'Border Scouts Sabah' seperti bantuan kewangan dan pencen atas perkhidmatan mereka menjaga sempadan ketika bertugas dahulu dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf dan mengaktifkan semula 'Border Scouts Sabah' demi untuk memperkukuh pertahankan sempadan Sabah.

NO SOALAN: 27

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Suratcara Amanah Tabung Amanah Warisan Polis bertarikh 14 September 1992, Borders Scout (Pengakap Sempadan) adalah layak menerima bantuan kebajikan di bawah peruntukan Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP). TAWP merupakan sebuah tabung amanah yang diwujudkan bertujuan membantu pegawai dan anggota polis yang telah bersara termasuk tanggungan mereka dalam hal-hal kebajikan. Bantuan-bantuan yang diperuntukkan meliputi perkara berikut:

i. TAWP 1
   - Khairat kematian kepada bekas polis, isteri/suami bekas polis dan anak di bawah tanggungan (sehingga ijazah pertama).

ii. TAWP 2
   – Bantuan Pergerakan (sekali sahaja) bagi kerusi roda, tongkat kaki 1, tongkat kaki 3, tongkat bahu dan walking frame.

iii. TAWP 3
   – Bantuan Perubatan & Anggota Palsu.

iv. TAWP 4
   – Bantuan Pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi.

v. TAWP 5
   – Bantuan Bencana Alam (sekali sahaja).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Zahari bin Sarip minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan Kerajaan menguatkuasakan larangan merokok di kedai dan premis makanan seluruh negara.

NO SOALAN: 28

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semenjak penguatkuasaan pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok pada 1 Januari 2019, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat perancangan strategik bagi memastikan larangan merokok dipatuhi. Beberapa perkara yang telah dilaksanakan adalah seperti dengan membuat pengumuman awam melalui kenyataan media, mengadakan pemakluman melalui media masa dan media sosial, mencetak dan mengedarkan bahan-bahan promosi berkaitan larangan merokok dan kesan merokok. Pihak KKM juga telah mengaturkan penguatkuasaan pendidikan bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bagi memperkukuhkan lagi pematuhan larangan ini, pihak KKM sentiasa bekerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dalam memberikan pendidikan kepada orang awam berkaitan larangan merokok di tempat makan. Bermula 1 Januari 2020, tindakan penguatkuasaan penuh larangan merokok di tempat makan akan dijalankan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penguatkuasaan pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok ini akan dijalankan oleh Penguatkuasa Kesihatan serta agensi tertentu yang telah diberikan kuasa. Pada masa sekarang, KKM mempunyai seramai 4,743 orang penguatkuasa di seluruh Malaysia. Selain itu, pihak

NO SOALAN: 28

KKM telah pun menjalankan promosi serta kesedaran kepada masyarakat tentang penguatkuasaan kendiri atau *“self epowerment”* oleh Tuan Punya Permis serta masyarakat sekeliling.

Sepanjang penguatkuasaan pendidikan dijalankan, sebanyak 146,607 premis telah diperiksa dan 31,422 notis amaran telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 27,759 buah premis yang telah diberikan amaran kerana gagal meletakkan tanda larangan merokok serta 3,889 notis dikeluarkan bagi orang yang didapati merokok di kawasan kedai makan. Sejumlah 23,805 aduan telah diterima semenjak Januari 2019 sehingga 3 November 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pekerja yang diberhentikan dan pengisian jawatan kerja kosong sehingga 2019 mengikut kaum, negeri dan julat umur di seluruh negara.

NO SOALAN: 29

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan notifikasi oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja, seramai 24,600 pekerja telah diberhentikan bagi sektor swasta sehingga September 2019. Daripada jumlah tersebut, seramai 21,625 orang pekerja (87.9%) terlibat dengan pemberhentian biasa. Manakala, seramai 2,975 orang pekerja (12.1%) tersebut pula terlibat dengan pemberhentian sukarela (VSS). Pemberhentian melibatkan seramai 17,475 orang pekerja tempatan dan 7,125 orang pekerja bukan warganegara.

2. Antara sektor tertinggi yang terlibat dengan pemberhentian adalah seperti berikut:

Sektor	Jumlah Orang / Peratusan
Pembuatan	7,944 (32.29%)
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	7,309 (29.71%)
Perdagangan, borong dan runcit	2,123 (8.63%)
Aktiviti kewangan dan insurans	1,748 (7.11%)

Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,049 (4.26%)
Maklumat dan komunikasi	6,79 (2.76%)

3. Kementerian ini turut membantu pekerja-pekerja yang berpotensi melalui penganjuran pelbagai program-program penempatan pekerjaan seperti Karnival Kerjaya, *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama dengan Agensi, *Holiday Placement For Students (HOPS),* Penempatan Bersama Agensi Pekerjaan Swasta dan program Penempatan Golongan Khas yang dijalankan sepanjang tahun. Sehingga Oktober 2019, aktiviti-aktiviti Program Penempatan Pekerjaan (3P) pula telah menjalankan penempatan pekerjaan kepada seramai 137,333 orang pencari kerja yang terdiri dari 41,090 orang siswazah dan seramai 96,243 orang bukan siswazah di pelbagai sektor industri.

4. Kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci penempatan yang dijalankan mengikut kaum, negeri dan julat umur. Namun begitu, mengikut kategori Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia MASCO, penempatan Kategori Pekerjaan adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 29

Kategori	Jumlah (orang)
Perjawatan Tinggi (pengurusan, profesional, juruteknik dan pengurusan bersekutu)	41,090
Sederhana (perkeranian, perkhidmatan dan jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan dan pekerja pertukangan)	49,351
Pekerjaan Rendah (operator loji, mesin dan pemasangan dan pekerjaan asas)	46,892

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah 40% hasil Sabah yang sepatutnya dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sabah mengikut Perlembagaan Persekutuan. Berikan perincian mengikut tahun sejak 1963 hingga 2018.

NO SOALAN: 30

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Negeri Sabah merupakan penerima tertinggi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak RM5.2 bilion dan merupakan antara penerima tertinggi Pemberian Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 yang berjumlah RM1.14 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejak tahun 1963 sehingga kini Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan Pemberian Khas kepada Kerajaan Negeri Sabah berdasarkan kadar yang diwartakan hasil semakan semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan pada 10 Oktober 2019 telah mengemukakan cadangan amaun baharu Pemberian Khas untuk tempoh 5 tahun mulai tahun 2020 sehingga 2024, selaras dengan peruntukan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Sabah.

Kerajaan Negeri Sabah pada 18 Oktober 2019 telah mengemukakan persetujuan terhadap amaun baharu Pemberian Khas yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan sedang mengambil tindakan sewajarnya sebelum ia dapat diwartakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

NO SOALAN: 30

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' CHAI KIM SEN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan daya tarikan zoo di Malaysia, terutamanya zoo-zoo di luar bandar.

NO SOALAN: 31

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bertanggungjawab mengeluarkan permit serta memantau zoo di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan peruntukan Seksyen 10 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*]. Walau bagaimanapun zoo yang diberi permit dan dipantau hanyalah zoo yang menyimpan spesies hidupan liar yang disenaraikan di bawah Akta 716.

2. Sehingga kini, Jabatan PERHILITAN telah mengeluarkan 14 Permit Mengendali Zoo kepada 14 premis Zoo dan 18 Permit Pameran Tetap kepada 18 premis pameran hidupan liar di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pameran tetap bermaksud aktiviti mempamerkan secara tetap hidupan liar di mana-mana premis dan dibuka kepada umum. Sehubungan itu, dalam mempertingkatkan daya tarikan setiap Zoo dan Pameran Tetap di Malaysia, beberapa langkah telah diambil oleh Jabatan PERHILITAN iaitu:

   (i) Program Pinjaman Hidupan Liar iaitu Jabatan PERHILITAN memberikan pinjaman stok hidupan liar kepada zoo-zoo dan pameran tetap. Ini menjadi pemangkin aktiviti konservasi dan

pendidikan dan kesedaran awam;

(ii) Pasukan Pengauditan dari Jabatan PERHILITAN dan pihak Persatuan Zoo dan Akuarium Malaysia (*Malaysian Association of Zoological Parks and Aquaria* - MAZPA) sentiasa menjalankan pengauditan terhadap tahap kebajikan hidupan liar yang dipamer di setiap zoo dan premis pameran tetap selaras dengan Peraturan- Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) 2012, Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) (Pindaan) 2013 dan Peraturan-peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pameran) 2013. Dalam proses pengauditan, Jabatan PERHILITAN dan MAZPA akan memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan kesesuaian saiz dan rekabentuk sangkar, pameran, penjagaan hidupan liar termasuklah kepentingan landskap dan *enrichment* dalam sangkar; dan

(iii) Jabatan PERHILITAN dan MAZPA menyediakan latihan kepada operator-operator Zoo dan Pameran Tetap dalam bidang pengurusan hidupan liar dalam kurungan. Melalui platform ini, isu- isu semasa berkaitan perundangan, pengurusan hidupan liar dalam kurungan dan pembangunan konsep Zoo Moden turut dibincangkan.

3. Kebanyakan Zoo dan premis Pameran Tetap di Malaysia diuruskan oleh syarikat persendirian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Justeru, Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama MAZPA

bertanggungjawab memastikan setiap zoo dan premis pameran hidupan liar di Malaysia mematuhi sistem perundangan semasa dan memastikan tahap kebajikan hidupan liar yang dipamerkan kepada orang awam sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini warga penduduk tetap (PR) yang telah mendapat kewarganegaraan sejak pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan.

NO SOALAN: 32

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari bulan Mei 2018 sehingga 31 Oktober 2019, sejumlah 4,073 pemohon telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

MAKLUMAT TAMBAHAN

STATISTIK PENGELUARAN SIJIL WARGANEGARA
MENGIKUT PERKARA DARI MEI 2018 - 31 OKTOBER 2019

TAHUN	PERKARA 15(1)	PERKARA 16	PERKARA 19	JUMLAH
2018	1,265	165	336	**1,766**
2019	1,177	246	884	**2,307**
JUMLAH BESAR	**2,442**	**411**	**1,220**	**4,073**

Nota :

SUMBER : PANGKALAN DATA JPN

TARIKH : 26/11/2019

NO SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha meningkatkan jaringan pengangkutan dan meningkatkan kawasan berdaya huni di Terengganu melalui pembangunan industri pengangkutan air (teksi air).

NO SOALAN: 33

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini belum ada kajian menyeluruh yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bertujuan untuk mengkaji secara lebih terperinci terhadap keberkesanan sosioekonomi dalam usaha meningkatkan jaringan pengangkutan dan meningkatkan kawasan berdaya huni di Terengganu melalui pembangunan industri pengangkutan air (teksi air).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperkukuhkan semula nilai mata wang Ringgit Malaysia yang semakin lemah.

NO SOALAN: 34

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 29 November 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 1.1 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6 peratus dan 7 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

NO SOALAN: 34

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan, memperkukuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan satu akta baru bagi mengatasi salah guna isu perkauman dan agama yang semakin membimbangkan dan dilakukan sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi kepentingan politik mereka, sekali gus mengancam perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama sekiranya tidak dikawal di peringkat awal.

NO SOALAN: 35

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tiada hasrat untuk menggubal suatu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Kaum dan Agama. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan supaya draf Rang Undang-Undang (RUU) Akta Kebencian Kaum dan Agama yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Berdasarkan hasil semakan dan penelitian tersebut kemudiannya, Kerajaan memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum akan diperkukuhkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional *(National Harmony and Reconciliation Commission Bill)* dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada dengan mengambil kira kewujudan lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya di negara luar.

Jabatan PERPADUAN sedang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengenal pasti skop, fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya agar tiada pertindihan dengan suruhanjaya sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi

NO SOALAN: 35

Manusia yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597]. Berdasarkan hasil maklum balas dari sesi libat urus tersebut, Kertas Memorandum Jemaah Menteri berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan selewat-lewatnya pada awal tahun 2020.

Sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dipersetujui oleh Kerajaan, sesi libat urus akan diadakan bersama Jabatan Peguam Negara untuk mendraf RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional untuk tujuan pembentangan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan aktiviti-aktiviti persembahan kebudayaan terkini yang dirangka oleh Kerajaan bagi membantu menaikkan promosi pelancongan dalam negara (domestik) semasa Tahun Melawat Malaysia 2020.

NO SOALAN: 36

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini telah merangka pelbagai aktiviti kebudayaan bagi membantu menaikkan promosi pelancongan dalam negara semasa VM2020. Keunikan dan kepelbagaian seni budaya Malaysia menjadi daya tarikan dan aset utama untuk menarik kedatangan pelancong ke Malaysia.

Antara program kebudayaan terkini yang dirancang sempena VM2020 adalah seperti:-

1) Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM);
2) Festival Orang Asli dan Peribumi Antarabangsa 2020;
3) KL Biennale 2020;
4) Citrawarna;
5) *Magic of the Night*;
6) Festival Kraf Borneo;
7) Hari Kraf Kebangsaan;
8) *International Storytelling Festival 2020*;
9) Iftar@KL 2020, Festival Permainan Malaysia; dan
10) Festival Seni Selat Melaka.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. YAAKOB BIN SAPARI**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak permit pekerja asing yang telah diluluskan setiap tahun dari tahun 2008-2018. Sila beri pecahan mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri ingin memaklumkan bahawa jumlah pekerja asing direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melalui pengeluaran Pas Lawatan – PLKS yang sah dan aktif bagi tempoh 2008 sehingga 2018 mengikut pec adalah seperti berikut:

BIL.	WARGANEGARA	JUMLAH (ORANG)							
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1.	Indonesia	1,147,866	991,940	899,170	909,917	881,739	1,021,655	817,300	835,965
2.	Nepal	193,361	182,668	253,729	283,643	319,619	385,466	490,297	502,596
3.	Bangladesh	301,765	319,020	319,475	273,408	196,039	322,750	296,930	282,437
4.	Myanmar	138,679	139,824	161,541	168,080	136,975	161,447	143,334	145,652
5.	India	125,571	124,061	96,161	112,287	100,855	124,017	105,188	139,751
6.	Lain-lain	173,769	176,498	207,506	221,804	208,010	234,987	220,365	228,634
JUMLAH KESELURUHAN (ORANG)		2,081,011	1,934,011	1,937,582	1,969,139	1,843,237	2,250,322	2,073,414	2,135,035

(Sumber: Jabat

Berdasarkan statistik di atas, dapat disimpulkan bahawa secara puratanya, j pekerja asing yang sah dan aktif bagi dalam tempoh 10 tahun tersebut (2008 hi di bawah 2 juta orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai usaha Kementerian dalam membendung penjualan dalam talian vape dan rokok elektronik dan apakah alternatif yang bakal dipromosikan oleh Kementerian dalam membantu perokok untuk menangani masalah ketagihan merokok.

NO SOALAN: 38

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penggunaan rokok elektronik dicipta dengan harapan ianya akan menjadi alternatif yang “lebih selamat” kepada rokok konvensional namun ia telah terbukti memudaratkan kesihatan. Rokok elektronik dan rokok konvensional mempunyai kesan sampingannya yang tersendiri. Kenyataan yang sering mewar-warkan rokok elektronik adalah lebih selamat daripada rokok konvensional adalah tidak tepat.

Terdapat banyak dakwaan mengatakan rokok elektronik mampu membantu mereka yang merokok berhenti merokok, namun sehingga kini kajian saintifik tidak dapat membuktikan bahawa ia boleh merawat masalah ketagihan konvensional. Kajian oleh *Bullen et al* pada tahun 2013 tidak dapat membuktikan bahawa penggunaan rokok elektronik mampu membantu merawat masalah merokok.

Berdasarkan makluman daripada Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEHP), sekiranyan didapati bahawa barangan yang dijual dalam talian disyaki tiruan, KPDNHEP akan bertindak berdasarkan bidang kuasa sedia ada melalui penguatkuasaan di bawah Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu larangan perihal dagangan palsu berhubung dengan cap dagangan dan Seksyen 16 Akta Perlindungan

NO SOALAN: 38

Pengguna 1999 iaitu menuntut atau menyetujui terima bayaran tanpa niat untuk membekalkan.

Di samping itu, terdapat peruntukan perundangan di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 yang bertujuan untuk mengawalselia pengendali urusniaga pasar atas talian untuk:

a) Melindungi pengguna daripada peniaga pasar atas talian yang tidak beretika;

b) Memastikan pematuhan kepada peniaga atas talian untuk memaparkan di pasar atas talian maklumat membantu pengguna membuat pembelian atas talian;

c) Peraturan di atas mewajibkan peniaga atas talian untuk memaparkan maklumat seperti dibawah semasa menjalankan perniagaan atas talian:

    i. Nama individu/perniagaan/syarikat;
    ii. Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat;
    iii. Emel dan no.telefon atau alamat peniaga;
    iv. Ciri-ciri utama barangan;
    v. Harga, termasuk kos penghantaran;
    vi. Kaedah pembayaran;
    vii. Terma dan syarat; dan
    viii. Anggaran masa penghantaran.

NO SOALAN: 38

Sekiranya terdapat aduan vape dan rokok elektronik yang diterima oleh Kementerian, aduan-aduan tersebut akan diteliti untuk mengenal pasti sama ada berlaku kesalahan di bawah bidang kuasa yang dinyatakan untuk diambil tindakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) adakah penggabungan UNISZA dan UMT yang merupakan permulaan terhadap pembaharuan struktur pendidikan tinggi akan di perluas kepada beberapa universiti lain; dan

(b) adakah Kerajaan juga akan mempertimbangkan penggabungan universiti awam dengan beberapa universiti swasta di negara ini.

NO SOALAN: 39

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melihat bahawa penggabungan ini dapat memberi manfaat dalam pelbagai aspek. Penggabungan ini merupakan peluang untuk memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti terutama dalam bidang Sains Kelautan dan Peradaban Islam. Berdasarkan kepada kebolehupayaan dan sumber kepakaran kedua-dua universiti, Jemaah Menteri pada 4 September 2019 telah bersetuju supaya kedua-dua universiti ini digabungkan.

Pihak KPM melihat penggabungan ini akan memperkasakan bakat sedia ada di kedua-dua buah universiti yang mana *pool* tenaga akademik semestinya akan meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan tinggi selain menggalakkan penyelidikan antara bidang (*transresearch*) di kalangan tenaga pengajar dan pelajar.

Pendekatan radikal dan tidak konvensional merupakan strategi terbaik pihak KPM bagi mencapai hasrat mendepani realiti baharu pendidikan yang semakin mencabar di pentas dunia. Negara-negara maju misalnya seperti United Kingdom (UK) dan Norway, telah mengguna pakai model penggabungan yang berbeza, namun tujuan penggabungan adalah sama iaitu bagi memenuhi keperluan pelajar

dan meningkatkan daya saing antara universiti. Perubahan dan pembaharuan akan dilaksanakan KPM berdasarkan keperluan dan penilaian dari semasa ke semasa.

(b) Pihak KPM belum melihat keperluan universiti awam dan universiti swasta digabungkan kerana masing-masing mempunyai kekuatan dan pemegang taruh yang berbeza. Walau bagaimanapun, kerjasama di antara institusi awam dan swasta telah lama dilaksanakan dalam pelbagai bentuk antaranya kerjasama dalam menjalankan program pengajian, penyelidikan dan pelbagai perkongsian ilmiah diantara fakulti.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dibuat bagi mewujudkan sistem kawal selia dan pengumpulan maklumat yang terperinci berkenaan pusat asuhan kanak-kanak termasuk secara persendirian di rumah agar dapat mengelakkan insiden yang tidak diingini.

NO SOALAN: 40

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil serius terhadap keselamatan kanak-kanak dalam TASKA. Antara usaha yang telah dilakukan adalah:

i. Mewajibkan pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Surat Pekeliling Ketua pengarah Kebajikan Masyarakat Bil 1/2015;

ii. Melaksanakan pemantauan secara mengejut dan berkala ke atas TASKA berdaftar bagi memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin;

iii. Mengesan TASKA yang beroperasi tanpa berdaftar;

iv. Memastikan TASKA yang berdaftar mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh JKM dan mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 serta Peraturan- Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012;

v. Tindakan penguatkuasaan sebagaimana peruntukan Akta TASKA 1984 bagi TASKA tidak berdaftar seperti Lak, Kompaun dan Pendakwaan. Manakala bagi TASKA yang berdaftar yang tidak mematuhi Akta dan Peraturan TASKA, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun

dan Pendakwaan di Mahkamah. Statistik 2018 Sehingga Oktober 2019, sebanyak 312 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas TASKA yang tidak berdaftar dan TASKA berdaftar yang tidak mematuhi Akta TASKA 1984 dan Peraturan TASKA 2012;

vi. JKM juga memastikan status pendaftaran TASKA sentiasa dikemas kini dalam portal JKM bagi memudahkan ibu bapa membuat semakan sebelum menghantar anak ke TASKA;

vii. JKM juga mengadakan program-program seperti Jom Daftar bagi memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kaedah pemilihan pengasuh di rumah untuk anak sendiri;

viii. Kementerian juga melancarkan Infografik Senarai Semak Pemilihan Pengasuh di Rumah bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam pemilihan pengasuh di rumah; dan

ix. Menyediakan sistem eDKK untuk membuat saringan terhadap individu yang ingin bekerja dalam bidang yang melibatkan kanak-kanak bagi memastikan individu tersebut bebas jenayah seterusnya meminimumkan risiko keselamatan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan implikasi yang telah diambil terhadap pengedaran komik 'Inisiatif Jalur dan Jalan - Meraih Manfaat Bersama (BRI)'.

NO SOALAN: 41

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri pada 23 Oktober 2019 telah mewartakan Perintah Larangan terhadap penerbitan bertajuk “Inisiatif Jalur & Jalan Meraih Manfaat Bersama” dalam tiga (3) versi bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina melalui Warta Kerajaan P.U.(A) 288/2019. Tindakan Perintah Larangan ini diambil mengikut peruntukan di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984 (Akta 301) kerana terdapat kandungan dalam penerbitan tersebut yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan serta mungkin menggemparkan fikiran orang ramai.

Susulan pewartaan Perintah Larangan tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan tindakan penguatkuasaan secara serentak di seluruh negara dengan menyasarkan sekolah-sekolah yang terlibat dalam penerimaan naskhah komik tersebut melalui sokongan dan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehingga 4 Disember 2019, sebanyak 2,873 naskhah komik telah berjaya dirampas dalam operasi yang telah dilaksanakan. Terdapat juga sebahagian naskhah yang telah dilupuskan sendiri oleh pihak sekolah rentetan polemik yang tercetus berhubung pengedaran komik tersebut.

NO SOALAN: 41

Selain itu, tindakan penguatkuasaan turut dilakukan ke atas premis penerbit dan pencetak serta kedai-kedai buku di seluruh negara bagi memastikan tiada sebarang aktiviti pencetakan, penerbitan, penjualan dan pengedaran komik berkenaan.

Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen 8(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), mana-mana orang yang didapati memiliki penerbitan tersebut tanpa sebab yang munasabah dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

Manakala di bawah subseksyen 8(2) Akta tersebut, mana-mana orang yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluar, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar atau ada dalam milikannya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan larangan dan apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan kluster yang diwujudkan di bawah NADMA untuk membantu negeri-negeri yang ditimpa bencana.

NO SOALAN: 42

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sebanyak 9 kluster telah diwujudkan bagi menyelaras bantuan pihak NGO / Swasta sewaktu kejadian bencana. Sistem kluster ini mengambil kira model yang dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tetapi disesuaikan dengan keadaan dalam negara.

2. Berikut adalah objektif pendekatan kluster ini:

    a) Menjadi platform penyelarasan kerjasama antara Kerajaan dan NGO dalam Pengurusan Bencana.
    b) Menjadi platform penyelarasan kerjasama dan koordinasi sesama NGO dalam kluster yang sama dalam Pengurusan Bencana.
    c) Menggalakkan kerjasama dan penglibatan NGO dalam penggubalan dasar Pengurusan Bencana negara.
    d) Mempastikan Pengurusan Bencana negara selari dengan amalan terbaik antarabangsa.

3. Sembilan (9) kluster tersebut ialah seperti yang berikut:
    a) Kluster Makanan dan Nutrisi
    b) Kluster Pusat Perlindungan
    c) Kluster Pemulihan Awal
    d) Kluster Pendidikan

e) Kluster Komunikasi Kecemasan

f) Kluster Air, Komunikasi dan Kecemasan (WASH)

g) Kluster Kesihatan dan Perubatan

h) Kluster Logistik

i) Kluster Perlindungan dan Keselamatan

4. Memandangkan inisiatif ini masih di peringkat awal, NADMA masih dalam proses memantapkan kolaborasi antara agensi dan NGO di peringkat pusat seterusnya dikembangkan ke peringkat negeri dan daerah melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

5. Walau bagaimanapun, mengikut penilaian awal semasa banjir di Kelantan dan Terengganu pada bulan Disember 2019, sistem kluster ini dilihat dapat membantu menyelaras pergerakan dan menggalakkan penglibatan NGO di dalam pengurusan dan bantuan bencana negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan untuk menggunakan saluran media sebagai ruang untuk merapatkan hubungan di antara kaum.

NO SOALAN: 43

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sentiasa menggalakkan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) melaksanakan penerbitan program-program yang memupuk semangat hidup bersatu padu agar ia boleh menyuntik kerukunan dan penyatuan rakyat berbilang kaum di negara ini.

2. Menerusi kandungan rancangan terbitan RTM dan kekerapan penyiarannya, sama ada program *in house* atau perolehan terbitan pihak swasta, RTM sentiasa memastikan agar kandungan rancangan-rancangan tersebut dapat menyuntik semangat kerukunan hidup masyarakat majmuk berbilang kaum yang menjadi asas pembinaan negara ini.

3. Daripada aspek siaran, TV1 sebagai contoh, memaparkan program berunsurkan perpaduan selama lebih 2000 jam sejak Januari 2019 hingga kini. Ia merangkumi drama, telemovie dan dokumentari. Manakala saluran TV Okey pula, lebih 200 jam siarannya pada tahun ini telah memaparkan kemajmukan pelbagai kaum di Malaysia termasuk suku kaum di Sabah dan Sarawak menerusi pelbagai genre program.

NO SOALAN: 43

4. Menyedari bahawa sukan merupakan aktiviti yang mampu memupuk penyatuan rakyat di pelbagai peringkat lapisan masyarakat di negara ini, maka RTM giat menumpukan usaha mengukuhkan rancangan sukan dengan menyiarkan pelbagai perlawanan dan program sukan yang bukan sahaja dapat menghimpunkan rakyat Malaysia pelbagai kaum amnya, malah secara tidak langsung menyemai semangat cintakan negara terutama dalam kalangan anak muda. Lebih 400 jam rancangan sukan telah disiarkan oleh saluran RTM tahun ini.

5. Selari dengan objektifnya, RTM sejak 7 dekad yang lalu telah memainkan peranan yang signifikan dan berterusan mempromosi agenda nilai murni seperti perpaduan, keharmonian, saling menghormati dan pengukuhan institusi kekeluargaan.

6. Secara purata, topik mengenai perpaduan, keamanan dan patriotisme dilapor, dibincang dan disiarkan dalam 3 segmen Selamat Pagi Malaysia setiap minggu dan 3 laporan berita pelbagai bahasa. Jumlah berkenaan meningkat pada bulan kemerdekan dan sambutan Hari Malaysia.

7. Bagi penganjuran acara pula, untuk tahun 2020, sebanyak 16 konsert yang menampilkan Orkestra RTM telah dirancang dan akan diterbitkan di lokasi-lokasi berlainan di seluruh negara. Konsert ini akan menampilkan artis, pemuzik, pengacara dan penari daripada pelbagai kaum.

8. Penerbitan adalah secara bulanan dan ada program yang dikhususkan untuk sambutan hari-hari perayaan seperti Tahun Baharu Cina, Vaisakhi, Tadau Kaamatan, Hari Gawai Dayak, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Krismas, termasuk yang dianjurkan untuk Orang Asli.

9. Manakala BERNAMA secara berterusan mengutamakan pelbagai laporan berita, rencana, temu bual khas dan program bual bicara berunsurkan perpaduan dan keharmonian masyarkat majmuk dan semangat cintakan negara sepanjang tahun. Usaha ini dipergiatkan lagi pada sambutan bulan kemerdekaan iaitu pada Ogos dan September; dan dihebahkan menerusi platform konvensional dan media sosial BERNAMA serta saluran televisyen Bernama TV dan Bernama Radio.

10. Antara pengisian berita adalah untuk memupuk keharmonian, kemajmukan dan saling hormat menghormati sesama sendiri tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

11. KKMM melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) sentiasa menyebarluaskan kandungan mengenai penyatuan kaum melalui saluran media sosial rasmi JaPen iaitu Facebook, Youtube, Twitter dan Instagram.

12. JaPen merancang mencipta kandungan (*content*) berdasarkan subjek perpaduan kaum melalui penghasilan video, video grafik dan infografik. JaPen turut berhasrat untuk menghasilkan kandungan

kreatif perpaduan kaum sebanyak 400 posting di media sosial rasmi JaPen pada tahun 2020.

13. Selain itu, JaPen mengoptimumkan penggunaan saluran media sebagai ruang untuk untuk merapatkan hubungan antara kaum melalui penerbitan dan pameran secara digital.

14. Usaha ini boleh dilihat melalui bahan-bahan penerbitan yang boleh didapati dalam bentuk digital (D-Book) di laman web JaPen yang membicarakan mengenai isu perpaduan dalam bahan penerbitan berkala dalam empat (4) bahasa iaitu Majalah Mentari (Bahasa Malaysia), Majalah Focus (Bahasa Inggeris), Majalah Xin Xi Wang (Bahasa Mandarin) dan Majalah Puthiya Uthayam (Bahasa Tamil) dan Majalah Semarak, terbitan khas sempena Bulan Kebangsaan serta risalah. Ke arah itu, JaPen juga akan menerbitkan risalah berkaitan perpaduan dalam bahasa etnik Sabah dan Sarawak.

15. JaPen turut berhasrat membangunkan permainan interaktif bertemakan perpaduan yang berlatarbelakangkan rakyat Malaysia dan disasarkan kepada generasi muda dengan menggunakan media eletronik sebagai saluran untuk mempromosikan permainan interaktif yang dibangunkan. Selain itu, bagi mengupas intipati Rukun Negara dalam bentuk yang mudah difahami masyarakat, JaPen merancang membangunkan aplikasi yang boleh dimuat naik oleh kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan bagi mencapai sasaran pengeluaran 1,000 tan metrik durian setiap bulan untuk dieksport ke China dalam tempoh tiga tahun.

NO SOALAN: 44

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Usaha Malaysia untuk menembusi pasaran buah durian di Republik Rakyat China telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Hasil rundingan di antara Kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011, dan seterusnya dalam bentuk biji bermula pada Jun 2019 yang lalu.

2. Kementerian telah mengenalpasti tanaman durian sebagai salah satu sumber kekayaan baharu (SKB) kerana permintaan yang tinggi dan potensi pasaran eksport yang besar. Dalam hal ini, Kementerian bersama-sama Jabatan dan Agensi yang berkaitan sentiasa komited untuk memasarkan durian Malaysia secara besar-besaran dan sistematik ke Republik Rakyat China dan lain-lain destinasi eksport yang berpotensi. Usaha ini penting demi memastikan industri durian yang lestari bagi menampung permintaan yang dijangka meningkat dan menyumbang kepada ekonomi negara serta pendapatan petani.

3. Kementerian mensasarkan durian jenis premium seperti Musang King (D197), D24, Hajah Hasmah atau IOI (D168) dan Black Thorn (D200) untuk dieksport ke Republik Rakyat China setiap bulan. Sasaran ini

didorong oleh pasaran China yang sangat besar dan permintaan tinggi kepada durian Malaysia jenis premium.

4. Sehingga kini, keluasan penanaman tanaman durian di Malaysia adalah 73,740 hektar dengan pengeluaran sebanyak 341,332 tan metrik. Malaysia memerlukan minimum 2,400 hektar keluasan tanaman durian yang telah matang bagi mencapai pengeluaran durian sebanyak 1,000 tan metrik sebulan (12,000 tan metrik setahun). Dengan produktiviti pengeluaran minimum 5 tan metrik/hektar dan keluasan berhasil semasa seluas 36,000 hektar (anggaran bagi tahun 2020), negara mampu mengeluarkan hasil durian purata sebanyak 15,000 tan metrik sebulan. Unjuran eksport adalah sebanyak 6% setahun daripada jumlah pengeluaran tahunan, iaitu 7,500 tan metrik sebulan.

5. Dalam usaha mencapai sasaran pengeksportan 1,000 tan metrik tersebut, Kementerian melalui Jabatan dan Agensi berkaitan giat melaksanakan program peningkatan produktiviti dan pengeluaran durian di Malaysia seperti program galakan penanaman semula dan pembukaan kawasan penanaman baharu. Diharapkan program tersebut dijangka mengeluarkan hasil yang tinggi dalam tempoh 3-5 tahun akan datang. Sepanjang berlangsungnya Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian melalui Jabatan Pertanian (DOA) giat melaksanakan beberapa program yang berkaitan seperti:

a. Program Pembangunan Kluster Durian

Sehingga tahun 2018, sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan kluster durian melibatkan 2,210 orang petani dengan keluasan seluas 3,467.72 hektar.

b. Program Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih

Sehingga tahun 2018, sebanyak RM22 juta telah diperuntukan untuk program tanam semula buah-buahan terpilih melibatkan 7,490 orang petani dengan keluasan seluas 6,811.72 hektar.

6. Selain daripada bantuan berbentuk *in-kind* di bawah program-program yang tersebut, Jabatan Pertanian juga dari masa ke semasa sentiasa membuat lawatan pengembangan, memberi latihan-latihan berkaitan pengurusan tanaman durian, pembajaan, kawalan penyakit dan perosak durian serta pembangunan teknologi dan kaedah terkini bersama MARDI dalam meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran durian.

7. Perkembangan teknologi *Individual Quick Freezing (IQF)* dapat juga membantu melanjutkan tempoh simpanan buah durian sehingga 18 bulan untuk digunakan di luar musim. Semua syarikat yang telah diberi kebenaran oleh *The General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC)* mempunyai dan menggunakan fasiliti berteknologi IQF untuk mengeksport durian sejuk beku ke Republik Rakyat China.

NO SOALAN: 44

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. NUING JELUING**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu peminjam PTPTN membayar balik pinjaman mereka. Berapa jumlah yang dibayar dan berapa yang belum dibayar. Sila berikan pecahan bagi mereka yang belum membayar pinjaman mereka.

NO SOALAN: 45

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

PTPTN telah menyediakan dan melaksanakan pelbagai insentif bagi membantu peminjam membayar balik pinjaman, seperti:

1. Pelaksanaan tempoh *Grace Period* selama 12 bulan selepas tamat pengajian, iaitu peminjam tidak perlu membuat bayaran balik dan tidak dikenakan kos pentadbiran/ Ujrah sepanjang tempoh tersebut;

2. Kemudahan pengstrukturan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik oleh peminjam;

3. Kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan bagi peminjam yang belum bekerja;

4. Pengecualian bayaran balik pinjaman bagi peminjam golongan B40 dan M40 yang cemerlang; dan

5. Insentif pelepasan cukai kepada majikan yang membantu membuat bayaran balik pinjaman bagi pihak pekerja.

NO SOALAN: 45

Sehingga 31 Oktober 2019, seramai 2 juta peminjam sepatutnya mula membayar balik pinjaman yang berjumlah RM23.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1.7 juta peminjam telah membuat bayaran balik berjumlah RM16.7 bilion.

Untuk makluman, pecahan peminjam bagi RM6.8 bilion tunggakan pinjaman yang belum diterima adalah seperti berikut:

1. 658,529 peminjam yang membayar secara tidak konsisten, dengan jumlah tunggakan sebanyak RM3.8 bilion; dan

2. 363,127 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dengan jumlah tunggakan sebanyak RM3 bilion.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah penyelesaian bagi masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku setiap hari di Kuala Lumpur.

NO SOALAN: 46

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka beberapa pendekatan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Langkah paling berkesan ialah meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Oleh yang demikian, lebih banyak kemudahan sokongan perlu disediakan untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam.

Mulai tahun 2019, DBKL telah mula membiayai perkhidmatan bas percuma Bas GoKL, iaitu satu inisiatif untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Perkhidmatan Bas GoKL ialah satu perkhidmatan sokongan untuk perjalanan di batuan pertama (*first-mile*) dan batuan akhir (*last-mile*).

DBKL telah mengambil alih 4 laluan sedia ada perkhidmatan *last-mile* yang bertujuan untuk menyenangkan pergerakan pengguna pengangkutan awam di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur. Pada tahun 2019, DBKL telah memperkenalkan 3 laluan perkhidmatan *first-mile* yang bertujuan untuk melengkapkan perjalanan pengguna pengangkutan awam dari kawasan perumahan berkepadatan tinggi (seperti PPR dan PA) ke stesen pengangkutan transit rel (MRT / LRT / Komuter KTM) yang berdekatan.

NO SOALAN: 46

DBKL mempunyai perancangan untuk menambah 3 lagi laluan perkhidmatan *first-mile* pada tahun 2020.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kemudahan *Park and Ride* telah disediakan untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam. Kemudahan *Park and Ride* telah disediakan di beberapa stesen LRT, iaitu Stesen LRT Ampang, Gombak, Tasik Selatan dan Sungai Besi. Bagi sistem MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang pula, kebanyakan stesen di luar kawasan pusat bandar telah disediakan dengan kemudahan *Park and Ride*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari aspek perancangan pula, DBKL akan melantik perunding dalam masa terdekat ini untuk merangkakan satu pelan induk trafik yang komprehensif dan dinamik untuk mengenalpasti masalah dan isu trafik yang timbul serta mencadangkan kaedah-kaedah mengatasi masalah ini. Input daripada Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur ini akan diselaraskan dengan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) yang sedang dirangkakan.

Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:-

1) Mencadangkan perancangan isipadu trafik yang diselaraskan dengan pembangunan guna tanah di Kuala Lumpur;
2) Mencadangkan infrastruktur rangkaian jalan raya baru dan menaiktaraf infrastruktur rangkaian jalan raya sedia ada;dan

3) Mencadangkan langkah-langkah pisah ragam (*modal split*) di antara kenderaan awam dan persendirian.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek-projek meningkatkan kapasiti infrastruktur jalan raya di Kuala Lumpur akan diteruskan bagi memastikan kelancaran aliran lalu lintas. Projek-projek infrastruktur jalan yang diutamakan ialah projek-projek yang dapat menyuraikan lalu lintas, seperti projek melengkapkan rangkaian jalan raya, projek melebarkan jalan-jalan sedia ada dan juga projek menaiktaraf persimpangan *at-grade* kepada persimpangan bertingkat.

Pengurusan lalu lintas yang lebih cekap akan mengoptimumkan kapasiti rangkaian jalan raya yang sedia ada di Kuala Lumpur. Pelbagai kaedah pengurusan lalu lintas telah dan sedang dilaksanakan; antaranya ialah sistem lampu isyarat berkomputer, *Integrated Transport Information System* (ITIS), *Left-Turn-On-Red* di persimpangan jalan, skim *Contra-Flow* pada waktu puncak harian, kawalan ke atas kerja pembinaan yang melibatkan ruang jalan raya, serta kawalan ke atas pergerakan kenderaan berat di jalan-jalan utama pada waktu puncak pagi dan petang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi penguatkuasa di Kuala Lumpur senantiasa mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas pesalah-pesalah yang melanggari peraturan lalu lintas dan kenderaan-kenderaan yang menyebabkan halangan kepada kelancaran lalu lintas, seperti kesalahan meletakkan kenderaan di tempat-tempat yang dilarang. Tindakan penguatkuasaan

sedemikian akan memastikan pengguna-pengguna jalan raya dapat menggunakan kapasiti sebenar rangkaian jalan raya di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan program-program di INTAN dan Razak School Of Government terhadap pegawai-pegawai Kerajaan.

NO SOALAN: 47

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

INTAN

1. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) merupakan salah satu agensi penggerak Kerajaan yang berperanan untuk melaksanakan latihan ke arah pengukuhan kemahiran dan pemerkasaan pengetahuan pegawai awam serta memupuk nilai-nilai yang mencerminkan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
2. Selain meningkatkan kualiti kepimpinan dan organisasi dalam Perkhidmatan Awam, INTAN juga berperanan sebagai penyedia platform perkongsian idea, pengalaman dan hala tuju Kerajaan melalui kursus-kursus dan program-program yang disediakan.
3. Antara kursus-kursus yang ditawarkan oleh INTAN termasuk program:
    a. *Advanced Leadership and Management Programme (ALMP);*
    b. *Advanced Leadership Development and Assessment Programme (A-LEAP);*
    c. *Middle Management Leadership Assessment Programme (M-LEAP);*
    d. *Executive Leadership Assessment Programme (E-LEAP);*
    e. *INTAN Trainer Development Series; dan*
    f. *INTAN Ministerial Lecture Series (Public Policy)*

NO SOALAN: 47

RSOG

4. Razak School of Government (RSOG) adalah salah satu inisiatif yang lahir di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. RSOG merupakan sebuah institusi pembangunan kepimpinan awam berautonomi yang menyediakan latihan kepimpinan kanan serta program-program berimpak tinggi yang menekankan kepada kerjasama di antara sektor awam dan swasta.
5. Program-program RSOG adalah sebagai pemangkin utama untuk golongan penjawat awam yang berkaliber terutama di dalam pembangunan modal insan untuk Malaysia mencapai status negara maju. RSOG di sepanjang penubuhannya telah pun memenuhi dua tujuan utama kewujudannya iaitu memperkasakan pegawai-pegawai kanan serta memperkukuhkan pembangunan intelektual dalam perkhidmatan awam di Malaysia.
6. Antara kursus-kursus yang ditawarkan oleh RSOG termasuk program
    a. *Senior Leadership Programme;*
    b. *Emerging Leaders Programme;*
    c. *Customised Programme;*
    d. *Program Talent Acceleration in the Public Service; dan*
    e. *Applied Research.*

KEBERKESANAN PROGRAM-PROGRAM INTAN DAN RSOG

7. Secara keseluruhanya, program-program yang dilaksanakan antara kerjasama INTAN & RSOG telah berjaya meningkatkan kompetensi penjawat awam di semua peringkat. Berdasarkan laporan **World Competitiveness Rankings 2019** oleh IMD yang mengambil kira dalam aspek prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan

perniagaan dan infrastruktur, Malaysia berada di tangga 22 pada tahun 2018 & 2019 di hadapan United Kingdom (23), Korea Selatan (28), Jepun (30) & Perancis (31).

8. INTAN dan RSOG secara langsung telah menyumbang dalam aspek kecekapan kerajaan yang menyediakan pelbagai program/kursus yang bersesuaian dan relevan kepada penjawat awam. Sungguhpun begitu, kedua-dua agensi institusi ini akan sentiasa berusaha menganjurkan program/kursus yang berkualiti mengikut peredaran masa bagi meningkatkan kompetensi penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan kilang yang dibina setakat ini dan punca kegagalan pihak Kerajaan untuk menarik pelabur ke kawasan perindustrian di Kulim High Tech Park.

NO SOALAN: 48

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi tempoh 1996 hingga 2018, sebanyak 31 kilang berstatus multinasional dan 30 syarikat berstatus sokongan telah bertapak di kawasan perindustrian Kulim High Tech Park atau KHTP. 31 kilang berstatus multinasional berkenaan adalah datangnya daripada lapan (8) sektor, iaitu:

(i) fabrikasi wafer (*wafer fabrication*) dan aktiviti yang berkaitan;

(ii) semikonduktor dan aktiviti yang berkaitan;

(iii) tenaga boleh diperbaharui dan aktiviti yang berkaitan;

(iv) peranti perubatan dan instrumen saintifik/ farmaseutikal;

(v) optik dan aplikasi elektro-optik;

(vi) aeroangkasa;

(vii) bioteknologi; dan

(viii) bahan lanjutan (*advanced materials*).

NO SOALAN: 48

2. Manakala 30 syarikat berstatus sokongan meliputi lima (5) sektor, iaitu:

(i) perkhidmatan logistik;
(ii) penyedia bahan kimia dan gas yang berkaitan;

(iii) penyelidikan dan pembangunan;

(iv) penyedia perkhidmatan utiliti; dan

(v) perkhidmatan kejuruteraan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kenyataan mengenai pihak Kerajaan gagal untuk menarik pelabur ke KHTP adalah tidak benar berdasarkan fakta-fakta seperti berikut:

(i) bagi tempoh 1995 sehingga September 2019, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 137 projek di dalam sektor perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM49.6 bilion di KHTP. Jumlah pelaburan yang diluluskan ini dijangka menjana 47,967 peluang pekerjaan;

(ii) berdasarkan Kajian Impak KPMG pada tahun 2018, terdapat seramai 28,000 pekerja dengan 80% daripadanya merupakan pekerja berkemahiran tinggi di KHTP;

(iii) sehingga tahun 2018, sebanyak 97 projek telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM35.2 bilion di KHTP. Ini menunjukkan bahawa 70.8% dari 137 projek yang diluluskan telah berjaya dilaksanakan, dengan pecahan 7.68% pelaburan dari pelabur tempatan manakala 92.32% dari pelabur asing; dan

(iv) sumbangan cukai pendapatan korporat daripada syarikat multinasional di KHTP dari tahun 2012 hingga 2017 ialah sebanyak RM971.30 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa komited dalam meneruskan usaha untuk menarik pelaburan dari dalam dan luar negara di industri-industri yang disasarkan, termasuk ke kawasan perindustrian KHTP.

5. Bagi meningkatkan pelaburan ke kawasan-kawasan perindustrian termasuk KHTP, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2019 bagi meningkatkan pelaburan. Antara program berkenaan adalah seperti berikut:

i. menganjurkan empat (4) misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara (Amerika Syarikat, Amerika Latin (Chile, Argentina dan Brazil), Australia dan Jepun) yang diketuai oleh YB Menteri MITI dengan tujuan untuk menyebar dan memaklumkan kepada bakal

pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan melalui pendekatan ekosistem;

ii. membangunkan ekosistem rantaian bekalan tempatan dengan menganjurkan, dengan izin '*Supply Chain Conference*' bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat-syarikat tempatan terus mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan syarikat-syarikat multinasional;

iii. menganjurkan sesi dialog secara berterusan di antara Kerajaan dengan Dewan Perdagangan/ Perniagaan (*Business Chambers*), Kedutaan/ Pesuruhjaya tinggi dan persatuan-persatuan industri bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek-projek mereka;

iv. menganjurkan Seminar Penggalakan Pelaburan Tempatan untuk memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat mengenai polisi semasa, galakan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan;

v. mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk projek pembesaran dan/ atau projek pelbagaian di dalam sektor berteknologi tinggi seperti elektrikal dan elektronik, perubatan, kimia; dan

vi. menganjurkan program, dengan izin, '*SME Investment Desk'* untuk membantu dan memberi nasihat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS mengenai inisiatif dan fasiliti Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti PKS.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam menarik pelaburan ke kawasan-kawasan perindustrian, termasuk KHTP, Kerajaan juga sentiasa menambah baik dasar dan strategi utama Kerajaan dalam menarik pelaburan yang berkualiti. Ini adalah penting bagi memastikan dasar dan strategi Kerajaan adalah selaras dengan keperluan negara sekaligus dapat mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelabur.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan bayaran balik skim pinjaman PTPTN bagi tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya dan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam mencari mekanisme terbaik untuk skim bayaran balik PTPTN sepertimana termaktub dalam manifesto memandangkan Belanjawan 2020 yang dibentangkan tiada penekanan terhadap skim ini.

NO SOALAN: 49

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN bagi tahun 2019, iaitu sehingga 31 Oktober, adalah sebanyak RM1.9 bilion, berbanding sebanyak RM2.4 bilion untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018. Berkenaan mekanisme baharu bayaran balik pinjaman, satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi membangunkan model pembiayaan bayaran balik PTPTN yang baharu, sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan Dasar Agromakanan Negara 2.0 dapat dicapai dan apakah pelan-pelan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi memastikan dasar ini berjaya.

NO SOALAN: 50

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0), 2021 - 2030 merupakan satu dasar dan pelan jangka panjang merangkumi pelbagai aspek berkaitan sektor agromakanan. Pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2021 sebaik sahaja tempoh pelaksanaan DAN sedia ada berakhir. Ketika ini, Kementerian sedang menyediakan dokumen DAN 2.0 dalam tempoh 18 bulan mulai bulan Ogos 2019 bersama perunding yang telah dilantik.

2. DAN 2.0 bakal menggariskan hala tuju sektor agromakanan yang pembangunannya seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) di samping meneruskan elemen utama dalam dasar sedia ada iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan serta meningkatkan pendapatan usahawan tani. Dalam masa yang sama, DAN 2.0 juga akan terus menangani isu-isu semasa sektor agromakanan seperti ketidakstabilan harga input pertanian, kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing, peningkatan defisit Imbangan Dagangan dan sebagainya dalam tempoh sedekad.

NO SOALAN: 50

3. Antara tindakan yang akan diambil dan pelan yang dirancang bagi memastikan kejayaan pelaksanaan DAN 2.0 adalah seperti berikut:

i. Menyemak semula pencapaian sektor agromakanan berdasarkan kepada jangkaan, indeks prestasi utama (KPI) dan sasaran yang telah diletakkan dalam polisi berkaitan;

ii. Mendapatkan input dan informasi daripada para pemain industri dan pihak berkepentingan merentasi rantaian nilai bagi setiap industri subsektor agromakanan bagi memahami kekuatan, kelemahan dan cabaran dihadapi selain mengenalpasti bahagian yang memerlukan sokongan daripada Kerajaan;

iii. Melaksanakan perbandingan dengan negara-negara serantau dan negara pengeluar makanan utama bagi mencari faktor-faktor yang dapat meningkatkan keupayaan negara sebagai pengeluar agromakanan yang setanding melalui peningkatan pengeluaran dan produktiviti;

iv. Memastikan dasar yang digubal ini adalah bersifat inklusif mengambil kira dasar-dasar utama negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama, Dasar Pembangunan Luar Bandar, pembangunan belia, pembangunan fizikal negara dan lain-lain yang berkaitan dengan mengambil kira unjuran pembangunan 10 tahun akan datang agar DAN 2.0 lebih relevan dan bersifat dinamik;

v. Membangun pelan tindakan menyeluruh selari dengan polisi dan strategi merangkumi perundangan, kewangan dan modal insan; dan

vi. Memperkukuh penggunaan teknologi dalam sektor agromakanan selaras dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah bayaran royalti minyak Terengganu selepas PRU 14 sehingga sekarang.

NO SOALAN: 51

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Selaras dengan Perjanjian Bayaran Tunai yang dimeterai antara PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan, PETRONAS akan menyalurkan bayaran tunai sebanyak 5 peratus daripada hasil petroleum yang didapati dan diperolehi (*won and saved*) di negara ini kepada Kerajaan Persekutuan.

2. Mengikut Perjanjian Bayaran Tunai yang dimeterai antara PETRONAS dan negeri-negeri pula, PETRONAS akan menyalurkan Bayaran Tunai sebanyak 5 peratus daripada hasil petroleum terus kepada mana-mana negeri yang mana petroleum didapati dan diperolehi.

3. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini, hasil petroleum yang didapati dan diperolehi berada melebihi tiga (3) batu nautika di luar perairan negeri. Maka, tiada bayaran tunai disalurkan secara terus oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Terengganu tetapi dibayar kepada Kerajaan Persekutuan.

4. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telah membuat bayaran dalam bentuk wang ehsan atau dana khas kepada negeri-negeri terdekat dengan kawasan pengeluaran termasuk negeri

Terengganu bagi membiayai projek dan program yang memberi manfaat kepada rakyat di negeri-negeri berkenaan.

5. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi semasa sesi Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 (Belanjawan) pada 30 Oktober 2019, YAB Perdana Menteri bersetuju supaya bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri akan dibayar terus oleh PETRONAS mulai tahun 2020 seperti amalan yang dilaksanakan oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan progres terkini projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bahru sehingga November 2019.

NO SOALAN: 52

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan melalui Bajet Tahun 2016 telah meluluskan peruntukan bagi Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Selaras daripada kelulusan tersebut, MOT telah melantik firma Sepakat Setia Perunding Sdn. Bhd. sebagai Perunding Kejuruteraan Projek melalui perolehan tender terbuka pada 26 Ogos 2016.

2. Manakala bagi pelantikan syarikat kontraktor, Kementerian Kewangan (MOF) pada Mac 2016 telah mengarahkan agar perolehan kontraktor dilaksanakan secara tender terbuka tetapi proses tersebut tidak dilakukan sehingga peralihan Kerajaan pada Mei 2018.

3. Selaras dengan Dasar Kerajaan Semasa yang mengutamakan ketelusan dan tadbir urus yang baik, projek ini diteruskan di bawah pentadbiran baru dengan cara tender terbuka.

4. Sehingga kini, MOT sedang melaksanakan proses perolehan kontraktor secara tender terbuka di mana langkah pertama adalah proses pra-kelayakan (*pre-qualification*) bagi memastikan saringan terhadap kontraktor-kontraktor yang mempunyai kewangan yang kukuh dan keupayaan teknikal yang tinggi sahaja dipilih.

5. Selepas itu, kontraktor-kontraktor yang melepasi pra-kelayakan akan ditawarkan peluang mengambil bahagian dalam proses tender terbuka pada awal tahun 2020. Menjelang pertengahan tahun depan, kontraktor yang berjaya akan dilantik dan pelaksanaan kerja-kerja fizikal bagi Projek Pembesaran dan Menaiktaraf LTSIP dijangka bermula.

6. Skop utama projek adalah pembesaran terminal baharu yang boleh menampung sehingga 4 juta penumpang setahun berbanding 1.5 juta penumpang pada masa kini dan kapasiti pesawat yang boleh mendarat adalah sebanyak 8 pesawat jenis kod 4C dan 3 pesawat jenis kod 3C pada satu-satu masa.

7. Untuk makluman Dewan, kementerian sangat prihatin akan situasi di LTSIP di mana para pengguna terpaksa menghadapi masalah kesesakan dan ketidakselesaan terutamanya sewaktu musim perayaan. Kerajaan memberi keutamaan dan komitmen yang penuh kepada Projek Pembesaran dan Menaiktaraf LTSIP supaya ia dapat disiapkan mengikut jadual mengikut piawaian yang ditetapkan.

8. Sebagai maklumat tambahan, LTSIP kini mengendalikan penerbangan terus sebanyak 182 kali penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching, Subang, Pulau Pinang dan Melaka. Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke LTSIP dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 70 kali seminggu. Manakala Firefly dan Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 89 kali

seminggu. AirAsia turut menyediakan penerbangan terus dari Kota Kinabalu dan Kuching ke LTSIP dengan jumlah kekerapan masing-masing sebanyak 3 kali seminggu. Di samping itu, Firefly turut menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Pulau Pinang ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 14 kali seminggu. Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Melaka ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu.

9. Untuk tahun 2018, jumlah penumpang yang dikendalikan oleh LTSIP adalah sebanyak 1.688 juta orang, jumlah pengendalian kargo adalah sebanyak 1,072 tan metrik dan jumlah pergerakan pesawat adalah 22,355.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada pertimbangan dibuat supaya warga ATM yang berpangkat Pegawai Waran 1 dibenarkan berkhidmat hingga mencapai umur 50 Tahun.

NO SOALAN: 53

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Syarat-syarat perkhidmatan semasa di dalam Skim Perkhidmatan Angkatan Tetap Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menetapkan perkhidmatan permulaan bagi Askar Lasykar adalah selama 12 tahun dan seterusnya boleh melanjutkan tempoh perkhidmatan sehingga 15/18/21 tahun dan sehingga mencapai umur 55 tahun dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera (MAT). Pelanjutan tempoh perkhidmatan tersebut adalah terpakai kepada semua peringkat pangkat Askar Lasykar ATM.

Walaupun begitu, permohonan pelanjutan tempoh perkhidmatan merupakan pilihan individu yang perlu mematuhi peraturan dan prosedur perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah nisbah doktor kepada pesakit di Malaysia dan mengapakah setiap dua hari terdapat seorang doktor pakar hospital Kerajaan yang meletak jawatan untuk menyertai hospital swasta. Bagaimanakah Kerajaan menangani keadaan tersebut.

NO SOALAN: 54

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Salah satu indikator yang digunakan oleh sesetengah negara maju adalah nisbah doktor kepada penduduk dan bukanlah nisbah doktor kepada pesakit. Bagi tahun 2018, di Malaysia, nisbah doktor kepada penduduk adalah 1 doktor kepada 530 penduduk Malaysia. Nisbah ini menunjukkan penambahbaikan berbanding pada tahun 2007 iaitu 1 doktor kepada 1,105 penduduk Malaysia. Ini adalah berikutan daripada peningkatan peratusan doktor yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bukan KKM berbanding keseluruhan doktor yang berkhidmat di seluruh Negara.

Kenyataan bahawa setiap dua hari terdapat seorang doktor pakar hospital Kerajaan yang meletak jawatan untuk menyertai hospital swasta adalah kurang tepat. Mengikut rekod KKM, Pegawai Perubatan Pakar yang meletakkan jawatan pada tahun 2018 adalah seramai 198 orang. Daripada jumlah tersebut, yang meletakkan jawatan untuk bekerja di sektor swasta hanyalah 38 orang sahaja.

Kerajaan komited untuk mengekalkan perkhidmatan kepakaran dan bagi memastikan Pegawai Perubatan Pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan, beberapa langkah seperti berikut telah dilaksanakan iaitu:

NO SOALAN: 54

a) Menambahbaik kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) bermula 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun boleh dipertimbangkan ke Gred UD54;

b) Menambahbaik peluang kenaikan pangkat Pakar Perubatan dengan mewujudkan Gred Pakar UD56. Kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada lima (5) tahun;

c) Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 bermula 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;

d) Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (On-call/ Active Call) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am;

e) Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan

RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar;

f) Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP. Selain itu, pesakit juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan penjagaan rawatan di hospital Kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu;

g) Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya empat (4) tahun serta memenuhi syarat-syarat tertentu, diberi kelonggaran satu (1) hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi berkuat kuasa 1 Januari 2018; dan

h) Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun sebanyak RM200 sejam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

a) adakah aktiviti pencegahan jenayah dan keselamatan awam masih berkesan apabila Belanjawan 2020 ke atas sewaan CCTV telah berkurangan; dan

b) apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mempertingkatkan keselamatan awam seterusnya mencegah jenayah apabila program Bandar Selamat tidak lagi menjadi bidang kuasa Kementerian.

NO SOALAN: 55

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti pencegahan jenayah dan keselamatan awam masih berkesan kerana pendekatan pemasangan CCTV pada tahun 2020 akan memberi lebih penumpuan kepada kawasan *hotspot* yang paling kritikal. Berdasarkan kepada Statistik jenayah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, didapati nisbah jenayah indeks mengikut negeri di Malaysia bertambah baik sejak tahun 2015 sehingga tahun 2017 di mana nisbah jenayah indeks pada tahun 2017 adalah 309.7 kes berbanding 355.2 kes pada tahun 2016 bagi setiap 100,000 orang penduduk.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengenal pasti kawasan *hotspot* bagi memastikan impak positif pemasangan CCTV ini dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

NO SOALAN: 55

Soalan (b)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mempertingkatkan keselamatan awam seterusnya mencegah jenayah, KPKT masih meneruskan program pemasangan CCTV di kawasan *hotspot* kritikal di PBT terpilih. Kontrak sewaan ini masih dilaksanakan di 46 PBT yang terpilih di seluruh Malaysia secara sewaan bagi tempoh 5 tahun dan pemasangan lokasi CCTV adalah berteraskan kepada faktor-faktor seperti berikut:

   i. Kadar jenayah - CCTV diletakkan di kawasan *hotspot* jenayah;
   ii. Status PBT - keutamaan diberikan kepada PBT yang berstatus perbandaran ke atas;
   iii. Tumpuan pelancong - keutamaan diberikan kepada PBT yang menjadi tempat tumpuan pelancong;
   iv. Komitmen PBT dalam pencegahan jenayah - keutamaan diberikan kepada PBT yang mempunyai komitmen yang tinggi dalam pencegahan jenayah; dan
   v. Kepadatan penduduk - keutamaan diberikan kepada PBT yang mempunyai bilangan penduduk yang padat.

2. Selain itu, KPKT juga telah melancarkan Dasar Komuniti Negara yang bertujuan untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama. Kluster Keselamatan telah digariskan sebagai kluster ketiga di bawah dasar tersebut dengan 3 strategi berikut:

NO SOALAN: 55

i. Memastikan persekitaran hidup yang selamat dan terjamin;
ii. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan aspek keselamatan; dan
iii. Memperkukuh jalinan kerjasama sosial antara komuniti dengan pihak berkaitan dalam usaha memastikan isu keselamatan diberi keutamaan.

Pelaksanaan dasar ini juga secara tidak langsung dapat mempertingkatkan keselamatan awam di sesuatu kawasan perumahan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini aset-aset Kerajaan yang telah dijual dan ditambah, jumlah projek 'land swap' dan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah aset Kerajaan di dalam dan di luar negara bagi jangka masa panjang.

NO SOALAN: 56

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak bulan Mei 2018 sehingga kini, tiada aset tanah milik kerajaan Persekutuan dan saham syarikat MKD yang dijual atau dilupuskan oleh Kerajaan. Perancangan penjualan aset kerajaan adalah bergantung kepada keperluan pada masa akan datang. Bagi projek *land swap* pula, terdapat 32 projek yang merangkumi siap pembinaan, dalam pembinaan dan ada yang belum dimulakan pembinaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam melaksanakan serta merealisasikan pendidikan percuma di Malaysia seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan sekarang.

NO SOALAN: 57

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Yuran persekolahan di peringkat pendidikan rendah dan menengah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan telahpun dimansuhkan sejak 2012. Pendidikan di kedua-dua peringkat persekolahan tersebut adalah percuma sepenuhnya. Selain daripada tiada yuran persekolahan yang dikenakan, Kementerian juga menyediakan 3 kategori Bantuan Persekolahan iaitu Bantuan Persekolahan Umum; Bantuan Persekolahan Khusus; dan Bantuan Persekolahan *One-off*. Secara keseluruhannya terdapat 18 jenis bantuan di bawah ketiga-tiga kategori bantuan tersebut.

Manakala, di peringkat pendidikan tinggi pula, pendidikan yang disediakan adalah hampir percuma iaitu pelajar hanya membayar 10 peratus sahaja daripada kos operasi. Ini bermakna, setiap pelajar universiti awam secara tidak langsung menerima 90 peratus subsidi daripada Kerajaan. Kerajaan sedang dalam usaha mempertimbangkan cadangan memberikan pendidikan percuma sepenuhnya agar dapat mengurangkan beban rakyat mendapatkan hak pendidikan. Walau bagaimanapun, penumpuan akan lebih diberikan kepada golongan sasar iaitu golongan B40 dan juga mereka yang memerlukan bantuan seperti golongan OKU, golongan minoriti dan mereka yang kurang bernasib baik. Kerajaan juga sedang berusaha memastikan setiap bantuan yang diberikan akan memberikan impak yang substantif dan juga melakarkan masa depan yang baik kepada Negara.

NO SOALAN: 57

Beberapa model sedang dipertimbangkan dan pengiraan terperinci berkaitan perkara ini perlu dilaksanakan bersama dengan Kementerian Kewangan dan universiti awam untuk menampung kos tambahan ini. Inilah cabarannya kerana pihak KPM inginkan yang terbaik bagi pihak rakyat. Namun ianya perlu dilaksanakan bersama-sama dengan pihak-pihak yang lain dengan melihat keperluan universiti awam dan juga dengan melihat keutamaan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan terhadap perbelanjaan Negara.

KPM kini menawarkan Program Bantuan Kewangan kepada pelajar Kolej Komuniti dari keluarga berpendapatan RM3,000 sebulan dan juga pelajar asasi di 12 universiti awam seluruh Malaysia untuk syarat kelayakan dari keluarga B40 dan M40. Kedua-dua program bantuan kewangan ini merangkumi bayaran yuran pengajian, elaun penginapan pelajar Asasi dan bantuan wang saku berjumlah RM300 sebulan. KPM turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan program pendidikan khas untuk pelajar pekak dan bisu yang mengikuti pengajian di beberapa Kolej Komuniti terpilih. Kita tidak mahu ada pihak yang tercicir dan tertinggal terutamanya mereka yang mempunyai keperluan khas.

Cadangan memberikan pendidikan percuma kepada rakyat boleh dilaksanakan setelah kajian terperinci dilaksanakan dengan mengambil kira semua aspek terutama beban kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini perjanjian perdagangan RCEP pasca Sidang Kemuncak ASEAN ke-35 di Bangkok pada November yang lalu.

NO SOALAN: 58

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun, Korea, Australia, New Zealand and India.

2. Sejak rundingan dimulakan pada bulan Mei 2013 sehingga September 2019, sebanyak 28 pusingan rundingan dan tiga (3) Sidang Kemuncak RCEP telah diadakan. Sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan teks untuk semua 20 bab atau *Working Groups*, dengan izin iaitu:

i. Peruntukan-Peruntukan Awal dan Takrifan Umum atau *Initial Provisions and General Definitions*;
ii. Perdagangan Barangan atau *Trade in Goods*;
iii. Peraturan Tempasal atau *Rules of Origin* yang merangkumi Lampiran *Product Specific Rules* (*Annex on Product Specific Rules*);
iv. Prosedur Kastam dan Fasilitasi Perdagangan atau *Customs Procedures and Trade Facilitation*;

v. Langkah-langkah *Sanitary* dan *Phytosanitary*;

vi. Standards*, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures*;

vii. Remedi Perdagangan atau *Trade Remedies*;

viii. Perdagangan Perkhidmatan atau *Trade in Services* yang merangkumi Lampiran-Lampiran Perkhidmatan Kewangan, Komunikasi dan Profesional (*Annexes on Financial Services, Telecommunication Services, and Professional Services*);

ix. *Movement of Natural Persons*, dengan izin;

x. Pelaburan;

xi. Hak Harta Intelek;

xii. Perdagangan Elektronik atau *Electronic Commerce*;

xiii. Dasar Persaingan;

xiv. Perusahaan Kecil dan Sederhana;

xv. Kerjasama Ekonomi dan Teknikal;

xvi. Perolehan Kerajaan yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan;

xvii. Peruntukan-Peruntukan Umum dan Pengecualian atau *General Provisions and Exceptions*;

xviii. Peruntukan-Peruntukan Institusi atau *Institutional Provisions*;

xix. Penyelesaian Pertikaian atau *Dispute Settlement*; dan

xx. Peruntukan-Peruntukan Akhir atau *Final Provisions*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah warga Malaysia yang telah diberhentikan kerja dalam kedua-dua sektor awam dan swasta sejak 2018 hingga kini.

NO SOALAN: 59

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan notifikasi oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja bilangan pekerja yang diberhentikan bagi sektor swasta pada tahun 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:

Perkara	Tahun 2018	Tahun 2019 (sehingga 30 September)
Pemberhentian biasa	17,236 (74.4%)	21,625 (87.9%)
Pemberhentian sukarela (VSS)	5,932 (25.6%)	2,975 (12.1%)
Jumlah	23,168 orang	24,600 orang

NO SOALAN: 59

2. Bagi tahun semasa antara sektor tertinggi yang terlibat dengan pemberhentian adalah seperti berikut:

Sektor	Jumlah (orang)
Pembuatan	7,944 (32.29%)
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	7,309 (29.71%)
Perdagangan, borong dan runcit	2,123 (8.63%)
Aktiviti kewangan dan insurans	1,748 (7.11%)
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,049 (4.26%)
Maklumat dan komunikasi	6,79 (2.76%)

NO SOALAN: 59

Tuan Yang di Pertua,

3. Perincian pegawai awam yang ditamatkan perkhidmatan bagi tempoh 2018 sehingga 2019 seperti berikut:

JADUAL 1

Perkara	**Tahun 2018**	**Tahun 2019**
Exit Policy (berprestasi rendah)	0	4
Buang Kerja (Tatatertib)	691	188 (Jun 2019)
Penamatan Kontrak (*Contract Of Service)*	1,384 (Mei 2018 – kini)	
JUMLAH (TAHUN 2018 & 2019)	**2,267 pegawai**	

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hala tuju perkhidmatan kesihatan negara menjelang 2020 hingga 2023 dan bagaimana Kerajaan perlu menangani lambakan Graduan Perubatan serta kekangan Hospital Kerajaan melatih Pegawai Perubatan (Housemanship) bagi sesi 2020 hingga 2023.

NO SOALAN: 60

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi perancangan hala tuju untuk tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menyediakan cadangan Kertas Strategi Kumpulan Kerja Teknikal Kesihatan dengan mengambil kira prestasi semasa serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor kesihatan. Cadangan kertas strategi ini masih lagi dalam peringkat penelitian serta pemurnian bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi selaku urusetia induk penggubalan RMKe-12.

Bagi menangani lambakan Graduan Perubatan serta kekangan Hospital Kerajaan melatih Pegawai Perubatan (*Housemanship*) (dengan izin), KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

a) perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Melalui pendekatan ini, semua graduan perubatan boleh dilantik tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap. Sehingga 11 November 2019, seramai 17,183 orang pegawai Perubatan UD41 telah dilantik secara kontrak sejak tahun 2016. Daripada jumlah tersebut seramai 6,139 orang Pegawai Perubatan UD41 telah dilantik secara kontrak pada tahun 2019.

b) membuat penambahbaikan terhadap proses lantikan graduan perubatan melalui pendekatan graduan dilantik terus secara kontrak tanpa perlu melalui proses temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bermula Julai 2017. Pelantikan hanya berasaskan graduan perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan SPA;

c) meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) dari 38 HLS pada tahun 2009 kepada 46 buah HLS pada tahun 2018 dan tambahan bilangan penempatan alternatif di Klinik-klinik Kesihatan termasuk Kesihatan Primer dan Psikiatri bagi membolehkan PPS menjalani latihan siswazah. Melalui pendekatan ini, slot latihan siswazah di KKM dapat ditingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 12,033 pada tahun 2019; dan

d) kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama lima (5) tahun sehingga 2021 meliputi tiga (3) aspek utama seperti berikut:

   i. tiada pertambahan universiti kolej perubatan baru;

   ii. tiada pertambahan Program Pengajian Perubatan yang baru; dan

   iii. tiada pertambahan kuota pelajar Pengajian Perubatan.

NO SOALAN: 60

KKM juga sedang akan berusaha untuk melakukan penambahbaikan bagi memendekkan tempoh masa menunggu graduan perubatan bagi menjalani latihan siswazah melalui pendekatan-pendekatan berikut:

a) KKM pada 14 Oktober 2019 telah mengemukakan permohonan kepada Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia bagi penglibatan universiti yang berkaitan sebagai Hospital Latihan Siswazah (HLS) dalam usaha untuk meningkatkan bilangan slot latihan siswazah bagi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) menjalani latihan siswazah;

b) meningkatkan atau menambah bilangan HLS baru dengan membantu melengkapkan hospital-hospital sedia ada bagi memenuhi syarat akreditasi untuk dijadikan sebagai HLS. Berdasarkan perancangan KKM, sebanyak lapan (8) buah hospital sedia ada sedang dalam penelitian untuk dilengkapkan sebagai HLS dalam tempoh dua (2) tahun akan datang. Justeru, melalui penambahan lapan (8) buah HLS baru ini, ianya dijangka akan dapat menambah lagi 400 slot latihan siswazah;

c) meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan:

NO SOALAN: 60

KKM juga turut menyediakan landasan kepada graduan perubatan dalam tempoh menunggu dengan memperkenalkan Program Sangkutan Klinikal di fasiliti KKM mulai Mei 2019. Sementara menunggu untuk dilantik sebagai PPS, graduan perubatan boleh memanfaatkan ilmu yang dipelajari di sekolah perubatan dan mendapat pendedahan awal akan suasana dan cara kerja sebagai PPS supaya mereka tidak mengalami kejutan budaya semasa menjalani latihan kelak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LEE TIAN SING**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme bagi mengenal pasti wanita yang telah berhenti kerja selama satu tahun ke atas untuk mendapatkan insentif Women@Work. Adakah langkah ini melibatkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau jabatan-jabatan lain.

NO SOALAN: 61

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Walaupun kadar pengangguran secara keseluruhannya hanya 3.3% pada 2018, kadar pengangguran antara golongan graduan berumur 24 tahun dan ke bawah adalah pada tahap 18%. Memandangkan tahap pengangguran yang tinggi ini, Kerajaan telah merangka inisiatif #MalaysiaKerja (Malaysians@Work) bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan dengan turut memberi tumpuan kepada wanita yang telah berhenti kerja selama setahun atau lebih.

Inisiatif ini akan diterajui oleh KWSP yang akan mengumumkan kaedah dan perincian pelaksanaannya untuk dilaksanakan bermula Januari 2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kesediaan Kementerian untuk melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran mencontohi sekolah antarabangsa atau sekolah di luar negara bagi membolehkan kanak-kanak membesar dengan baik tanpa terlalu terbeban dengan kurikulum, kokurikulum dan pendidikan agama.

NO SOALAN: 62

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan perubahan kurikulum dari semasa ke semasa bagi semua peringkat persekolahan. Kurikulum baharu yang diperkenalkan pada tahun 2017 iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal dengan mengambil kira perkembangan pendidikan semasa di seluruh dunia. Analisis keperluan dijalankan dengan membuat penanda arasan dengan kurikulum sekolah daripada negara Jepun dan negara lain seperti United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

Pelaksanaan kurikulum baharu ini menggalakkan guru menjalankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mengurangkan pembelajaran secara hafalan dan dapat memberi penekanan kepada pembelajaran secara mendalam. Melalui pendekatan PdP ini, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) memfokus kepada pembelajaran berasaskan inkuiri, penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan STEM. Pendekatan PdP ini diharap dapat mengurangkan pembelajaran secara hafalan yang membebankan murid. Guru sentiasa digalakkan untuk melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini bagi

memastikan perkembangan pembelajaran murid berkualiti dan berkesan serta menyeronokkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' CHAI KIM SEN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) sejauh manakah penyiasatan kes kehilangan Raymod Koh, Amri Che Mat, Joshua dan Ruth Hilmy telah dijalankan selepas penubuhan pasukan penyiasat baru; dan

(b) adakah isu-isu yang ditujukan dalam laporan SUHAKAM telah disiasat.

NO SOALAN: 63

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat semula kes kehilangan Amri bin Che Mat dan Pastor Raymond Koh. Pasukan Petugas Khas ini diberi mandat selama 6 bulan mulai 1 Julai 2019. Waiau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memaklumkan kepada umum mengenai status kes-kes ini memandangkan pasukan ini masih di dalam tindakan menyiasat. Laporan dan syor kepada Kerajaan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan dan strategi Kerajaan bagi memujuk Kerajaan India supaya tidak mengurangkan jumlah import minyak kelapa sawit negara kesan daripada ucapan YAB Perdana Menteri di UN yang menyoal tindakan Kerajaan India terhadap Kashmir.

NO SOALAN: 64

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya ingin menekankan bahawa Malaysia mempunyai hubungan dan kerjasama dua hala yang rapat dan strategik dengan India dan Pakistan, kerana hubungan kita dengan kedua-dua negara tersebut mendatangkan banyak manfaat bersama. Lebih dari itu, Malaysia dan kedua-dua negara tersebut sentiasa bekerjasama rapat di forum-forum antarabangsa. Sebagaimana semua sedia maklum, ketiga-tiga negara ini bukan sahaja merupakan negara-negara PBB, tetapi juga NAM dan Komanwel.

3. Saya ingin jelaskan bahawa kempen boikot Malaysia bukan merupakan pendirian rasmi Kerajaan India. Kempen tersebut telah dilancarkan oleh sebilangan organisasi dan individu di India. Kerajaan India tidak mengenakan sekatan perdagangan terhadap Malaysia.

4. Untuk makluman Dewan, program-program kerjasama antara Malaysia dan India masih diteruskan. Pertukaran lawatan di pelbagai peringkat terus berjalan seperti yang dirancangkan, di samping pertemuan

dan perbincangan dalam usaha mengeratkan lagi hubungan kerjasama sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sebagai Menteri Luar Negeri, saya telah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat saya, Dr. S. Jaishankar, Menteri Hal Ehwal Luar India semasa di sela-sela Sidang Kemuncak NAM di Baku, Azerbaijan pada 21-26 Oktober 2019 dan juga di sela-sela Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok, Thailand pada 31 Oktober 2019 - 5 November 2019. Pertemuan-pertemuan tersebut telah memberi peluang untuk kedua-dua pihak menjelaskan pendirian masing-masing dan membincangkan isu-isu hubungan dan kerjasama dua hala dan serantau demi kepentingan bersama.

6. Sebagai kesinambungan hubungan Malaysia-India, Kementerian Luar Negeri juga terus mengadakan perbincangan dengan pihak India, termasuk Suruhanjaya Tinggi India di Kuala Lumpur bagi mengatur program-program kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, serta program-program lain dalam konteks kerjasama serantau seperti ASEAN-India dan insiatif Indo-Pacifik.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyeragamkan harga getah di antara Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak sekiranya ada pelan rancangan untuk melakukan sedemikian.

NO SOALAN: 65

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Harga getah yang diterima oleh pekebun kecil di lapangan adalah berbeza dan tidak seragam bukan hanya di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak malah dalam kalangan pekebun kecil di semua peringkat negeri. Ini adalah kerana harga getah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kandungan getah kering (KGK), kualiti dan kuantiti getah yang ditawarkan, lokasi kebun dari premis pembelian, bilangan pembeli dan kilang memproses di sesuatu kawasan serta rangkaian pemasaran. Di samping itu, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan harga getah tidak dapat diseragamkan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung seperti:

(a) kos tambahan yang perlu ditanggung oleh kilang pemproses untuk bahan pembungkusan, alat-alat ganti jentera kilang, bahan kimia, serta harga minyak diesel perindustrian dan gas asli;

(b) kos-kos tambahan untuk membawa getah keluar dari kawasan pedalaman yang masih mempunyai kekurangan infrastruktur seperti jalan raya; dan

(c) negeri Sabah mengamalkan dasar satu harga bagi seluruh negeri dan penentuan harga peringkat ladang Sabah adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

NO SOALAN: 65

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi Kementerian dalam meningkatkan kadar pelaburan langsung asing (FDI) apabila Malaysia hanya mencatatkan kedudukan ke-5 dalam kalangan negara ASEAN, dengan peratusan sebanyak 5% berbanding negara-negara jiran seperti Filipina, Thailand, Vietnam dan Indonesia.

NO SOALAN: 66

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan Laporan Pelaburan ASEAN 2019, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia bagi tahun kedua berturut-turut adalah penurunan sebanyak 79 peratus pelaburan dari negara-negara anggota ASEAN yang lain (pelaburan *intra-regional*). Penurunan yang ketara direkod dalam sektor hartanah, iaitu penurunan dari USD3 bilion pada tahun 2017 kepada jumlah yang kurang daripada USD1 bilion pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Walaupun ketika negara-negara lain bergelut dengan tekanan ketidaktentuan ekonomi global, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Malaysia menjadi destinasi pelaburan yang diyakini dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang mesra pelabur dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

3. Menurut Laporan Bank Dunia 2020 bagi kategori negara paling mudah untuk menjalankan perniagaan atau dengan izin, "*ease of doing business*", kedudukan Malaysia telah meningkat ke tangga 12 dari tangga 15 dalam kalangan 190 negara. Kedudukan ini meletakkan Malaysia mendahului Australia (14), Finland (20), Thailand (21), Jepun (ke-29), China

(31) dan India (63), manakala di antara ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Singapura.

4. Malaysia juga turut dinobatkan sebagai negara terbaik di dunia untuk melabur pada tahun 2019 oleh majalah edaran antarabangsa CEOWORLD. Malaysia telah mengatasi Singapura, Thailand, United Kingdom dan juga Jepun.

5. Berdasarkan Laporan Bloomberg 2018, Malaysia berada pada kedudukan pertama di Asia dan kelima teratas sebagai negara paling menarik dalam kalangan pasaran baharu dunia.

6. Selain itu, menurut Laporan Bank Dunia 2018, Malaysia merupakan negara ke-lapan (8) pengeksport terbesar dunia dengan nilai USD90.4 billion bagi produk berteknologi tinggi yang berintensifkan penyelidikan dan pembangunan seperti produk aeroangkasa, teknologi maklumat dan komunikasi, farmaseutikal, peralatan saintifik, jentera dan mesin dan elektrik dan elektronik.

7. Kedudukan positif daya saing negara yang diiktiraf oleh laporan-laporan antarabangsa tersebut telah sedikit sebanyak turut mempengaruhi keputusan para pelabur untuk melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kedudukan dan pengiktirafan ini adalah hasil daripada inisiatif-inisiatif berterusan Kerajaan untuk meningkatkan kadar pelaburan langsung asing (FDI) dan mengekalkan daya saing untuk menarik pelaburan ke Malaysia. Antara inisiatif-inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

i. memperkasakan fungsi dan peranan Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan atau dengan izin, *National Committee on Investment* (NCI) bagi memudahkan dan mempercepatkan proses kelulusan projek-projek pelaburan serta sebagai sebuah jawatankuasa tunggal untuk meluluskan insentif pelaburan;

ii. merasionalisasikan peranan dan tanggungjawab agensi promosi pelaburan, atau dengan izin *Investment Promotion Agency* (IPA) dengan memperkasakan peranan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sebagai agensi promosi utama dan penyelaras bagi kesemua IPA di Malaysia;

iii. memperkukuhkan Malaysia sebagai hab bagi operasi pelaburan serantau dengan memberi tumpuan kepada sektor pemangkin melalui penggalakan untuk pelabur asing meningkatkan kualiti pelaburan mereka di Malaysia dalam pelbagai projek pelaburan yang berkualiti seperti projek-projek berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi (*high value-added*), berintensif pengetahuan, kemahiran intensif, berintensif modal, berorientasi eksport, reka bentuk dan R&D, projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan;

iv. membangunkan rantaian bekalan melalui pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia dengan melengkapkan hubungan rantaian industri sama ada industri huluan sedia ada atau industri hiliran yang baharu. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat ini adalah dengan:

a. menggalakkan pengilang-pengilang menggunakan keluaran dan perkhidmatan tempatan sebagai input kepada pembuatan produk mereka supaya harga akhir menjadi lebih kompetitif dan memberi pulangan yang lebih tinggi; dan

b. menganjurkan sesi-sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau dengan izin *suppliers conferences* dan program-program pembangunan vendor; dan

c. memudahcara pelabur-pelabur asing dalam melaksanakan dengan izin '*business matching'* bagi memulakan projek usahasama dengan pelabur tempatan atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak (*contract manufacturing);*

v. menyasarkan untuk menarik syarikat-syarikat *Fortune 500* dan *Unicorns* global dalam sektor teknologi tinggi, pembuatan, kreatif dan ekonomi baharu, di mana Kerajaan telah mengumumkan

untuk menyediakan pakej insentif pelaburan bernilai RM1 bilion setiap tahun selama lima (5) tahun;

vi. mempromosikan dan memudahcara aliran masuk pelaburan asing ekoran isu perdagangan Amerika Syarikat - China seperti berikut:

a. meraih peluang pelaburan daripada dasar Kerajaan China semasa, iaitu, dengan izin, *Belt and Road Initiative* (BRI) serta pembaharuan struktur pembekal sampingan;

b. mensasarkan 10 sektor keutamaan di bawah dasar, dengan izin, *Made in China 2024,* iaitu mesin automatik dan robotik, aeroangkasa dan aeronautik; biopharma dan peralatan perubatan, teknologi maklumat canggih, bahan baru dan kenderaan dan peralatan tenaga baru; dan

c. menggalakkan penggantian import oleh Amerika Syarikat dengan produk Malaysia.

vii. menganjurkan misi-misi pelaburan ke luar negara yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi aktiviti promosi dan penarikan pelaburan baharu yang berkualiti; dan

viii. menganjurkan program, dengan izin, *media engagement* dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menyalurkan maklumat-

maklumat terkini berkaitan pelaburan kepada pelabur-pelabur yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kedudukan dan prestasi Malaysia yang semakin baik telah membuktikan bahawa inisiatif-inisiatif berterusan yang dilaksanakan Kerajaan sememangnya berada di landasan yang betul untuk meningkatkan lagi daya saing, produktiviti dan tadbir urus negara, memudahkan perniagaan dan menggalakkan pelaburan ke Malaysia.

10. Kerajaan komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif baharu yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk terus meningkatkan kadar pelaburan termasuk pelaburan asing ke Malaysia, dan seterusnya mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM252 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perjawatan yang telah diisi oleh JAKOA pada masa kini dengan jumlah kekosongan yang ada pada tahun 2017 seramai 152 kekosongan.

NO SOALAN: 67

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 30 November 2019, jumlah perjawatan JAKOA adalah sebanyak 967 perjawatan dengan jumlah pengisian adalah sebanyak 806 perjawatan iaitu sebanyak 83.35%. Jumlah kekosongan adalah sebanyak 161 perjawatan iaitu 16.65%.

Kekosongan perjawatan ini berlaku berikutan persaraan pegawai, pertukaran keluar, kenaikan pangkat, letak jawatan dan meninggal dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan pengisian untuk 76 jawatan kritikal adalah dari pelbagai skim termasuk jawatan kader telah diangkat ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak 54 perjawatan telah diluluskan untuk pengisian secara berperingkat.

Selain itu, bagi menampung kekurangan pegawai dan kakitangan, JAKOA juga telah melaksanakan pengambilan pekerja secara kontrak, *trade-off* dan Pekerja Singkat Harian (PSH).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk pembangunan belia melalui sukan di Sabah dan apakah program-program yang ada untuk negeri Sabah.

NO SOALAN: 68

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada tahun 2019, Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan (Persekutuan) Negeri Sabah telah melaksanakan sebanyak 24 program sukan dengan penglibatan seramai 721,261 orang di seluruh negeri Sabah.

Bil	Program	Tarikh
1.	Kem Bakat Badminton KBS 2019	22-24 Mac 2019
2.	Program Sukan Wanita Dan Veteran	13-14, 20-21 April 2019
3.	FitMalaysia @Community	Mac - April 2019
4.	Fitness Together	Mac - April 2019
5.	Let's Get Fit @Gym	Mac - Mei 2019
6.	Outrec Level I	13-16 Mac 2019
7.	Pertandingan Mendaki	30-31 Mac 2019
8.	Pertandingan E-Sport	20-21 April 2019
9.	Outrec Level II	25-30 April 2019
10.	X Games Challenge	30-31 Mac 2019

11.	Klinik Pocket Bike	13-14 April 2019
12.	Inspire iTalent	Mac 2019
13.	Sinergy *Inspire*	Mac - April 2019

2. Sehingga November 2019, program sukan massa yang mendapat sambutan di negeri Sabah adalah seperti berikut:

3. Pada tahun 2018, program sukan massa yang mendapat sambutan di Sabah adalah seperti berikut:

   a. program pembangunan sukan orang kurang upaya seperti *Inspire iTalent*, *Inspire iTrain*, OKU Aktif, Sukan Integrasi dan *Synergy Inspire* yang disertai seramai 357 orang;

   b. program penggalakan dan pembangunan sukan seperti Kem Bakat Badminton Peringkat Negeri, Liga Sukan Untuk Semua Peringkat Daerah, Liga Sukan Untuk Semua Peringkat Negeri, Hari Sukan Negara Peringkat Negeri dan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah yang disertai seramai 1,599,249 orang; dan

   c. program pembangunan sukan rekreasi seperti *Outrec* 1, XPDC Puncak, *Sea Venture*, Bengkel Pengenalan *Esports* dan Klinik *Cub Prix* KBS yang disertai seramai 357 orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) apakah mekanisme yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk mengatasi kebanjiran berita tidak benar di laman sesawang setelah pemansuhan Akta Berita Tidak Benar di samping akta-akta sedia ada dan inisiatif portal "sebenarnya.my"; dan

(b) adakah Kementerian akan menggantikan pemansuhan Akta Berita Tidak Benar dengan akta-akta baru seperti Akta Kebebasan Maklumat seperti Negeri Selangor atau Pulau Pinang.

NO SOALAN: 69

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa komited dengan usaha menangani isu kebanjiran berita tidak benar di laman sesawang. Dalam konteks ini, peruntukan dalam undang-undang sedia ada yang menyentuh mengenai pembuatan, penerbitan dan penyebaran berita atau maklumat yang boleh digunakan bagi melindungi orang awam daripada penularan dan penyebaran berita tidak benar adalah seperti berikut:

(i) Kanun Keseksaan *[Akta 574]*;
(ii) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 *[Akta 301]*;
(iii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]; dan
(iv) Akta Hasutan 1948 *[Akta 15]*.

Akta-akta sedia ada ini sememangnya dikuatkuasakan agensi berkaitan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia demi memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara daripada isu berita tidak benar di laman sesawang. Mekanisme pelaporan penyalahgunaan media sosial yang disediakan penyedia platform seperti *Facebook* dan Google Malaysia juga boleh digunakan untuk menghapuskan berita tidak benar di media sosial.

Selain itu, cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia turut akan menyumbang kepada suatu pelaporan yang seimbang, adil dan tepat melalui pelbagai jenis sumber atau sudut pandangan serta ketepatan fakta berdasarkan sumber sahih. Salah satu objektif penubuhan Majlis ini adalah untuk mempromosikan penggunaan media sosial yang lebih bertanggungjawab sambil menyediakan ruang untuk kebebasan bersuara di negara ini.

(b) Tuan Yang di-Pertua

Cadangan gubalan Akta Kebebasan Maklumat (*Freedom of Information Act*) merupakan salah satu daripada komitmen Kerajaan baharu dan Jemaah Menteri pada 11 Julai 2019 seterusnya bersetuju agar YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) menerajui perkara ini bersama-sama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Dalam konteks ini, penggubalan akta ini perlu mengambil kira undang-undang sedia ada dan impaknya terhadap undang-undang tersebut. Penelitian dan kajian menyeluruh sedang dilaksanakan untuk menetapkan parameter dasar sama ada gubalan Akta Kebebasan Maklumat ini akan menggantikan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] atau mana-mana akta lain termasuk Akta Berita Tidak Benar 2018 [*Akta 803*].

Selain daripada itu, penggubalan Akta Kebebasan Maklumat ini sedang diteliti melalui perbincangan menyeluruh bagi membolehkan pelaksanaannya kelak tidak bercanggah dengan penguatkuasaan terhadap akta-akta lain seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perlindungan Data

NO SOALAN: 69

Peribadi 2010, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Perlindungan Saksi 2009 dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah kes keganasan rumahtangga menjadi semakin serius. Mohon nyatakan statistik terkini.

NO SOALAN: 70

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang- undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat di bendung. Berdasarkan statistik PDRM jumlah kes yang dilaporkan dari tahun 2016 hingga 2018 adalah sebanyak **16,730** kes manakala jumlah kes yang dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh yang sama adalah **2,267** kes. Perbezaan statistik antara PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah kerana tidak semua kes yang membuat laporan ke PDRM akan hadir ke JKM kerana mereka tidak memerlukan perkhidmatan yang disediakan oleh JKM.

Berdasarkan statistik JKM, jumlah kes yang hadir ke JKM untuk mendapatkan perkhidmatan adalah menurun dari tahun 2016 hingga 2018 iaitu sebanyak **898** kes (2016) kepada **767** (2017) dan **602** (2018). Walaupun terdapat penurunan bagi kes yang mendapatkan perkhidmatan di JKM tetapi ia tidak boleh menggambarkan tahap keseriusan kes kerana JKM memberi perkhidmatan membantu mangsa berdasarkan tafsiran keganasan yang terdapat dalam Akta 521 iaitu :

NO SOALAN: 70

i. Secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
ii. Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan menyebabkan kecederaan fizikal;
iii. Memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;
iv. Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
v. Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu;
vi. Dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
vii. Mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan;
viii. Berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya;
ix. Menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
x. Menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau

xi. Dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Bagi tahun ini sehingga Jun 2019, sebanyak 340 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada jumlah tersebut **316** mangsa adalah perempuan dan **24** kes adalah lelaki. Tiga (3) negeri yang mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang tertinggi ialah Selangor sebanyak 91 kes (27%), diikuti Pahang 56 kes (16%) dan Kedah 34 kes (10%).

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program advokasi kempen kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga dan psiko pendidikan sepanjang tahun di 15 buah negeri seluruh negara ke arah memberi kesedaran serta celik undang-undang dalam menangani kes berkaitan. Antara program yang dijalankan oleh JPW adalah seperti berikut:

i. Perkhidmatan kaunseling motivasi;
ii. Klinik Guaman;
iii. Klinik D’Stress;
iv. Program Wanita Anti Jenayah (WAJA); dan
v. Kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun.

NO SOALAN: 70

JPW juga turut melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali dengan kumpulan *Lay Counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan membantu komuniti yang mengalami pelbagai masalah termasuklah keganasan dalam rumah tangga.

Klinik Guaman dilaksanakan dengan membincangkan isu-isu berkaitan dan tindakan yang boleh diambil oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Manakala Klinik *De'Stress* pula memberi pendedahan personaliti diri, kemahiran asas kaunseling, kemahiran komunikasi dan teknik pengurusan emosi seperti tekanan, marah, kebimbangan dan sebagainya di peringkat Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Program WAJA pula telah dilaksanakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya mengenai jenayah melalui seminar dan ceramah.

Selain itu, JPW telah melancarkan Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita. Kempen ini dilaksanakan sepanjang tahun dan secara berterusan di setiap program-program JPW dengan mengumpulkan tandatangan sebagai tanda menyokong kempen tersebut.

Kerajaan juga akan mewujudkan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang merupakan platform pemantauan dan penyelarasan usaha menangani kes keganasan rumah tangga antara agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Platform untuk menangani keganasan rumah tangga akan berfungsi di dua peringkat iaitu di peringkat persekutuan dan negeri. Fungsi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 70

i. Mengenal pasti isu dan masalah serta membincangkan kaedah penyelarasan yang terbaik dan *sustainable* bagi menangani sesuatu isu berkaitan keganasan rumah tangga yang dibangkitkan melalui keterlibatan pihak-pihak berkepentingan;

ii. Sebagai pemudah cara dan perantara bagi memastikan perundangan berkaitan keganasan rumah tangga termasuk Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], prosedur operasi standard agensi Kerajaan serta garis panduan berkaitan keganasan rumah tangga dilaksanakan dengan baik dan berkesan; dan

iii. Membentuk persefahaman melalui jaringan kolaborasi strategik antara semua agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan bagi memastikan kes keganasan rumah tangga dapat diselesaikan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan Pas Sementara Sabah yang akan dikeluarkan bermula Jun 2020 tidak disalahgunakan; dan

(b) adakah sistem dan pegawai bersedia untuk mendaftar semula 600 ribu orang di Sabah yang dijangka layak memohon PSS.

NO SOALAN: 71

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan pemberian Pas Sementara Sabah (PSS) yang akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2020 adalah bertujuan untuk menyeragamkan kepelbagaian dokumen yang dimiliki oleh warga asing di Sabah bagi memudahkan pengecaman dan operasi oleh pihak penguatkuasa. Langkah-langkah kawalan yang diambil bagi memastikan penyalahgunaan PSS oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab tidak berlaku adalah seperti berikut:

(i) PSS hanya akan dikeluarkan kepada pemegang dokumen sedia ada yang telah disahkan oleh agensi pengeluar yang berkaitan iaitu IMM13 oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kad Burung-Burung oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Sijil Banci oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah, Majlis Keselamatan Negara Sabah;

(ii) pelaksanaan semakan silang data antara agensi bagi memastikan pemegangnya adalah tulen sebelum PSS dikeluarkan;

(iii) pengeluaran PSS dalam bentuk kad yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti biometrik dan mempunyai nombor ID yang unik bagi membezakan PSS dengan pas-pas imigresen sedia ada;

(iv) kesemua elemen dalam penentuan pemberian PSS ini akan melalui proses bancian dan saringan yang ketat oleh Kerajaan bagi memastikan hanya yang benar-benar layak boleh mendapatkan PSS tersebut; dan

(v) pemegang PSS tidak diberikan pertimbangan pemberian Permit Masuk, taraf Pemastautin Tetap dan kewarganegaraan.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkaitan kesediaan Kerajaan berhubung pelaksanaan pemberian PSS ini, ingin dimaklumkan bahawa berdasarkan rekod oleh pihak Kerajaan melalui proses banci dan semak silang yang telah diketuai oleh Majlis Keselamatan Negara, Sabah bersama-sama Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah mulai 26 November 2015 sehingga 15 Jun 2016, jumlah pemegang dokumen IMM13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci adalah seramai 136,055 orang. Pecahan jumlah tersebut mengikut jenis dokumen adalah seperti pada Jadual 1 berikut:

Jenis Dokumen	**Jumlah Pemegang (orang)**
IMM13	51,645
Kad Burung-Burung	36,892
Sijil Banci	47,518
Jumlah Keseluruhan	**136,055**

Jadual 1 : Pecahan Jumlah Pemegang IMM 13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci di Sabah Melalui Semakan Silang

NO SOALAN: 71

Jumlah ini akan berubah semasa pengemaskinian data selanjutnya dilaksanakan yang turut melibatkan pendaftaran tanggungan kepada pemegang dokumen dokumen IMM13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengemaskinian data tersebut, perkara ini akan dilaksanakan secara teliti dan berhati-hati melalui mekanisme yang akan diperincikan oleh Pasukan Petugas Khas PSS yang dipengerusikan secara bersama oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Majlis Keselamatan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

MAKLUMAT TAMBAHAN:

1. Kegunaan Pas Sementara Sabah (PSS):
   (i) bekerja tertakluk kepada dasar semasa pekerja asing peringkat kerajaan Negeri Sabah;
   (ii) pendidikan;
   (iii) perubatan;
   (iv) perbankan; dan
   } bayaran mengikut kadar warga asing
   (v) perkahwinan.

2. Tempoh sah laku PSS ialah 3 tahun dengan fi sebanyak RM120 dan boleh diperbaharui.

3. Pemegang PSS dibenarkan untuk keluar daripada Sabah ke semenanjung Malaysia sahaja bagi tempoh tidak melebihi 30 hari. Permohonan perlu dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Negeri Sabah dan pertimbangan oleh Pengarah Imigresen Negeri Sabah secara *case by case.*

NO SOALAN: 71

JUMLAH SEMAKAN SILANG DATA DOKUMEN IMM13, SIJIL BANCI DAN KAD BURUNG-BURUNG DI SABAH

Dokumen / Agensi	Data	Catatan
IMM13 oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	51,645	Dokumen IMM13 yang aktif (tidak termasuk tanggungan)
Sijil Banci oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)	47,518	Data MKN yang tidak mempunyai persamaan nama dengan IMM13
Kad Burung-Burung oleh Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah	36,892	Data JKM yang tidak mempunyai persamaan nama dengan IMM13
JUMLAH	**136,055**	

NO SOALAN: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk membiayai pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

NO SOALAN: 72

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pada setiap tahun KPM menerima sejumlah peruntukan khusus bagi program ke luar negara untuk murid menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan ko-akademik.

Terdapat beberapa platform yang disediakan oleh KPM bagi penyertaan murid untuk menyertai pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa iaitu:

1. Pertandingan yang dibiayai oleh KPM melalui peruntukan khusus program luar negara yang dibida setiap tahun dan diberikan kepada murid-murid mengikut syarat dan kriteria pemilihan sesuatu pertandingan. Bilangan penyertaan murid-murid ke peringkat antarabangsa adalah terhad kepada peruntukan yang diterima pada tahun semasa. Contoh kejohanan yang dibiayai oleh KPM adalah Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Asia, Program Robotik, Program F1 in Schools, Program Olimpiad dan Jamboree Sempadan Malaysia-Thailad.

NO SOALAN: 72

2. Pertandingan yang dibiayai oleh agensi luar dan peruntukan diberikan kepada murid-murid mengikut syarat dan kriteria pemilihan sesuatu pertandingan dan bilangan penyertaan murid juga mengikut peruntukan yang disediakan pada tahun semasa. Murid yang mewakili negara di peringkat *senior* seperti di Kejohanan Sukan Asia Tenggara dan Kejohanan Olimpik adalah dibiayai oleh Majlis Sukan Negara, Persatuan Sukan Kebangsaan atau Majlis Olimpik Malaysia. Manakala bagi aktiviti kokurikulum, KPM turut bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Malaysian Industry – Government Group for High Technology (MIGHT), dan Maxis bagi pembiayaan program Roket Kebangsaan, Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) dan Maxis Cyber Kids.

3. Pertandingan yang ditawarkan secara terbuka kepada murid-murid yang layak dengan pembiayaan sendiri atau melalui sumbangan agensi kerajaan atau swasta.

Untuk makluman, pada tahun 2019 KPM telah memperuntukkan sebanyak RM1.8 juta membiayai penyertaan pelajar di pertandingan peringkat antarabangsa. Amaun yang sama turut diperuntukkan untuk tahun 2020. Sekolah - sekolah yang ingin menyertai pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa boleh mengemukakan permohonan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian terutamanya RTM bagi membendung gejala fitnah yang berleluasa.

NO SOALAN: 73

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sentiasa memastikan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sebagai penyiar utama kerajaan Malaysia menyampaikan maklumat kepada rakyat dan mengawal kandungan rancangan terbitannya dengan merujuk garis panduan penyiaran yang telah ditetapkan.

2. Walaupun diakui gejala fitnah yang berleluasa tidak dapat dikawal sepenuhnya, RTM tetap sentiasa berusaha memastikan agar semua penerbitannya mematuhi ciri-ciri bahan siaran yang ditetapkan di dalam Garis Panduan dan Kod Etika Penyiaran RTM iaitu; yang menyokong wawasan negara, menghormati sensitiviti dan kepekaan rakyat serta menggambarkan masyarakat berbilang kaum.

3. Dalam tempoh jangka pendek, RTM berusaha memastikan khalayaknya terdidik dengan bahaya gejala fitnah. Mesej mengenai bahaya fitnah serta kesan dan akibatnya disampaikan menerusi siaran *Public Service Announcement* (PSA) dan sketsa menerusi TV dan radio serta rangkaian media sosial RTM.

NO SOALAN: 73

4. 13 jenis PSA dan kapsul pelbagai tajuk seumpamanya telah disiarkan pada tahun ini. RTM turut menerbitkan rancangan bual bicara santai “PASTIKAN SAHIH” setiap Rabu pukul 4.00 petang di TV1 dan setiap Isnin sehingga Jumaat pukul 6.00 petang di saluran percubaan berita MyFreeView. Program ini adalah bertujuan berkongsi maklumat yang benar dan membetulkan berita-berita palsu yang viral di media sosial. Perkara sama turut dibincangkan daripada semasa ke semasa menerusi kupasan topik rancangan Selamat Pagi Malaysia. Selain itu juga, RTM dari semasa ke semasa menyiarkan kapsul-kapsul pendek, hebahan, sketsa menerusi TV dan radio dan rangkaian media sosial RTM untuk makluman orang ramai.

5. Bagi tempoh jangka panjang, RTM akan sentiasa memupuk penyatuan rakyat dengan memaparkan kandungan bermesej positif, mempromosi perpaduan dan kesatuan kaum, dalam melahirkan rakyat Malaysia yang progresif dan tinggi nilai hormat sesama kaum.

6. RTM juga mengguna pakai platform internet sebagai medium informasi atau menyebar maklumat kepada rakyat. Penyaluran maklumat yang tepat dan sahih juga turut disalurkan oleh RTM menerusi portal http://berita.rtm.gov.my/, http://myklik.rtm.gov.my dan http://www.malaysia1news.my.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah pelajar IKBN di seluruh negara yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya pada peringkat sijil dan diploma di IKBN sehingga November 2019 dan statistik sama ada mereka ini telah mendapat pekerjaan atau masih menganggur. Apakah hala tuju Kerajaan untuk membantu belia-belia ini mendapat pekerjaan atau dapat menyara hidup mereka dengan sejahtera.

NO SOALAN: 74

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan dalam soal pembangunan kemahiran TVET di kalangan belia negara.

2. Kementerian Belia dan Sukan melalui **22 Institusi** Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) iaitu Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari tahap 1 hingga tahap 5 menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan professional.

3. Untuk makluman YB, Seramai **7532** pelajar sepenuh masa telah menamatkan pengajian pada tahun 2018 dan 2019. Melalui kajian kebolehpasaran graduan ILKBS bagi tahun 2019, kebolehpasaran graduan ILKBS adalah **93.25%** dengan purata gaji pendapatan graduan ILKBS **RM1,761.61.**

4. Bagi memastikan pelajar ILKBS menjadi pilihan utama industri seterusnya menangani isu pengangguran, KBS telah melaksanakan Program Memperkasakan TVET KBS yang melibatkan pelbagai inisiatif.

NO SOALAN: 74

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah inisiatif kerjasama strategik bersama pihak industri. Sehingga November 2019, sebanyak 44 syarikat telah mengadakan kerjasama di peringkat nasional dan lebih 300 syarikat telah bekerjasama di peringkat ILKBS. Melalui inisiatif ini, pihak syarikat bersama-sama didalam merangka kurikulum dan silibus pengajian bagi semua bidang di ILKBS berorientasikan industri masa depan dalam melahirkan modal insan TVET berkemahiran tinggi untuk negara.

5. Melalui kerjasama bersama pihak industri ILKBS telah mengemaskini kurikulum selari dengan perubahan teknologi revolusi IR4.0. Sebagai contoh Teknologi Aplikasi Drone dimasukkan ke dalam modul latihan bidang kemahiran seperti pembinaan awam, elektronik, fotografi, multimedia dan elektrikal.

6. Selain daripada itu, Kementerian juga turut menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar ILKBS bermula pada tahun 2017 bagi memastikan pelajar lepasan ILKBS dapat menyara hidup mereka dengan sejahtera. Beberapa program telah diadakan di peringkat ILKBS seperti :-

    i. Penguatkuasaan silibus baharu Keusahawanan Digital pada sesi 1/2020 menambah baik silibus Keusahawanan sedia ada, bertujuan melahirkan graduan berkemahiran bukan sahaja dalam bidang teknikal, malah berpotensi menjadi Usahawan yang berdaya saing di era ekonomi digital masa kini;

ii. Pelaksanaan projek inkubator program keusahawanan di ILKBS bagi melatih pelajar semester akhir mengaplikasi kemahiran sebelum keluar membangunkan bisnes sendiri;

iii. Program eUsahawan Young Heroes anjuran KBS dan MDEC dilaksana di 21 ILKBS memfokus pada peserta komuniti setempat yang berminat menjadi usahawan; dan

iv. Program perintis keusahawanan dengan menggunakan pendekatan *maker space* di ILKBS pada tahun 2020. Program ini bertujuan memberi peluang kepada graduan/alumni ILKBS menggunakan fasiliti di ILKBS bagi menjalankan perniagaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi peningkatan aktiviti gerombolan bot-bot nelayan dari negara Thailand dan Vietnam yang kerap kali dikesan menceroboh masuk ke perairan Malaysia.

NO SOALAN: 75

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berkenaan isu pencerobohan bot nelayan asing di perairan Malaysia sehingga mengakibatkan Negara kehilangan hasil laut berbilion ringgit. Pelbagai usaha dan langkah telah dijalankan melalui agensi-agensi di bawah KDN iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia(APMM) dan Pasukan Polis Marin(PPM) bagi memastikan perairan Malaysia bebas dari pencerobohan nelayan asing. Sebagai contoh, jumlah keseluruhan bot nelayan asing (BNA) yang ditahan oleh APMM dari Januari sehingga November 2019 adalah sebanyak 159 buah bot iaitu 134 bot dari Vietnam, 10 bot dari Indonesia dan 15 bot dari Thailand.

Antara usaha lain dalam menangani masalah pencerobohan nelayan asing di Zon Maritim Malaysia adalah:

a. APMM dan PPM telah melaksanakan rondaan rutin 24/7 di perairan negara oleh kapal dan bot bagi mengesan kegiatan jenayah maritim dan isu pencerobohan bot nelayan asing (BNA) khususnya dari negara Vietnam dan Thailand;

b. Pemantauan melalui Sistem Pengawasan Laut (SWASLA). Di mana terdapat 11 buah radar di Semenanjung Malaysia, 3 buah radar di Sabah dan 2 buah radar mudah alih digunakan bagi mengesan objek yang

mencurigakan serta pencerobohan BNA yang akan disalurkan terus ke pusat operasi yang berdekatan supaya tindak balas pantas (*response time*) dapat dilaksanakan;

c. Pengoperasian dua (2) buah kapal APMM, kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel*) KM PEKAN dan KM ARAU yang telah dioptimumkan sepenuhnya kerana kemampuannya untuk bertahan dalam tempoh yang lama di perairan Laut China Selatan (*endurance*). Di samping pengawasan melalui aset udara dari semasa ke semasa akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara;

d. Pemantauan RS3 (Radar *Survellience, Safety, Security*) oleh pihak Petronas di perairan Sabah Timur. Di mana sistem ini mampu mengesan BNA melalui radar pada jarak 60KM dan pengawasan kamera pada jarak 23 KM. Maklumat lokasi BNA ini akan disalurkan terus kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk tindakan lanjut dan Perlaksanaan Operasi Bersepadu seperti Op Naga yang diselaras oleh APMM dengan penglibatan kerjasama aset dari agensi-agensi lain seperti Tentera Laut Diraja Malaysia(TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia(TUDM), Pasukan Polis Marin(PPM), Pasukan Gerakan Udara(PGU), Polis Diraja Malaysia(PDRM) dan Jabatan Perikanan.

e. Pengoperasian bersepadu ini terbahagi kepada dua iaitu Op Naga Barat dengan jumlah keseluruhan tangkapan di laut dari 1 November sehingga 30 November 2019 adalah sebanyak 122 tangkapan. Manakala bagi Op Naga Timur sebanyak 62 tangkapan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 184 tangkapan bagi bulan November 2019. Manakala bagi jumlah

pemeriksaan sebanyak 3675 permeriksaan telah dibuat sepanjang bulan November 2019.

Perlaksanaan operasi ini turut di sokong melalui pemantauan udara, Sistem Pengesanan Automatik(AIS), *E-Navigation Information Services and Coummunications* (ENAV), maklumat daripada pelantar minyak dan persatuan nelayan. Sokongan dan kerjasama dari semua pihak sepanjang operasi bersepadu ini dilihat telah memberikan impak positif dalam mengelak aktiviti pencerobohan haram dari terus berleluasa sehingga mengancam keselamatan perairan negara. Langkah ini merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan lagi kawalan keselamatan di sempadan maritim negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ZAIEDI SUHAILI**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan walaupun Kementerian Pendidikan bersetuju untuk melaksanakan nisbah 90:10 penempatan guru-guru berasal dari Sarawak berbanding dengan guru-guru bukan berasal dari Sarawak apakah baki 10% itu terdiri dari guru-guru pakar agar boleh membantu meningkat mutu pendidikan di Sarawak.

NO SOALAN: 76

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 25 November 2019, pencapaian Dasar Empowerment 90:10 di negeri Sarawak adalah sebanyak 90 peratus. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini tidak bermakna kualiti guru di Sarawak diabaikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berkompromi terhadap kualiti guru demi pendidikan anak bangsa. Untuk makluman, berdasarkan semakan KPM, sehingga 28 November 2019, seramai 266 orang guru cemerlang daripada pelbagai gred sedang berkhidmat di Sarawak. Guru Cemerlang adalah guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang kompetensi, seperti penguasaan kandungan mata pelajaran dan pedagogi.

Bagi menjamin kualiti guru interim yang dilantik, KPM ingin memaklumkan bahawa pengambilan guru interim dari kalangan graduan pasaran terbuka yang tidak memiliki Ikhtisas Pendidikan diberikan tawaran menduduki Program Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah secara Kursus Dalam Cuti yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia bagi membolehkan mereka memperoleh Ikhtisas Pendidikan dan seterusnya boleh dipertimbangkan lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha menambah baik keberkesanan dalam pengadilan di Mahkamah Sivil telah dan akan dilakukan.

NO SOALAN: 77

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Badan Kehakiman adalah sebuah badan yang berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan keadilan di negara ini. Ia adalah suatu badan yang menjalankan kuasa kehakiman dan bebas daripada pengaruh Badan Eksekutif (pemerintah) mahupun Perundangan kerana fungsinya yang bertindak sebagai suatu mekanisma utama dalam penyelesaian apa-apa pertikaian dan melaksanakan keadilan di negara ini. Fungsi-fungsi yang dijalankan adalah fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

2. Usaha untuk memperkenalkan inovasi dan inisiatif dalam Badan Kehakiman Malaysia telah bermula sejak tahun 2001 apabila beberapa pegawai kanan daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dijemput untuk membuat lawatan ke Mahkamah Singapura bagi membuat pemerhatian terhadap inovasi yang telah dijalankan dalam sistem pengkomputeran mahkamah di sana.

3. Susulan daripada itu, Badan Kehakiman Malaysia telah memulakan usaha dan inisiatif untuk menginovasi pentadbiran keadilan di Malaysia bermula pada tahun 2009 dan usaha ini boleh dikategorikan kepada tiga perkara seperti berikut—

(i) Pentadbiran kehakiman yang sistematik dan efisien
(ii) Penambahbaikan penjalanan urusan mahkamah
(iii) Sistem pengkomputeran

Pentadbiran kehakiman yang sistematik dan efisien:

4. Pada 1 September 2009 New Commercial Court (NCC) telah dilancarkan. Mahkamah ini ditubuhkan bagi menambahbaik sistem penyampaian mahkamah berkaitan kes-kes komersial termasuklah kes-kes muamalat dan harta intelek. Pada 1 Oktober 2010 pula New Civil Courts (NCvC) telah ditubuhkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan objektif kedua-dua Mahkamah NCC dan NCvC ini ditubuhkan adalah bagi mempercepatkan pelupusan kes-kes iaitu dalam tempoh sembilan bulan.

5. Selain daripada itu Tracking System juga telah mula diperkenalkan bagi mengurangkan lambakan kes di mahkamah khususnya kes-kes komersial. Melalui sistem ini pengurusan kes akan diadakan di peringkat awal selepas kes didaftarkan. Bagi kes komersial dan sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Tracking System ini dikategorikan kepada Trial Track (T-Track) dan Affidavit Track (A-Track) di mana hakim di bawah T-Track akan menjalankan perbicaraan manakala bagi A-Track hakim akan mendengar permohonan interlokutori.

6. Badan Kehakiman juga turut memperkenalkan jawatan Hakim Pengurus yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan bagi memantau dan memastikan keberkesanan dan kelancaran pentadbiran keadilan di mahkamah selain mengawal selia

prestasi dan alasan penghakiman para hakim. Beberapa mahkamah khas juga ditubuhkan seperti Mahkamah Muamalat (mahkamah yang mendengar kes perbankan Islam), Mahkamah Harta Intelek dan Mahkamah Admiralti.

7. Bermula pada tahun 2011 pula, Badan Kehakiman telah memperkenalkan penubuhan mahkamah khas baharu yang terdiri daripada Mahkamah Alam Sekitar, Mahkamah Rasuah, Mahkamah Siber dan Mahkamah Pembinaan. Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak pula mula diperkenalkan pada tahun 2017.

Penambahbaikan penjalanan urusan mahkamah:

8. Antara penambahbaikan yang telah dibuat ialah pengenalan Kaedah-Kaedah Mahkamah yang baharu iaitu Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) yang mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012. KKM 2012 ini menggantikan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Melalui KKM 2012 ini tatacara di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah telah ditambahbaik secara menyeluruh. Selain daripada itu, Akta Mahkamah Rendah 1948 telah dipinda pada tahun 2010 dengan menaikkan bidang kuasa sivil mahkamah rendah iaitu Mahkamah Sesyen telah diberi kuasa untuk mendengar kes tuntutan sivil yang tidak melebihi RM1 juta manakala bagi Mahkamah Majistret pula, bidang kuasa sivil dinaikkan kepada tuntutan yang tidak melebihi RM100 ribu.

9. Pada tahun 2009, Badan Kehakiman juga telah turut menggubal Kod Etika Hakim bertujuan untuk menetapkan standard asas untuk mengawal tatakelakuan semua hakim dan menjadi bimbingan kepada hakim dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatakelakuan kehakiman yang tinggi.

Sistem pengkomputeran:

10. Dari segi sistem pengkomputeran di mahkamah pula, *e-court system* telah mula diperkenalkan yang merangkumi *case management system*, *Queue Management System* (*QMS*) *Court Recording and Transcription* (*CRT*) dan *e-Filing System*. Manakala di Sabah dan Sarawak pula suatu sistem yang dikenali sebagai *Integrated Court System* telah diperkenalkan yang mengandungi 5 modul seperti CMS, CRT, *televideo conferencing system* (*TVCS*), *community and advocated portal* (*CAP*) dan *court-advocate resource engangement* (*CARE*).

11. Selain daripada itu, sistem e-Bahagian Surat Kuasa Wakil dan sistem e- Bahagian Surat Kuasa Mati juga turut diperkenalkan pada tahun 2017 di mana sistem ini akan mengendalikan pemfailan dan kesemua perkara berkaitan secara elektronik.

12. Sistem e-Lelong juga telah dibangunkan pada tahun 2017 di mana pelaksanaan sistem e-Lelong sebagai projek perintis (*pilot project*) telah dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuantan bermula pada 1 Jun 2017. Sistem e-Lelong kemudiannya telah diperluaskan ke tiga buah lokasi

NO SOALAN: 77

Mahkamah Tinggi Malaya iaitu di Temerloh, Ipoh dan juga Taiping bermula 1 Jun 2018.

13. Terbaharu ialah pengenalan sistem e-Review di mana pengurusan kes dijalankan tanpa kehadiran peguam secara fizikal ke mahkamah. Melalui sistem ini para peguam boleh saling memberi maklum balas secara bertulis dalam talian kepada pihak yang lain dan juga Pendaftar yang sedang mengendalikan pengurusan kes. E- Balloting turut diperkenalkan bagi menambahbaik ketelusan dalam pembahagian kes kepada para hakim. Kini pembahagian kes dilakukan secara elektronik dan ini menunjukkan Badan Kehakiman amat menitikberatkan soal ketelusan dan bagi meningkatkan keyakinan orang awam kepada sistem pentadbiran keadilan di negara ini.

14. Selain daripada perkara yang telah dijelaskan di atas, Badan Kehakiman juga turut membuat perancangan masa hadapan (*way forward*) bagi meningkatkan prestasi dan menambahbaik pentadbiran keadilan antaranya perancangan dan kajian untuk mewujudkan *artificial intelligence, paperless programme*, *monitoring trigger system* dan *virtual court.*

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan antara kesan kemasukan warga asing ke Malaysia ialah meningkatnya indeks jenayah yang melanggar peraturan moral dan imigresen negara. Bagaimana pun, rakyat tempatan lebih banyak terlibat dalam kes jenayah berbanding mereka. Apakah statistik terbaru bagi jenayah utama yang melibatkan pendatang asing berbanding rakyat tempatan.

NO SOALAN: 78

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengukur kejadian jenayah yang berlaku di dalam negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membahagikan jenayah kepada 2 kategori utama iaitu Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan Indeks. Jenayah Indeks merupakan jenayah yang kerap berlaku dan boleh dijadikan sebagai penanda aras untuk mengukur situasi jenayah dalam negara.

Jenayah Indeks terbahagi kepada 2 kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Jenayah Kekerasan meliputi 7 jenis kesalahan iaitu Bunuh, Rogol, Samun Berkawan Bersenjata Api, Samun Berkawan Tanpa Senjata Api, Samun Bersenjata Api, Samun Tanpa Senjata Api dan Mencederakan. Manakala, Curi, Curi Motokar, Curi Motosikal, Curi Van/Lori/Jentera Berat, Curi Ragut dan Pecah Rumah/Curi merupakan 6 jenis kesalahan yang diletakkan di bawah Jenayah Harta Benda.

Jenayah Bukan Indeks pula adalah jenayah-jenayah selain Jenayah Indeks. Antara contoh-contoh Jenayah Bukan Indeks termasuklah khianat, merusuh, ugutan jenayah, pemerasan, dan cabul.

Statistik jenayah indeks seluruh Malaysia bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun 2019 mencatatkan jumlah seramai 53,363 orang rakyat tempatan terlibat dengan kes jenayah. Manakala, seramai 8,740 orang

warga asing terlibat dalam kes jenayah bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, warga asing adalah paling ramai terlibat di dalam kategori Jenayah Harta Benda iaitu kes curi dengan jumlah 2,795 orang, diikuti dengan kes pecah rumah dan curi seramai 2,521 orang dan kes curi motosikal seramai 780 orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 78

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jadual 2. Statistik Penglibatan Warga Tempatan dan Warga Asing Dalam Jenayah Indeks Bagi Tahun 2019 (Januari Hingga Oktober)

BIL	K E S A L A H A N	WARGA TEMPATAN	WARGA ASING
	KATEGORI KEKERASAN :		
1	BUNUH	617	318
2	ROGOL	1,692	153
3	SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	511	96
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	5,278	657
5	SAMUN BERSENJATA API	66	26
6	SAMUN TANPA SENJATA API	1,268	249
7	MENCEDERAKAN	6,097	690
	JUMLAH	**15,529**	**2,189**
	KATEGORI HARTA BENDA :		
8	CURI	16,082	2,975
9	CURI MOTOKAR	2,852	194
10	CURI MOTOSIKAL	9,173	780
11	CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	808	46
12	CURI RAGUT	206	35
13	PECAH RUMAH DAN CURI	8,713	2,521
	JUMLAH	**37,834**	**6,551**
JUMLAH KESELURUHAN		**53,363**	**8,740**

NO SOALAN: 78

Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang, PDRM juga melaksanakan langkah-langkah pencegahan bagi memastikan penglibatan warga asing dalam kegiatan jenayah dapat dibanteras. Antara langkah-langkah pencegahan tersebut ialah:

a) mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasa-kawasan tumpuan ramai dari masa ke semasa kerana kehadiran anggota polis di kawasan-kawasan ini secara tidak langsung bertindak sebagai *deterrent* daripada berlakunya kejadian jenayah;

b) memperketatkan kawalan di pintu-pintu masuk di seluruh negara terutamanya dari segi saringan ke atas pelawat bagi memastikan pelawat yang masuk ke negara ini tidak memberikan risiko keselamatan kepada negara termasuklah dari segi jenayah;

c) meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara asing dari segi perkongsian maklumat risikan dan maklumat mengenai orang yang dikehendaki (*wanted person*);

d) meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan lain di seluruh negara menerusi pemantauan, perkongsian maklumat dan operasi bersama;

e) mengadakan rondaan, pemeriksaan dan pemantauan berkala ke tempat-tempat yang menjadi tumpuan warga asing, termasuklah penempatan pekerja-pekerja asing di seluruh negara; dan

f) mengadakan kempen dan program khusus untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kejadian jenayah dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh orang awam untuk mencegah kejadian jenayah serta mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa jenayah.

NO SOALAN: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian masih melaksanakan prinsip persefahaman (MOU) di antara KPM dan JAKOA pada tahun 1996 dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar dan Asrama SMK Benut, Pontian dan SMK. Bekok, Segamat, Johor, sedangkan tidak lebih 20% pelajar orang Asli yang tinggal di asrama tersebut.

NO SOALAN: 79

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan KPM dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di SMK Benut, Pontian dan SMK. Bekok, Segamat, Johor masih diteruskan walaupun jumlah murid Orang Asli semakin berkurangan. Bantuan dan kebajikan murid Orang Asli yang tinggal di asrama tetap diberi perhatian oleh pihak KPM.

Setiap murid Orang Asli yang tinggal di asrama menerima RM300.00 secara *one off*. Peruntukan sebanyak RM120.00 bagi keperluan sekolah berbentuk alat tulis dan kelengkapan sekolah diberikan kepada setiap murid orang. Peruntukan ini disalurkan melalui JAKOA.

Berdasarkan rekod KPM bagi tahun 2019, di asrama SMK Benut terdapat dua (2) orang penghuni asrama murid Orang Asli. Manakala di SMK Bekok terdapat 23 orang penghuni asrama murid Orang Asli.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha agresif pihak Kerajaan susulan isu berkenaan benih subsidi padi, benih padi sah tidak sampai atau lewat di negeri-negeri yang terlibat khususnya di Negeri Perak dalam membantu Kerajaan Negeri yang turut mengutamakan pembangunan pertanian terutamanya sawah padi.

NO SOALAN: 80

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Keperluan benih padi sah negara adalah sebanyak 72,000 tan metrik setahun. Keperluan benih padi sah bagi negeri Perak sahaja adalah sebanyak 11,366.6 tan metrik melibatkan keluasan bertanam padi seluas 81,190 hektar.

2. Buat masa ini, terdapat satu pengeluar benih padi sah di negeri Perak iaitu Felcra Plantation Service Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, sebarang kekurangan akan ditampung oleh pengeluar benih padi sah dari negeri-negeri lain.

3. Antara punca kelewatan benih padi ini berlaku adalah seperti berikut:
   (i) Sebanyak 9 pengeluar benih padi sah yang telah diberikan kuota pengeluar berdasarkan kapasiti masing-masing. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengeluar tidak dapat menyediakan bekalan walaupun masih mempunyai kuota. Sementara itu, terdapat juga pembekal yang masih mempunyai lebihan stok bekalan tetapi telah kehabisan kuota menyebabkan benih tidak dapat dibekalkan pada harga subsidi;

(ii) Serangan penyakit Hawar Bulir Bakteria (*Bacterial Panicle Blight*, BPB) seluas 2,927.62 hektar bagi musim 2/2018 dan musim 1/2019 di ladang-ladang benih padi turut menjejaskan pengeluaran benih padi untuk tahun 2019;

(iii) Varieti benih yang tidak mendapat sambutan pesawah. Kebanyakan benih di pasaran adalah daripada varieti CL dan MR297 yang kurang digemari oleh pesawah atas beberapa faktor, yang antaranya mudah diserang penyakit. Justeru, terdapat pesawah yang menukar pesanan benih kepada varieti lain yang tiada di dalam stok pembekal walaupun penetapan dan jangkaan pilihan varieti telah diputuskan semasa mesyuarat pra-musim, menyebabkan masalah kekurangan bekalan bagi varieti tertentu berlaku.

Antara usaha agresif yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan atau kelewatan benih padi adalah seperti berikut:

(i) Membuat agihan semula kuota benih padi sah berdasarkan keperluan dan kapasiti semasa pengeluar benih padi sah. Dalam hubungan ini juga, Kementerian telah berjaya mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) untuk penurunan kuasa bagi membolehkan penyelarasan semula kuota dapat dijalankan pada masa hadapan;

(ii) Mengemaskini perancangan yang lebih teliti terhadap keperluan benih padi bagi setiap musim penanaman melalui mekanisme mesyuarat pra-musim sedia ada; dan

(iii) Mengkaji dan memperkemaskan semula sistem pembekalan benih berdasarkan kuota pembekal dengan memperkenalkan sistem pembekalan baharu yang lebih baik termasuk pembekalan secara terbuka.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan pengagihan projek yang lebih adil kepada Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke 12 (2021-2025) bagi memenuhi dan menghormati Perjanjian Malaysia 1963.

NO SOALAN: 82

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penyediaan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang merangkumi tempoh 2021-2025 sedang dirangka dengan fokus kepada pembangunan sosio-ekonomi yang mampan dan saksama termasuklah aspek pembangunan wilayah yang seimbang. Ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada sesuatu wilayah atau negeri sahaja selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama.

2. Dalam memastikan pengagihkan yang adil dalam RMKe-12, Kementerian telah mengambil satu inisiatif mengadakan Sesi Libat Urus Penyediaan RMKe-12 bersama semua Kerajaan Negeri termasuk Sabah dan Sarawak yang telah diadakan pada 26 dan 27 Julai 2019.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak termasuklah berkaitan dengan keperluan, keutamaan dan isu-isu pembangunan diambilkira dalam mendasari penyediaan RMKe-12.

4. Kerajaan Persekutuan menerusi MEA mengambil maklum akan keperluan negeri Sabah dan Sarawak dan akan meneliti semula

keperluan tersebut dalam memberi keutamaan pelaksanaan projek dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 ini juga peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuklah Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2019, iaitu di bawah *Rolling Plan* 4 (2019) RMKe-11, Sabah dan Sarawak telah diperuntukkan masing-masing sejumlah RM5.012 bilion dan RM4.346 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM54.70 bilion. Manakala di bawah *Rolling Plan* 4 (2020) yang merupakan tahun terakhir RMKe-11, Sabah dan Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM5.009 bilion dan RM4.470 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM56 bilion.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelaksanaan yang perlu diambil bagi menyelesaikan isu kekurangan tempat letak kenderaan di hospital-hospital Kerajaan bagi memudahkan pesakit dan pelawat yang berkunjung ke hospital untuk menerima rawatan atau melawat pesakit

NO SOALAN: 83

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan inisiatif bagi mengatasi isu kekurangan tempat letak kenderaan di hospital-hospital KKM, antaranya adalah melaksanakan projek pembinaan Tempat Letak Kenderaan (TLK) secara bertingkat menerusi Kerjasama Awam-Swasta (Public-Private Partnership atau PPP). Pelaksanaan projek ini dibuat menerusi kaedah *Build-Operate-Transfer* atau BOT).

Pada masa ini, KKM sedang dalam proses untuk melaksanakan projek secara rintis terlebih dahulu melibatkan dua (2) buah hospital yang mengalami isu kesesakan dan kekurangan tempat letak kenderaan yang kritikal. Sekiranya projek tersebut berjaya dilaksanakan dan didapati berdaya maju, maka pelaksanaan projek sedemikian bolehlah diperluaskan ke fasiliti kesihatan lain yang mana turut mengalami masalah kesesakan dan kekurangan tempat letak kenderaan.

Selain daripada melaksanakan inisiatif tersebut, KKM juga memberi kebenaran kepada pengendali swasta untuk menguruskan kawasan tempat letak kenderaan di hospital-hospital KKM agar pengoperasiannya lebih teratur dan memberi keselesaan kepada pengunjung dengan caj bayaran yang minimum. Penyerahan fungsi mengurus tempat letak kenderaan

kepada pengendali swasta juga berupaya memastikan aliran trafik yang lebih licin di sekitar kawasan hospital.

Namun demikian, di dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta ini, orang ramai yang mengunjungi fasiliti kesihatan KKM turut dinasihati agar dapat sama-sama memberikan kerjasama contohnya seperti mengoptimumkan penggunaan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan perkhidmatan *e-hailing* yang mana langkah sebegini akan dapat membantu dalam mengurangkan perbelanjaan Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak tempat letak kenderaan di persekitaran fasiliti kesihatan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status bancian penduduk melalui Sistem Maklumat Orang Asli yang telah dilaksanakan sejak tahun 2017, namun masih belum dibentangkan sehingga kini.

NO SOALAN: 84

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Aktiviti pungutan data bagi Banci Masyarakat Orang 2017 telah bermula pada 10 April 2017 dan telah berakhir pada 31 Julai 2017. Pungutan data masyarakat Orang Asli yang terperinci telah dilaksanakan meliputi maklumat Kampung dan koordinat, Tempat Kediaman, Profil Ketua dan Ahli Isirumah, Pendidikan, Pekerjaan, Pendapatan dan Jenis Bantuan yang diterima. Pada masa ini, JAKOA Negeri dan Daerah telah menyemak dan mengemaskini 93% daripada data bancian dan dijangka selesai selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2020. Selepas proses pengemaskinian ini selesai, data tersebut akan dibentangkan untuk diperakui oleh pihak pengurusan tertinggi JAKOA dan JPM sebelum data Banci Masyarakat Orang Asli tahun 2017 dapat digunakan secara rasmi.

Kelewatan pengesahan data banci tahun 2017 adalah disebabkan oleh perubahan kaedah pungutan data. Bancian pada tahun 2017 melibatkan penggunaan tablet dan sistem berbanding kaedah manual menggunakan borang sebelum ini. Penggunaan tablet dan sistem yang masih baru pada ketika itu sedikit sebanyak menggangu kelancaran proses kerja banci apabila terdapat banyak data yang bercelaru dan tersilap apabila pemindahan data dilaksanakan. Ini memerlukan kepada kerja tambahan pegawai di peringkat negeri dan daerah yang perlu membuat padanan semula dan pemurnian data.

NO SOALAN: 84

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah unit Program Perumahan Rakyat yang telah siap dibina dalam setiap negeri dari tahun 2013 sehingga 2018.

NO SOALAN: 85

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah keseluruhan PPR yang siap dibina dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2013 sehingga 2018 mengikut negeri adalah seperti berikut:-

BIL	NEGERI	PROJEK SIAP	
		BIL. PROJEK	BIL. UNIT
1	SABAH	15	8,268
2	KELANTAN	3	2,150
3	WP KUALA LUMPUR	2	2,100
4	JOHOR	2	1,670
5	MELAKA	3	1,436
6	SARAWAK	3	1,124
7	TERENGGANU	1	1,002
8	PAHANG	5	606
9	KEDAH	3	600
10	NEGERI SEMBILAN	1	570
11	PERAK	2	339
12	PULAU PINANG	2	301
13	SELANGOR	1	300
14	PERLIS	1	200
JUMLAH		**44**	**20,666**

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah yang dilakukan terhadap anak-anak pesalah imigresen apabila ibu bapa mereka ditangkap dan adakah hak mereka dipelihara seperti diberikan makanan, tempat tinggal dan pakaian yang secukupnya.

NO SOALAN: 86

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penahanan kanak-kanak melalui operasi penguatkuasaan seterusnya akan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen dan diasingkan mengikut jantina dan umur selaras Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Bagi kanak-kanak yang berusia kurang daripada 12 tahun, mereka akan ditempatkan bersama ibu, bapa atau penjaga mengikut jantina.

Terdapat dua (2) kategori kanak-kanak yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen iaitu:

i. **kanak-kanak dengan penjaga** yang ditahan bersama-sama ibu bapa yang melakukan kesalahan imigresen; dan

ii. **kanak-kanak tanpa penjaga** yang ditahan atas dasar kemanusiaan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku setelah dikenalpasti sebagai warganegara asing. Kanak-kanak ini akan dirujuk kepada Perwakilan Asing bagi tujuan verifikasi dan dokumentasi sebelum dihantar pulang ke negara asal.

NO SOALAN: 86

Proses pengesahan dan penyediaan dokumen perjalanan oleh Perwakilan Asing dilaksanakan semasa tempoh menunggu sebelum penghantaran pulang seseorang warganegara asing ke negara asal yang mengambil masa secara puratanya selama tiga (3) bulan. Kanak-kanak ini akan dihantar pulang bersama ibu, bapa atau penjaga setelah mempunyai tiket perjalanan pulang, dokumen perjalanan dan mendapat keputusan kes dari Timbalan Pendakwa Raya untuk diusir pulang ke negara asal.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saringan kesihatan ke atas kanak-kanak akan dibuat oleh Penolong Pegawai Perubatan Depot Imigresen semasa proses penerimaan serta memberikan rawatan awal/susulan ke hospital/klinik terdekat. Kanak-kanak yang berada di Depot Tahanan Imigresen diberikan diet makanan yang disediakan mengikut nutrisi yang telah disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memastikan kesejahteraan tahanan termasuk kanak-kanak adalah seperti berikut:

i. bagi kes-kes akut dan kecemasan, pegawai imigresen di Depot Tahanan Imigresen akan menghantar tahanan yang terjejas ke klinik kesihatan awam yang terdekat. Ini dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh KKM;

ii. Kader (Penolong Pegawai Perubatan yang bekerja di JIM) perlu memberitahu mana-mana penyakit berjangkit yang disyaki ke pejabat kesihatan daerah terdekat mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988;

iii. sekiranya terdapat sebarang wabak atau kejadian kesihatan awam (*public health event* - PHE), pejabat kesihatan daerah terdekat akan menghantar satu pasukan untuk menyiasat, mengawal dan menguruskan wabak tersebut;

iv. untuk memastikan semua prosedur perubatan termasuk aktiviti pencegahan dan kawalan dijalankan mengikut SOP, JIM dengan kerjasama KKM sentiasa menganjurkan latihan kepada semua kakitangan perubatan termasuk kader, dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan isu-isu kesihatan di Depot Tahanan Imigresen;

v. imunisasi diberikan kepada kanak-kanak di pusat tahanan mengikut jadual imunisasi standard Malaysia dengan matlamat untuk mencegah sebarang penyakit berjangkit;

vi. mesyuarat tetap yang diadakan oleh KKM bersama-sama agensi berkaitan bagi membincangkan sebarang isu kesihatan yang berkaitan dengan Depot Tahanan Imigresen;

vii. memberikan kemudahan penggunaan telefon kepada tahanan untuk membuat panggilan kepada kedutaan/keluarga/majikan/ rakan;

viii. kebenaran lawatan ahli keluarga dan rakan-rakan ke atas tahanan; dan

ix. aktiviti riadah dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan telah membuat kajian terperinci tentang faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya peningkatan kes kemurungan dan "anxiety disoder" khususnya di kalangan remaja. Apakah langkah Kerajaan bagi membendung penyakit ini.

NO SOALAN: 87

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kajian yang paling terkini yang memfokuskan kepada remaja sekolah berumur 13 sehingga 17 tahun adalah Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan pada 2017 dengan kadar maklumbalas sebanyak 89% dan mendapati bahawa prevelan kemurungan, keresahan (*anxiety*) dan stress masing-masing adalah 18.3 %, 39.7% dan 9.6%. Prevelan kemurungan, keresahan dan stres adalah tertinggi daripada kalangan responden yang merasakan kesepian, merokok, yang mengambil dadah dan minum alkohol, mempunyai kelakuan seksual, dibuli dan pernah mengalami penderaan fizikal.

Dari segi perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), remaja yang dikenal pasti mengalami masalah kebimbangan yang melampau (*Anxiety Disorders*) iaitu hasil daripada saringan minda sihat akan dirujuk oleh guru bimbingan kaunselling ke klinik kesihatan yang berdekatan setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa dan penjaga. Di klinik kesihatan, pelajar ini akan dinilai semula oleh Pegawai Perubatan atau Pakar Kesihatan Keluarga yang akan memberikan rawatan atau intervensi yang bersesuaian. Rujukan ke hospital berhampiran juga akan dibuat jika remaja tersebut memerlukan penilaian oleh pakar psikiatri.

NO SOALAN: 87

Di seluruh Malaysia, terdapat sebanyak 1,001 klinik kesihatan di peringkat primer yang memberikan perkhidmatan kesihatan mental. Perkhidmatan ini merangkumi saringan, rawatan dan intervensi termasuk kaunseling jika seseorang itu didapati mengalami masalah kesihatan mental.

Hospital-hospital Kerajaan juga menyediakan sokongan ini bersama pakar-pakar psikiatri bagi membantu individu yang mengalami masalah kesihatan mental seperti *anxiety disorders*. Perkhidmatan kaunseling dan psikologi melalui Klinik Kaunseling juga diberikan oleh Pegawai Psikologi (Kaunseling) terlatih di bawah Unit Psikologi Kaunseling yang diletakkan di bawah pemantauan Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan/ Perubatan/Klinikal). Ini adalah bagi mempermudahkan akses kepada perkhidmatan kaunseling, di mana pesakit yang dirujuk boleh terus mendapatkan kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua,

Program kesedaran terhadap masalah kesihatan mental terutama sekali stres, keresahan dan kemurungan diperluaskan di kalangan pelajar-pelajar sekolah melalui program Doktor Muda, Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL) serta program Minda Sihat sekolah.

KKM juga telah melancarkan satu kempen kesedaran nasional *Let's TALK Minda Sihat* - #**letstalkmindasihat** yang bertujuan membina kesedaran dan mengatasi stigma terhadap kesihatan mental. Kempen ini melibatkan beberapa agensi Kerajaan serta pihak NGO yang akan berkolaborasi bagi

menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran kesihatan mental di seluruh negara secara berterusan.

Usaha akan dipergiatkan lagi bagi membantu remaja untuk berbincang secara terbuka mengenai masalah kesihatan mental yang dihadapi dalam mendapatkan rawatan atau intervensi jika diperlukan tanpa halangan atau stigma mengenai kesihatan mental.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk merapatkan jurang pendapatan masyarakat bandar dan luar bandar khususnya membantu dalam meningkatkan pendapatan luar bandar sejajar dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.

NO SOALAN: 88

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan bulanan penduduk luar bandar adalah RM4,359 berbanding penduduk bandar RM7,671.

Salah satu matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) yang dilancarkan pada 27 Jun 2019 yang lalu adalah untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar dari segi ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran, sebagai salah satu usaha untuk merapatkan jurang pendapatan di antara penduduk luar bandar dan bandar. Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan program pembangunan ekonomi luar bandar yang melibatkan pembangunan usahawan termasuk dari pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan latihan keusahawan seperti di bawah MARA, KEMAS dan Lembaga Kemajuan Wilayah, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar.

Selain itu, Kementerian juga telah mengenal pasti 28 daerah di Malaysia yang mempunyai pendapatan purata bulanan di bawah RM4,000, di mana penumpuan pembangunan akan diberikan kepada kampung-kampung di

dalam daerah tersebut terutamanya yang berkaitan dengan program-program pembangunan ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk di kampung tersebut.

Kementerian juga turut memberi penekanan kepada pembangunan belia melalui 375 program TVET di bawah 274 institusi latihan di bawah KPLB. Program-program latihan ini bertujuan untuk melatih belia terutamanya di luar bandar dalam bidang kemahiran dan seterusnya mendapat pekerjaan dan menjana pendapatan.

Kementerian juga sedang meneliti cadangan program-program baharu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas khusus untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, seperti mana yang telah digariskan di bawah DPLB 2030.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi terkini untuk memperkukuhkan keselamatan di pantai timur Sabah.

NO SOALAN: 89

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengurusan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZone) masih dilaksanakan di bawah penyelarasan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Sabah sentiasa memantau perkembangan semasa situasi ancaman dan pengurusan keselamatan bagi memastikan keselamatan di ESSZone terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi membendung kes penjualan kad pengenalan dan sijil lahir kepada rakyat asing pada masa hadapan bagi meyakinkan rakyat Malaysia bahawa Kerajaan serius dalam menangani perbuatan khianat kepada negara ini.

NO SOALAN: 90

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad dan sijil kelahiran kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Berhubung dengan penambahbaikan JPN, satu Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN telah diadakan pada 18 September 2019 dan memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi memperkemas sistem penyampaian JPN termasuk memperketatkan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) sedia ada JPN seperti berikut:

a. Kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123), kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN

Negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai Ahli Panel;

b. Meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di JPN termasuk terhadap *vendor* yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang telah ditetapkan;

c. Menambah baik aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai, sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada pegawai atasan;

d. Menukar penempatan pegawai JPN secara pusingan (*rotation*) bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua (2) tahun, untuk meminimumkan salah guna kuasa;

e. Menyemak dan mengemaskini data/rekod kelahiran, kematian dan kad pengenalan di pangkalan sistem JPN bagi mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan; dan

f. Untuk jangka masa panjang, JPN meneliti cadangan agar diwujudkan Bank Data *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) atau kaedah-kaedah biometrik lain untuk dimasukkan dalam Sijil Kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**10 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah menara telekomunikasi yang telah dan akan dibina di seluruh Negeri Terengganu mengikut kawasan Parlimen 2018 dan 2019.

NO SOALAN: 91

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Kerajaan telah dan sedang melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada di seluruh negara termasuk di Negeri Terengganu. Sehingga kini, sebanyak 151 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan sedang beroperasi di Negeri Terengganu dan sebanyak 285 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada telah dinaik taraf kepada liputan 3G dan 4G.

2. Daripada jumlah ini, sebanyak 1 menara telah siap dibina pada tahun 2018, dan 14 menara telah siap dibina pada tahun 2019.

3. Bagi penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada pula, sebanyak 34 stesen pemancar telah dinaik taraf di Negeri Terengganu pada tahun 2018, dan 72 stesen pemancar telah dinaik taraf pada tahun 2019.

4. Selain itu, menerusi inisiatif NFCP 1 yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu, sejumlah 13 tapak menara baharu telah dikenal pasti akan dibina di Negeri Terengganu, manakala bagi inisiatif

NFCP 2 pula, pengenalpastian tapak menara baharu di 34 lokasi sedang dijalankan di Negeri Terengganu.

5. Pecahan jumlah inisiatif yang telah dilaksanakan mengikut parlimen adalah seperti di bawah:

Parlimen	**Menara Komunikasi Baharu**	**Penaiktarafan Stesen Pemancar di Menara Komunikasi Sedia Ada**
Besut	15	26
Dungun	28	71
Hulu Terengganu	42	54
Kemaman	27	66
Kuala Nerus	3	5
Kuala Terengganu	-	-
Marang	11	27
Setiu	25	36
Jumlah	**151**	**285**

Sekian, terima kasih.